

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 14

Selasa

28 Mac 2017

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 10)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 33)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 4	(Halaman 34)
Maksud B. 48	(Halaman 49)
Maksud B. 28	(Halaman 81)
Maksud B. 42	(Halaman 93)
Maksud B. 13	(Halaman 97)
Maksud B. 63	(Halaman 103)
Maksud B. 12	(Halaman 119)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 32)

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016

Jawatankuasa:-

Maksud P. 6 & 7	(Halaman 34)
Maksud P. 48	(Halaman 49)
Maksud P. 21	(Halaman 50)
Maksud P. 23	(Halaman 56)
Maksud P. 25	(Halaman 57)
Maksud P. 27	(Halaman 58)
Maksud P. 28	(Halaman 81)
Maksud P. 29	(Halaman 92)
Maksud P. 31	(Halaman 92)
Maksud P. 32	(Halaman 92)
Maksud P. 43	(Halaman 93)
Maksud P. 46	(Halaman 93)
Maksud P. 48	(Halaman 97)
Maksud P. 60	(Halaman 102)
Maksud P. 62	(Halaman 103)
Maksud P. 63	(Halaman 103)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 28 Mac 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]** minta Perdana Menteri menyatakan sebagaimana kita tahu, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bersedia membantu pejabat-pejabat hutan negeri untuk menguatkuasakan Akta Perhutanan Negeri daripada dicerobohi oleh peneroka-peneroka hutan. Jadi, bagaimana perkara ini boleh dilaksanakan sedangkan kuasa akta tersebut terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang cukup baik daripada Yang Berhormat Lipis. Semasa penggulungan saya bagi Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja pada 23 Mac lalu, saya telah menyatakan bahawa penubuhan sukarelawan renjer (APM) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia adalah untuk membantu renjer hutan sedia ada dan masyarakat setempat untuk memantau dan membanteras aktiviti pembalakan haram, pembukaan tanah tanpa permit bagi tujuan pertanian atau penempatan haram pendatang tanpa izin (PATI) serta lain-lain aktiviti jenayah yang boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan masyarakat setempat.

Jadi pasukan sukarelawan renjer APM ini terdiri daripada penduduk tempatan yang mengetahui selok-belok kawasan hutan sekitar penempatan mereka, tentunya mengenali orang-orang yang memasuki kawasan penempatan sama ada penduduk tempatan atau orang luar. Bezanya sukarelawan renjer APM ini dibekalkan dengan pakaian seragam untuk mudah dikenal pasti ketika menjalankan operasi bersama renjer hutan.

Sukarelawan renjer APM ini akan menjadi mata dan telinga dengan membantu kerajaan dalam mencegah dan melaporkan aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang perhutanan dan saya percaya akan dalam situasi sebegini jabatan perhutanan negeri yang kekurangan renjer hutan boleh dibantu oleh sukarelawan renjer APM. Tidak timbul persoalan sukarelawan renjer APM mengambil alih atau melangkaui bidang kuasa kerajaan negeri mengenai perhutanan kerana tugas hakiki APM menggunakan ruang kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan Jabatan Perhutanan negeri untuk memantau kawasan berisiko bencana, khususnya kawasan tadahan air yang berkenaan yang terkesan dengan

pembalakan haram, sekali gus boleh menjadi ancaman keselamatan kepada nyawa penduduk tempatan mereka sendiri.

Saya telah menghantar surat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, telah bersetuju dan menjalankan operasi. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk menerima 797 orang sukarelawan pada peringkat awal. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan setuju pada dasarnya untuk menerima 10,000 orang.

Kerajaan-kerajaan negeri dalam jawapan, Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bersetuju pada dasarnya. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dalam pertimbangan bagi menawarkan bantuan kepada agensi-agensi terbabit untuk tugas penguatkuasaan dan sebagainya. Justeru itu, tugas membantu agensi-agensi ini adalah mempertahankan negara daripada dicerobohi. Tanggungjawab kerajaan dan rakyat adalah untuk memastikan petualang-petualang ini dihalang daripada menjalankan kegiatan haram mereka. Ini menunjukkan rakyat dan kerajaan berpisah tiada, demi negaraku yang tercinta, Malaysia. *Thank you.*

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan ini. Saya hendak khusus kepada negeri Pahang yang mana 58 peratus daripada 3.59 juta hutan ini keluasan negeri Pahang adalah hutan. Apakah, seramai manakah setakat ini renjer sukarelawan APM ini yang berada di negeri Pahang dan apakah *feedback*nya serta bolehkah kita beri ruang kepada Kerajaan Pusat untuk melakukan sesuatu dalam bidang penguatkuasaan undang-undang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada peringkat awal APM merintis pasukan pertama sukarelawan renjer hutan di Pejabat Daerah Pertahanan Awam Bentong pada 28 Februari 2013 dengan keanggotaan seramai 87 orang tempatan.

Pasukan ini telah pun membuat rondaan bersama dengan renjer hutan di Hutan Kekal Lentang, Bentong; Lata Hammer, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur; Bentong, kawasan Genting Highlands, Cameron Highlands. Pasukan rintis ini akan dikembangkan dalam masa terdekat ke seluruh negeri dan akan berusaha untuk membantu agensi-agensi lain yang memerlukan.

Jadi pada dasarnya Yang Berhormat, kita tidak mengambil kuasa daripada renjer hutan tetapi sebaliknya kita membantu renjer hutan dan juga lain-lain agensi yang kita telah bagi tawaran dalam jawapan saya yang lepas iaitu seramai 81,000 orang ataupun 100,000 tidak ada masalah.

Tujuannya adalah untuk menggambarkan kepada semua pihak bahawa pertahanan negara, penguatkuasaan negara, penguatkuasaan undang-undang negara adalah oleh kerajaan dan rakyat. Rakyat dan kerajaan berpisah tiada. Kalau kita serah semua kepada pihak keselamatan dalam apa hal sekali pun, dia akan menimbulkan masalah. Akan tetapi kalau keselamatan dan rakyat bekerjasama, sudah pasti kita dapat menyelesaikan banyak masalah.

Angkatan Pertahanan Awam ialah rakyat yang akan bersama dengan agensi kerajaan dari semasa ke semasa untuk membanteras segala bentuk penerokaan yang sekarang ini berleluasa dilakukan oleh orang asing. Dia lari daripada Kuala Lumpur, dia pergi buka jalan ke Genting Highlands, Cameron Highlands, Lojing, Gua Musang. Di mana-mana tempat sahaja mereka melihat ada hutan, mereka ingat tidak ada orang jaga mereka akan tebang, tanam pokok dan sebagainya.

■1010

Rakyat harus bersama dengan kerajaan untuk membanteras perkara ini. Jadi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Lipis yang telah membawa soalan ini dan sekurang-kurangnya saya dapat menjelaskan kepada semua pihak bahawa kehadiran kita ialah bagi pihak rakyat untuk bersama dengan kerajaan bagi membanteras semua pihak yang melanggar undang-undang dalam apa bentuk sekali pun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kepong. Cantik *tie* Yang Berhormat, dengan baju batik lagi. Bertambah muda, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah masalah atau sabitan dengan undang-undang latihan untuk renjer APM dan juga bayaran baginya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, bayaran ataupun elaun kepada mereka yang bertugas sama seperti sukarelawan yang lain di negara ini, tidak ada perbezaan. Jadi, yang itu kita laksanakan. Saya kurang menyebut perkara ini supaya semua pihak melihat bahawa letakkan kesukarelawan itu di hadapan, elaun itu nombor dua. Kalau kita letak elaun nombor satu dan orang melihat ini ialah sebagai satu sumber pendapatan yang perlu diberi keutamaan. Keutamaan sekarang ini ialah sukarelawan *first*. Ada juga orang yang tidak menyertai APM secara kehormat. Jadi mereka tidak termasuk dalam senarai untuk diberi elaun. Jadi, bagi mereka ialah sedikit sumbangan kepada masyarakat dan kepada negara. Macam orang Islam percaya bahawa ini ialah kerja-kerja amal dipanggil, yang mana akan membantu kita di dunia dan juga di akhirat.

Jadi negara maju memerlukan ramai sukarelawan, Yang Berhormat. Kalau negara itu maju, tidak ada kesukarelawan maka negara itu tidak maju. Negara maju diiringi dengan sukarelawan, kesukarelawan. Dulu saya sebut, ini angka dulu. Yang Berhormat pun pernah menjadi dulu ya, jadi Yang Berhormat ingat angka dulu, 90an. Bahawa Australia penduduknya masa itu hampir sama dengan kita tetapi dia mempunyai 100,000 sukarelawan sukan tetapi Malaysia hanya mempunyai 10,000 sukarelawan sukan masa itu. Sekarang ini sudah bertambah, Australia bertambah, Malaysia bertambah tetapi kalau kita tidak ada sukarelawan sukan yang ramai, kita menghadapi masalah untuk menggerakkan sukan di peringkat kampung sebab kadang-kadang kalau kita pakai pengadil, pengadil mengehendaki bayaran dan sudah pasti sukar untuk mereka kumpul duit membuat bayaran dan sebagainya. Ini contoh, sukan.

Demikian juga hutan. Ramai daripada sukarelawan yang ingin menanam, memberi sedikit sumbangan. Menanam satu pokok sekurang-kurangnya kepada negara maka kita

galakkan mereka beramai-ramai untuk menanam pokok. Akan ada satu kempen besar-besaran yang berbentuk rakyat Malaysia turun ke padang menanam satu pokok satu hari. Masa itu kita akan dapat 30 juta pokok, semua pihak akan tanam termasuklah orang yang curi hutan pun tumpang menanam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Hari ini *special*. Saya bagi Yang Berhormat Lumut untuk soalan ketiga. Biasanya MQT ini tiada soalan ketiga, *special*. Sila. Pasal Yang Berhormat Menteri hari ini dia baik hati.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya kurang yakin dengan keupayaan APM bila dijadikan renjer oleh kerana tugas dan tanggungjawab amat berbeza dan latihan juga berbeza. Saya lihat keupayaan untuk membantu banjir pun bermasalah, maka sebab itu saya rasa kena pertimbangkan semulalah. Ia melibatkan kos, melibatkan tenaga dan melibatkan pakaian hutan. Takkan baju biru hendak *dok* jadi renjer hutan. Maka sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri boleh fikirkan semula tentang idea untuk mewujudkan relawan renjer inilah. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya berterima kasih tetapi Yang Berhormat kalau berhubung dengan banjir, kalau Yang Berhormat kata ada masalah, Yang Berhormat kena bagi contoh, satu contoh tertentu untuk membolehkan saya mengambil tindakan serta-merta sebab baru-baru ini kita mendapat gambaran bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sehingga dalam sejarah ini adalah yang terbaik dalam masa banjir yang melibatkan 103,000 orang mangsa banjir di seluruh negara. Malah anggota kita lebih ramai daripada mangsa banjir. Yang Berhormat, kalau ada di mana-mana tempat yang kami kurang daripada mangsa banjir, Yang Berhormat kena bagi tahu sebab di semua tempat pada banjir yang lepas, APM melebihi mangsa banjir. Jadi tidak mungkin timbul masalah Yang Berhormat sebut atau Yang Berhormat agak-agak dalam pandangan Yang Berhormat ataupun dalam mimpi-mimpi tertentu.

Kemudian yang kedua Yang Berhormat, pasal latihan. Yang Berhormat sebagai seorang tentera, Yang Berhormat hanya memikirkan latihan dan mengharapkan mereka itu membuat kerja-kerja yang telah ditentukan. Yang Berhormat, semasa di laut, kalau di darat ada lubang tikus tapi di laut saya tak tahu nak bagi lubang apa tetapi orang sentiasa bolos lebih-lagi lagi *navy* yang besar begitu tak sempat mengejar mereka ini. Mereka bolos masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, di laut lubang paus kot?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Oh, ya, ya. [*Ketawa*] Jadi Yang Berhormat, mereka bolos masuk. Jadi kalau kita hanya mengharapkan kepada pasukan keselamatan, kita akan menghadapi masalah. Itu sebab saya tubuhkan Pasukan Simpanan Sukarelawan APMM seramai 5,000 orang. Kita akan tambah lagi 5,000 orang untuk membantu APMM mengatasi masalah penguatkuasaan ini dan sebahagian besar daripada nelayan akan menyertai pasukan simpanan ini sebagai mata dan telinga kepada kerajaan dan dalam kawasan ESSCOM, mereka

boleh bantu kita untuk menjadi pemberi maklumat supaya tindakan cepat boleh diambil kalau berlaku kes-kes yang melibatkan penculikan dan sebagainya.

Kemudian yang kedua Yang Berhormat, memang latihan berbeza tetapi kami hadir sebagai membantu. Kalau sebagai membantu tidak ada masalah, Yang Berhormat. Tidak ada latihan pun boleh. Baru-baru ini berlaku kes di Janda Baik di mana renjer hanya seorang dan saya telah kerahkan kawan-kawan saya termasuk saya sendiri mengikuti renjer untuk pergi ambil tindakan kepada sekumpulan 42 orang yang membuat sesuatu kepada hutan dan kami tidak ada latihan apa-apa dan kami hadir beramai-ramai untuk membantu renjer. Renjer pun ambil tindakan undang-undang berdasarkan kuasa yang ada. Kehadiran kami ialah lebih menggambarkan kehadiran jumlah orang yang begitu banyak untuk membolehkan mereka ini adalah sikit hormat, gerun dan sebagainya. Jadi terima kasih kepada semua soalan Yang Berhormat. Minta maaf kalau sekiranya agak terlebih sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nampaknya soalan MQT yang kedua, Yang Berhormat Lembah Pantai masih lagi belum berada di dalam Dewan. Jadi soalan MQT kedua tidak dapat dijawab, Yang Berhormat Menteri bolehlah bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Baiklah Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri.

[Dewan riuh]

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: MQT tiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey. Saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kita bagi peluang balik kerana Yang Berhormat Lembah Pantai sudah ada.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita berikan tepukan, jangan sorak. Saya ambil peluang tadi mainkan masa sikit nak bagi peluang. Kita sayang Yang Berhormat Lembah Pantai ini. *[Dewan riuh]* Sila.

2. Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta Perdana Menteri menyatakan perincian struktur penetapan tambang MRT serta mekanisme mencapai keseimbangan antara menjamin harga pengangkutan awam berpatutan dan mendapatkan kembali pelaburan dalam semakan tarif berjadual.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Lembah Pantai, kita berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengambil masa dipanjangkan lagi walaupun saya ada urusan rasmi yang cepat perlu dihadiri. Saya terpaksa tunggu juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meneliti dan mempertimbangkan pelbagai faktor dalam menentukan kadar tambang pengangkutan awam yang berpatutan, adil dan berdaya saing bagi memastikan

pengguna mampu menggunakannya dan dalam masa yang sama membolehkan pihak operator terus mampan untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkesan.

■1020

Sebelum ini, struktur kadar tambang ke semua perkhidmatan rel bandar adalah berbeza sama sekali. Masing-masing mengikut perjanjian konsesi iaitu kalau kita lihat LRT laluan Kelana Jaya, perjanjian francais pula dari segi LRT laluan Ampang dan monorel dan mengikut *Memorandum of Fare Structure*, dengan izin, iaitu KTM Komuter. Perbezaan ini menjadikan struktur kadar tambang sebelum ini mempunyai beberapa kelemahan. Oleh sebab itu, kerajaan telah membuat penstrukturan semula kadar tambang rel bandar pada akhir tahun 2015 yang menggunakan asas yang sama untuk ke semua perkhidmatan rel bandar bagi mewujudkan rangka kerja ataupun *framework*, dengan izin, yang konsisten serta mengurangkan anomali dalam struktur tambang sebelum ini.

Framework yang konsisten ini juga perlu dalam kita mewujudkan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, terutamanya antara perkhidmatan rel bandar sendiri iaitu LRT, monorel, KTM komuter dan MRT. Oleh yang demikian, struktur kadar tambang MRT turut menggunakan asas yang sama iaitu gabungan dua komponen terdiri daripada komponen tambang asas ataupun *flat four*, dengan izin, sebanyak 90 sen dan kedua iaitu komponen tambang berdasarkan jarak perjalanan per kilometer, dengan izin.

Kadar tambang bagi komponen jarak per kilometer bagi setiap sistem adalah berlainan kerana setiap perkhidmatan rel mempunyai ciri-ciri dan kos operasi yang tersendiri. Kadar tambang bagi perkhidmatan MRT, LRT dan monorel menurun untuk setiap 4 atau 5 kilometer jarak perjalanan. Manakala kadar tambang KTM komuter menurun bagi setiap 5 kilometer hingga 30 kilometer jarak perjalanan.

Berhubung dengan persoalan mendapatkan kembali pulangan modal yang telah dibelanjakan untuk pembangunan sistem MRT ini, perlu diingatkan bahawa pembinaan MRT ini juga adalah satu daripada rancangan jangka masa panjang selaras dengan usaha kerajaan meningkatkan mutu perkhidmatan sistem pengangkutan awam di kawasan Greater Kuala Lumpur yang mana ia merupakan salah satu daripada 6 bidang keberhasilan utama nasional ataupun NKRA yang diberi keutamaan di bawah Program Transformasi Kerajaan. Sebagai kerajaan.....

[Tanda tamat masa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri berbunyi]

Saya sambung sikit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita sedar bahawa kita tidak akan dapat memperoleh semula pulangan pelaburan yang dibelanjakan untuk pembinaan MRT melalui kutipan tambang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Saya amat hargai dan saya juga- kita memang maklum ya bahawa MRT ini, projek ini dibiayai secara agak besar, hampir sepenuhnya ataupun secara majoriti terma oleh penerbitan bon DanaInfra Nasional Berhad. Maka, persoalan saya sebentar tadi Yang Berhormat sebut tentang mekanisme kepada kos, apakah kerajaan sudah membuat sensitiviti analisis ataupun analisa sensitiviti kepada impak naik turun kadar faedah di Malaysia? Khususnya, berkait dengan pasaran bon untuk mengambil kira risiko kepada kos pembiayaan MRT ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan itu harusnya dijawab oleh pihak MOF. Jadi, kalau memerlukan jawapan terperinci untuknya, saya boleh memohon untuk memberi jawapan bertulis untuk Yang Berhormat bagi jawapan itu ya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah struktur kenaikan? Oleh sebab macam tol ini ia ada berskala 3-4-5 tahun, dinaikkan caj tol itu. Saya hendak tanya sama ada *diapply to* MRT? Apakah pendapatan sampingan yang dapat diperolehi oleh MRT bagi mengekang kenaikan-bagi menambah pendapatan untuk mengekang kenaikan harga MRT ini? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Biasanya memang kita pada kali ini, setiap 5 tahun kita akan mengkaji semula, menyemak semula. Walaupun kalau kita menyebut menyemak semula, bukan bermakna soal jawab tambang itu akan naik. Akan tetapi semakan semula akan diambil kira banyak perkara, dari segi kos berkaitan semasa iaitu dari segi kalau MRT, kerjanya kita mengambil kira *overhead*, insurans dan juga kalau kos dari segi jarak pun diambil kira, penyelenggaraan kenderaan, kos penggunaan elektrik, kos penyelenggaraan dari segi struktur dan landasan, stesen, depot, banyak lagi perkara.

Jadi, dari situ akan dipertimbangkan apa yang boleh diperolehi oleh pihak MRT untuk mendapatkan sama ada dari segi keuntungan ataupun tidak. Semuanya itu perlu diambil kira banyak. Sebenarnya dalam masa yang singkat ini agak sukar untuk kita menjawab secara terperinci tetapi dari segi apa yang telah dilakukan sebelum ini, ianya tidak naik kalau kita bertambah seperti mana yang dilakukan untuk *concession agreement*. Jadi, kita melakukannya berdasarkan kepada perkara-perkara yang saya sentuhkan mengenai apa yang boleh membantu mereka untuk mengendalikan MRT tersebut. Sebab banyak dari segi pengendalian kosnya perlu diambil kira sebab kita perlu menambah baik sistem yang ada dari segi mendapatkan lagi ataupun memperbaiki kemudahan-kemudahan digunakan untuk MRT ini. Kos-kos penyelenggaraannya. Itu saja. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong. Maafkan saya ya.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. Saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh kerana tadi sudah *set mind* hendak tunggu Yang Berhormat Lembah Pantai. Terlupa Yang Berhormat Parit Sulong.

3. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pendidikan menyatakan menerusi hasil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM 2016) yang diumumkan baru-baru ini, apakah prestasi pelajar terkini dalam mata pelajaran Matematik yang dikatakan kurang memuaskan dan apakah langkah pragmatik yang akan diambil untuk menangani perkara ini.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Parit Sulong bertanyakan mengenai dengan keputusan SPM 2016. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pencapaian calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2016 adalah lebih baik pada tahun 2015. Gred Purata Nasional (GPN) tahun 2016 adalah mencatat 5.10 berbanding dengan tahun sebelumnya, 5.15. Keputusan menunjukkan bahawa 41 mata pelajaran sebenarnya mencatatkan peningkatan prestasi, 4 mata pelajaran prestasi tidak berubah dan 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Sains menunjukkan peningkatan prestasi. Mata pelajaran Matematik, Sejarah dan Pendidikan Moral mencatatkan penurunan.

Berdasarkan SPM tahun 2014 hingga 2016, calon yang menduduki peperiksaan Matematik pada tahun 2016 adalah 367,317 orang, berbanding dengan tahun 2014, 392,397. Namun, peratus lulus dan gred purata mata pelajaran tidak menunjukkan trend yang stabil. 2016 – 5.46, 2015 – 5.17, manakala 2014 – 5.22. Pada tahun 2016, mata pelajaran Matematik mencatatkan penurunan sebanyak 0.29 berbanding dengan tahun 2015. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan SPM dikeluarkan pada 16 Mac 2017. Kementerian Pendidikan pada waktu ini sedang membuat penelitian secara terperinci punca prestasi dalam mata pelajaran-mata pelajaran tersebut, termasuklah Matematik dari segi pencapaiannya kurang memuaskan. Laporan lengkap mengenai dengan penelitian ini akan dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak langkah diambil sebenarnya untuk meningkatkan prestasi pelajaran Matematik. Antaranya adalah mencakupi aspek kokurikulum, pentaksiran, pembelajaran dan memperkukuhkan juga Program Transformasi Pendidikan di peringkat daerah. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

■1030

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih kerana masih senyum, tidak marah kepada saya. Ya, sila.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Eh tak, tak marah. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah sejauh manakah dasar-dasar kementerian yang sentiasa berubah, seperti antaranya ialah PPSMI, MBMMBI, DLP, KBAT dan yang lain-lainnya mempengaruhi dalam pencapaian murid dalam Matematik dan apakah faktor utama penyumbang kepada penurunan prestasi pelajar? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya dari segi dasar yang jelasnya adalah Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang dikenali sebagai PPSMI. Kemudian satu lagi adalah MBMMBI, Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Itu dari segi dasar.

DLP dan KBAT adalah merupakan program yang berlangsung di sekolah. Ia bukan dasar. *Dual Language Program* dan satu lagi adalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *Higher Order Thinking Skill*.

Benar, Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada kualiti pendidikan terutamanya bagi melahirkan pelajar yang berilmu dan juga berakhlak. Kementerian Pendidikan telah membuat transformasi kurikulum di peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Pelbagai dasar dan kualiti seperti LINUS, KBAT, Kelas Abad Ke-21 juga dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan dan pencapaian pendidikan. Usaha ini juga dilaksanakan untuk memantapkan hala tuju sistem pendidikan supaya ia relevan dengan tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pelan Pembangunan 2013-2025 yang menetapkan hala tuju dan sasaran yang jelas dan ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan negara ini.

Soalan Yang Berhormat yang berkaitan dengan dasar yang berubah-ubah, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa sehingga kini, sejak saya menjadi Menteri Pendidikan, kita tidak mengubah apa-apa dasar yang sedia ada kerana kita tahu sekiranya banyak sangat dasar diubah, maka akhirnya menjadi masalah bukan sahaja kepada murid tetapi kepada guru-guru yang berada di sekolah kerana ia akan menjejaskan juga kemahiran, kaedah dan cara untuk membuat pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, apakah faktor-faktor penurunan subjek Sejarah dan Pendidikan Moral ini yang kurang mendapat keputusan cemerlang? Adakah disebabkan *syllabus* pembelajaran yang tidak dapat difahami ataupun pelajar-pelajar merasai ia tidak begitu penting? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Soalan yang berkaitan dengan subjek Sejarah dan juga Pendidikan Moral, sebenarnya dalam mana-mana mata pelajaran untuk tiga tahun berturut-turut iaitu daripada tahun 2014, 2015 dan 2016, sudah dimulai dengan penambahan soalan 25 peratus yang dimasukkan dalam

soalan itu adalah yang berkaitan dengan KBAT. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini sudah dimasukkan, elemen-elemen berfikir, dalam soalan-soalan SPM. Jadi termasuk juga dalam mata pelajaran Sejarah ini.

Salah satu daripada perkara yang kita lihat bahawa Sejarah ini adalah subjek wajib yang kena lulus di peringkat SPM. Ada dua subjek yang kena lulus iaitu yang pertama ialah Bahasa Malaysia dan yang kedua adalah Sejarah yang wajib lulus di peringkat SPM. Jadi pelajar-pelajar dari Tingkatan Satu lagi sebenarnya dia sudah tahu bahawa untuk dia dapat SPM itu, dia kena lulus kedua-dua subjek ini. Pendidikan Moral itu adalah mata pelajaran teras tetapi bukan wajib.

Jadi saya melihat bahawa kalau kita buat perbandingan— sebab, ada keputusan peperiksaan yang keluar di kawasan bandar dan ada keputusan peperiksaan di kawasan luar bandar. Kalau kita membandingkan antara dua ini, subjek Sejarah ini dia tidak kira sama ada di bandar atau di luar bandar, ada tempat yang sekolah yang ada peningkatan tetapi secara keseluruhan disebut tadi adalah ada penurunan. Ini termasuk jugalah kepada minat pelajar itu sendiri kepada subjek sejarah itu dan kita kena lebih fokus dan membuat penekanan yang lebih.

Saya bersetuju, Yang Berhormat, bahawa Kementerian Pendidikan khususnya di urusan yang berkaitan dengan subjek Sejarah ini mesti ditekankan lebih kuat lagi oleh kementerian, Jabatan Pendidikan dan guru-guru yang ada di sekolah sebab satunya, wajib dan yang keduanya, mereka perlu faham sejarah negara sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta satu lagi. Tuan Yang di-Pertua, minta satu lagi soalan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tetapi bukanlah disebabkan faktor guru lawan kerajaan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan secara terperinci penyertaan kontraktor Bumiputera dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusoff]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tan Sri Yang di-Pertua dan Dato' Sri Yang di-Pertua yang baru meninggalkan Dewan untuk ambil alih tugas yang lain, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab soalan ini

bersama-sama dengan dua soalan yang lain iaitu soalan daripada Ahli Yang Berhormat Kanowit yang dijadualkan pada 29 Mac 2017 dan soalan Ahli Yang Berhormat Batu Sapi pada 5 April 2017. Ini kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan Projek Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sememangnya komited untuk meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera tempatan dalam pelaksanaan projek mega kerajaan seperti Projek Lebuhraya Pan Borneo. Perbincangan telah diadakan dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan rakan pelaksana projek atau singkatannya PDP iaitu Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd untuk negeri Sarawak. Ia bertujuan menetapkan dasar agihan kontrak untuk sub kontraktor daripada Gred G1 hingga G7 dan pembekal Bumiputera tempatan.

Dasar perolehan serta strategi perolehan bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak termasuk penglibatan kontraktor Bumiputera dimuktamadkan Jawatankuasa Tender yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang menetapkan sekurang-kurangnya 30 peratus nilai kontrak dengan penyertaan kontraktor Bumiputera dalam Projek Lebuhraya Pan Borneo ini.

Setakat ini, potensi keseluruhan kontrak yang terlibat dianggarkan sebanyak RM5,190 juta yang terbahagi kepada tiga jenis subkontraktor Bumiputera iaitu:-

- (i) *Domestic Subcontractor*, dengan izin, dengan anggaran nilai sebanyak RM3,507 juta;
- (ii) *nominated Subcontractor* dengan anggaran nilai sebanyak RM977 juta; dan
- (iii) *designated Subcontractor*, dengan izin, dengan anggaran nilai sebanyak RM706 juta.

Antara skop subkontrak ialah seperti pembinaan kawasan rehat dan rawat (R&R), hentian sebelah, hentian bas, jejantas, pemasangan *guard rail*, dengan izin, perabot jalan, papan tanda jalan dan pengalihan utiliti paip air yang dilaksanakan secara tender dan juga kaedah cabutan undi.

Manakala bagi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah pula, perbincangan menetapkan mekanisme agihan Bumiputera dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat iaitu mengambil kira kaedah ataupun model yang hampir sama sebagaimana Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo telah dipecahkan mengikut negeri iaitu Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Sarawak, pelaksanaan projek fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo di negeri tersebut iaitu daripada Teluk Melano ke Miri berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancang. Sehingga kini kesemua 12 pakej terlibat termasuk satu projek *kick off* telah diaward, di mana fasa pembinaan sedang dan akan dilaksanakan mengikut jadual setiap pakej terlibat.

Bagi negeri Sabah pula, pelaksanaan fasa pertama projek Lebuhraya Pan Borneo ini telah dibahagikan kepada 35 pakej dengan kos keseluruhan sebanyak RM12.86 bilion. Daripada 35 pakej tersebut, setakat ini 3 pakej sedang dalam peringkat pembinaan iaitu pakej Papar ke Donggongon 11 kilometer, Tawau ke Semporna sepanjang 5 kilometer dan Jalan Pintasan Lahad Datu sepanjang 7 kilometer. Manakala sebahagian besar lagi pakej Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang lain sedang melalui proses makmal pengurusan nilai di mana ia akan ditender dan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selewat-lewatnya hingga akhir tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak ini dirancang akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Terima kasih.

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Menteri atas jawapan yang begitu panjang dan mendalam. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan dan PDP yang telah mengagihkan begitu besar peruntukan bagi kerja-kerja untuk kontraktor-kontraktor bumiputera.

Namun demikian, maklumat yang terkini, Tuan Yang di-Pertua adalah di Sarawak dalam kerja ke atas Lebuhraya Pan Borneo adalah sedikit ada kekangan iaitu pada masa kini hanya satu dari lima konsortium kontraktor-kontraktor bumiputera dari DCCI atau Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak yang telah menerima tawaran yang boleh diterima.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawapan dari kementerian. Bagaimanakah kerajaan akan menyelesaikan penemuan jalan buntu sekarang di mana kontraktor-kontraktor utama enggan melayan dan berunding dengan kontraktor-kontraktor domestik bumiputera. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat daripada Julau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk pembangunan kontraktor bumiputera ini, ia mendapat perhatian khusus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merupakan Pengerusi kepada Majlis Ekonomi Bumiputera. Untuk itu, di negeri Sarawak dan Sabah juga telah ditubuhkan Majlis Ekonomi Bumiputera di mana Sarawak saya sendiri menjadi pengerusinya. PDP mesti melaporkan segala perkembangan berhubung kait dengan agihan projek kepada kontraktor bumiputera ini.

Baru ini saya kira dalam bulan satu tidak silap saya, kita sudah mengadakan satu mesyuarat di mana konsortium bumiputera ini iaitu telah diwakili oleh DUBS di mana kita telah agihkan untuk bumiputera ini DUBS, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Sarawak dan juga DCCI iaitu *Dayak Chambers of Commerce*, dengan izin telah dipilih sebagai rakan kongsi untuk mengenal pasti siapakah kontraktor yang berkelayakan untuk terlibat dalam projek Lebuhraya Pan Borneo ini.

Saya sedar apa masalah yang dibangkitkan tadi. Jadi untuk makluman, sebenarnya apa yang berlaku ialah dari segi *method* ataupun kaedah projek ini. Dulu apabila ia diaward adalah berasaskan kepada *lump sum* kontrak tetapi akhirnya bila perundingan dilaksanakan, diputuskan bahawa salah satu mekanismenya ialah *based on measurement*, dengan izin.

Maknanya *actual* kerja *on site* nanti akan diukur, baru kita akan muktamadkan berapakah harga sebenarnya kontrak-kontrak tersebut.

Untuk itu, menyelesaikan masalah perbezaan yang begitu ketara, begitu besar antara kontrak yang telah diagihkan pada *main contractor* dan kepada *nominated subcontractor* ini, apa yang kita cadangkan ialah untuk PDP mengambil tindakan bagi *mitigate*, menjadi orang tengah untuk berunding dengan *main contractor* dengan juga *the consortium of bumiputera contractor* itu tadi supaya dapat pada harga yang lebih munasabah, antara dua-dua perimbangan antara *main contractor* dengan *subcontractor*.

Kalau ini tidak dapat diselesaikan, apa yang kita lakukan, kita sudah pun melantik ICE ataupun *Independent Checker Engineer* yang telah dilantik oleh kerajaan untuk membuat penilaian. Kita akan minta supaya ICE nanti boleh menjadi juga orang *independent* untuk menentukan apakah kadar harga yang munasabah supaya ia dapat diselesaikan seperti mana juga hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan kita untuk membantu semua sektor masyarakat kita akan dapat manfaat daripada projek mega ini. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu apakah justifikasi yang telah dibuat oleh pihak kementerian sebab kita tengok dalam pembentangan bajet tambahan, projek Pan Borneo memohon peruntukan tambahan RM20 juta sedangkan kita dimaklumkan bagaimana peruntukan yang begitu besar dan projek itu sedang dalam proses. Jadi apakah justifikasi sebenarnya sehingga memerlukan peruntukan tambahan RM20 juta? Minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Oleh sebab itu apa yang dikatakan bila kita menentukan satu projek, ia dipanggil anggaran. Bila anggaran, maknanya bila projek itu dianggarkan untuk tujuan mendapat bajet. Bila bajet diluluskan, maka *detail drawing* akan dilakukan, *detail engineering drawing* dengan izin.

Kedua, kita akan membuat kerja-kerja di lapangan, ukuran di lapangan. Bagaimanakah bentuk tanah sama ada tanah, kadang-kadang tanah ini berbeza berdasarkan anggaran awal. Mungkin anggarannya hanya RM12 juta ataupun RM12 bilion tetapi kemudian bila diukur di lapangan, banyak lagi sama ada *utilities* yang perlu dipindahkan, bentuk tanah yang begitu lembut dan juga adanya masalah di lapangan termasuklah adanya halangan-halangan, sama ada disebabkan kependudukan, bangunan dan sebagainya yang perlu diganti dan sebagainya. Jadi sebab itu anggaran dengan *the actual* dengan izin akan berlaku biasanya sama ada penjimatan ataupun kita terpaksa tambah perbelanjaan. Itu yang berlaku dalam setiap kali kita merancang segala projek.

Jadi sebab itu kita sentiasa menggunakan anggara sehinggalah dimuktamadkan. Sebab itu kaedah projek ini juga kita menggunakan kaedah berdasarkan ukuran muktamad bila siapnya projek, bukan lagi berdasarkan jumlah yang dianggarkan tadi. Jadi sebab itu kita melihat ada sebahagian projek nanti akan berlaku penjimatan, manakala mungkin ada juga projek yang terpaksa berlaku tambahan kerja. Misal kata, *kick off* projek di Nyabau dengan Simpang Bakun, banyak masalah di situ terutamanya berhubung kait dengan tanah yang baru dapat diselesaikan tetapi masih ada lagi tanah-tanah yang perlu, ada kependudukan yang

masih menghalang daripada kita melaksanakan projek. Jadi ini perlu diambil kira dan pandangan bila berlakunya di lapangan. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya terbaca dalam *local newspaper* bahawa di antara pekerja-pekerja *local contractors* dengan pekerja-pekerja dengan LBU ini, gaji mereka ini sangat banyak perbezaannya. Kalau *local contractors*, gaji mereka dikatakan di sini adalah *set by the ministry* tetapi yang dengan lebuh raya itu mereka mendapat gaji mengikut apa yang dibayar oleh syarikat lebuh raya. Jadi mohon penjelasan dalam perkara ini sebab *local contractors* ini, ramai daripada mereka ini adalah *local people*. Thank you.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Setahu saya dalam kaedah hal gaji ini dibayar oleh syarikat yang berjaya mendapat tender. LBU hanya merupakan PDP, syarikat yang dilantik oleh kerajaan untuk menguruskan projek. Manakala kontrak kontraktor akan dilantik untuk melaksanakan projek.

■1050

Jadi, kontraktor yang akan *employ* ataupun mengambil orang bekerja. Kadar kerja, kadar gaji dan sebagainya ditentukan oleh kontraktor tersebut. Kita tidak sebenarnya menetapkan apa-apa berhubung-kait dengan gaji kecuali dasar kerajaan ialah *the minimum wage*. Itu memang ada, mesti dipatuhi iaitu merupakan dasar dan juga perundangan yang telah ditetapkan. Sekurang-kurangnya mereka mesti dibayar *based on the minimum wage*, dengan izin.

Otherwise, kita tidak ada mengganggu dan terlibat dengan apa-apa kadar gaji untuk mana-mana pekerja. Ini kerana syarikat yang bertanggungjawab mengambil mereka bekerja dan syarikat bertanggungjawab untuk membayar gaji pada kadar gaji yang ditetapkan. Terima kasih.

2. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan boleh mempertimbangkan pengecualian duti bagi pengimportan peralatan sukan, khususnya peralatan berteknologi tinggi, bagi menggalakkan pembangunan sukan ke arah tahap yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya kebanyakan peralatan sukan telah pun berkadar kosong peratus ataupun *nil duty import* di bawah perintah Duti Kastam 2012. Kadar ini terpakai bagi semua peralatan berteknologi tinggi seperti peralatan senaman fizikal ataupun olahraga di bawah kod tarif 950691000.

Sehubungan itu, isu pengecualian duti import ke atas pengimportan peralatan sukan berteknologi tinggi tidak berbangkit kerana secara amnya ia tidak menarik sebarang duti. Ini juga terpakai bagi barangan yang dikategorikan sebagai aksesori kepada aktiviti sukan termasuk contohnya; *glove specially design for use in sport, bowling bags, athletics supporters* dengan izin, *sport footwear* dan juga *swimwear*.

Walau bagaimanapun, terdapat aksesori yang masih dikenakan duti import pada kadar lima hingga 30 peratus kerana material ataupun bahan yang digunakan untuk membuat peralatan-peralatan seperti contohnya *knee guard*, *ankle support*, *sporting sword* dan *sporting guns*.

Selain daripada itu Yang Berhormat, persatuan sukan berdaftar juga layak memohon kepada Kementerian Kewangan pelepasan duti import ke atas pengimportan peralatan sukan yang digunakan secara langsung dalam aktiviti persatuan. Bagi kelab sukan bermotor juga, kerajaan turut menyediakan insentif pengecualian duti import dan duti eksais ke atas pengimportan kenderaan bagi tujuan perlumbaan sukan bermotor. Ini tidak boleh didaftarkan dengan JPJ dan tidak boleh digunakan untuk berlumba di lebuhraya.

Kerajaan turut menggalakkan akses kepada peralatan sukan berteknologi tinggi melalui potongan cukai ke atas pembelian peralatan sukan dan juga fi keahlian gimnasium yang mana seseorang itu boleh menuntut potongan cukai sehingga RM2,500 ke bawah sebagai pelepasan cukai gaya hidup mulia tahun taksiran 2017. Bagi syarikat pengendali pusat gimnasium pula, perbelanjaan ke atas pembelian peralatan gimnasium berkaitan termasuk peralatan sukan berteknologi tinggi adalah layak untuk dituntut elaun modal di dalam perkiraan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagi terus membangunkan sukan negara secara keseluruhan, kerajaan mengalukan penglibatan pihak swasta melalui insentif potongan cukai ke atas sumbangan kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah seksyen 44(11B) Akta Cukai Pendapatan 1967. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya ambil maklum jawapan Yang Berhormat Menteri yang telah menerangkan bahawa kebanyakan peralatan sukan ini sebenarnya sudah pun diberi pengecualian ataupun pelepasan cukai. Usaha ini adalah usaha yang baik. Namun demikian, ada lagi seperti mana Yang Berhormat kata peralatan yang dikenakan.

Akan tetapi selain daripada duti import juga, sebenarnya terdapat banyak lagi caj dan cukai-cukai lain yang dikenakan ke atas peralatan sukan. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua. Pada awal tahun ini, Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang. Kami telah membeli beberapa peralatan berteknologi tinggi seperti sistem GPS dari Eropah. Sistem ini sebenarnya adalah peralatan untuk merekodkan prestasi individu setiap pemain.

Namun, kami terkejut apabila dikenakan pelbagai kos. GST lagi, dengan permit SIRIM dan macam-macam lagi. Seinggakan jumlah yang dikenakan itu, jumlah tambahan yang kami terpaksa bayar adalah satu pertiga daripada kos asal produk tersebut. Umpamanya, kalau barangan itu RM30,000. Kami terpaksa membayar RM40,000. Satu beban yang amat besar saya rasa. Yang Berhormat Menteri pun akan setuju khususnya bagi persatuan sukan yang mempunyai kekangan kewangan.

Jadi selain daripada duti import dan sebagainya, saya harap mungkin kerajaan, Yang Berhormat Menteri pun dapat pertimbangkan insentif-insentif lain seperti melihat kepada permit

SIRIM itu yang begitu mahal supaya kita sama-sama dapat membangunkan tahap kesukanan, kita dapat menerapkan penggunaan teknologi tinggi dan sains sukan dalam membangunkan sukan negara. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya ingat seperti yang saya sebutkan tadi FAP, Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang ini boleh menulis kepada Kementerian MOF walaupun benda itu sudah bawa masuk, saya ingat kita boleh beri pertimbangan. Oleh sebab seperti yang saya sebut, asalkan persatuan sukan itu mengimport peralatan dan digunakan khusus untuk persatuan itu dan mereka tidak berniaga maka *insya-Allah* kita boleh pertimbangkan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Tahniah kepada kerajaan kerana mengurangkan percukaian terhadap barang-barang sukan yang sudah pasti akan meningkatkan mutu sukan negara dan sekali gus meningkatkan kesihatan, kualiti kesihatan rakyat kita apabila menggunakan peralatan sukan ini.

Cuma persoalan saya Yang Berhormat Menteri, peralatan sukan sudah terlepas daripada cukai. Bagaimana pula hadiah-hadiah yang didapati ataupun dimenangi oleh atlet-atlet kita ini sama ada dalam negara ataupun di luar negara. Adakah hadiah mereka ini dikenakan cukai? Kalaupun dikenakan cukai, adakah kerajaan berhasrat untuk melepaskan cukai-cukai tersebut terhadap kejayaan atau hadiah yang telah dimiliki oleh pemain-pemain negara kita. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Pertama sekali berkaitan dengan hadiah kemenangan sukan ini, sefaham saya ada dua bentuk. Satu kemenangan yang diperolehi oleh ahli sukan tersebut. Contohnya macam Dato' Lee Chong Wei menang All England dapat sekian *amount of money* yang boleh dibawa sebagai hadiah kemenangan. Kedua adalah insentif yang diberikan oleh kerajaan sendiri, Kerajaan Malaysia. Sekiranya, atlet itu memang di peringkat Olimpik ataupun peringkat sukan-sukan yang diiktiraf di dalam skim insentif kemenangan.

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Jerantut, untuk kemenangan kejohanan sukan yang disertai oleh atlet seperti Datuk Nicol David dan Dato' Lee Chong Wei dan juga lain-lain atlet. Mereka ini memang dikecualikan daripada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian ini berjalan sejak tahun 1990.

Namun apa pun, sebahagian daripada persatuan sukan contohnya BAM ataupun mungkin Squash Racket Association of Malaysia mungkin ada perjanjian bersama dengan atlet tersebut mungkin *portion* persatuan dapat dan sebagainya. Itu di luar daripada pengetahuan kita.

Juga untuk insentif kemenangan ahli sukan ini, sudah tentulah sebagai insentif kita tidak akan kenakan apa-apa cukai. Jadi, kita menggalakkan semua ahli sukan Malaysia ini untuk pergi ke tahap yang tertinggi supaya mereka juga dapat mengharumkan nama negara. Kita harapkan supaya insentif seperti ini dari segi peralatan dan sebagainya dapat

menggalakkan lebih ramai orang dapat menyertai sukan di tahap yang tinggi dan mengharumkan negara Malaysia. Terima kasih.

3. Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula syarat-syarat kelayakan pemohon pinjaman pendidikan MARA memandangkan kadar kos sara hidup yang meningkat di mana keluarga berpendapatan menengah tinggi dan tinggal di bandar juga terkesan bagi memastikan generasi pemimpin akan datang yang berilmu.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah terhadap soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sentiasa berusaha untuk memastikan kemudahan pinjaman pelajaran dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran iaitu pelajar-pelajar yang datangnya daripada keluarga yang berpendapatan rendah sama ada pelajar-pelajar tersebut datangnya daripada luar bandar ataupun juga daripada kawasan-kawasan bandar.

■1100

Juga untuk makluman Yang Berhormat, dua tahun lepas tahun 2015 kita telah pun membuat kajian tentang perkara yang disarankan oleh Yang Berhormat ini dan hasilnya pelaksanaan pada tahun 2016 sehingga sekarang kadar kelayakan ini telah pun kita naikan daripada asalnya RM5,000 sehingga RM15,000. Akan tetapi sekarang ini kita naikan RM8,000 ke RM15,000. Bermakna, pelajar-pelajar daripada keluarga yang berpendapatan RM8,000 ke bawah akan mendapat pinjaman ataupun penajaan penuh daripada pihak MARA tetapi RM8,000 pendapatannya ke RM15,000 akan mendapat pinjaman separuh sama ada yuran ataupun kos sara hidup.

Untuk makluman Yang Berhormat juga perkara ini memanglah menjadi suatu perkara yang sentiasa kita buat kajian dan kita pantau daripada masa ke semasa walaupun baru dua tahun kita membuat kajian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya berkenaan dengan MARA ini. Sebenarnya rata-rata rakyat memang mengharapkan sangat bantuan daripada MARA ini dan telah pun dilaksanakan. Jadi *to be specific* sekarang saya hendak tanya untuk tahun 2017 ini, rakyat hendak tahu ini berapakah jumlah pelajar yang akan ditaja untuk tahun 2017 tahun ini, itu yang pertama. Keduanya pula ialah berapa peruntukan yang diperlukan ataupun yang akan digunakan untuk membantu pelajar-pelajar ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat jelas kepada kita keprihatinan Yang Berhormat tentang isu pelajaran ini. Saya rasa tidak sia-sialah orang Kuala Pilah memilih Yang Berhormat sebagai wakil rakyat. *[Tepuk]*

Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran kita untuk tahun 2017 adalah seramai 20,000 orang pelajar. Untuk makluman Yang Berhormat juga pelajar yang sedia ada lebih kurang 48,000 yang masih di dalam pembiayaan MARA, jadi kedua ini kalau dicampur 20,000

orang pelajar campur 48,000 orang pelajar lebih kurang 70,000 orang pelajar. Peruntukan yang telah disalurkan oleh MARA bagi tujuan ini ialah sebanyak RM2 bilion setakat ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dimaklumkan oleh kerana ramai yang memohon untuk permohonan terutamanya dalam soal untuk mendapat bantuan untuk melanjutkan pelajaran maka MARA menghadapi masalah kewangan. Antaranya ada cadangan yang dicadangkan oleh pihak MARA untuk mendapat pembiayaan daripada Bank Rakyat dan juga Maybank.

Persoalan saya ialah adakah dengan kadar pinjaman ataupun kadar keuntungan yang diambil oleh pihak Bank Rakyat ataupun Maybank kepada peminjam-peminjam ini sama seperti mana MARA berikan kepada pelajar-pelajar yang dapat daripada MARA. Keduanya, ada juga apabila mereka mendapat, pendidik mendapat pinjaman daripada MARA ini dia mendapat beberapa kelebihan antaranya kadang-kadang hanya perlu membayar 10 *percent*, dengan izin ataupun kadang-kadang dijadikan terus sebagai pembiayaan biasiswa. Itu untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang. Memang tidak dapat dinafikan terlalu banyak permohonan sebab sekarang ini pelajar bertambah dan juga keputusan pun di kalangan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang terlalu ramai.

Maka di atas peruntukan yang telah kita terima sebanyak RM2 bilion ini maka syarat-syarat kemasukan ke IPMA yang ditaja oleh MARA dan juga penajaan ini sudah tentulah akan menjadi semakin ketat dan terpilih. Manakala berkenaan dengan soalan pertama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat kadar faedah oleh pihak bank bagi keluarga yang berpendapatan RM15,000 ke atas. Sudah tentulah kadar faedah ini lebih tinggi berbanding dengan MARA.

Kedua, berkenaan dengan pinjaman yang diberikan oleh MARA ini kita panggil ianya adalah pinjaman boleh ubah. Pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang Ijazah Kelas Pertama akan kita tukarkan ianya menjadi biasiswa dan tidak payah dibayar balik. Manakala baru-baru ini MARA, Pengerusi MARA pun ada sini telah memberi tawaran mana-mana peminjam yang membayar di dalam tempoh yang telah dikemukakan dan yang telah ditetapkan akan diberi potongan dan potong tersebut amat menarik.

Akan tetapi malangnya ramai di kalangan peminjam kita masih lagi mengambil sikap membisu. Akan tetapi tidak dapat dinafikan ada yang datang untuk membuat penjelasan pembayaran terhadap pinjaman. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan berapa buah IPTA di Malaysia yang mana Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang ditawarkan belum lagi diiktiraf oleh kementerian dan pihak-pihak berkaitan untuk graduannya menjadi seorang peguam.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Bharu atas soalan berkaitan dengan Program Undang-undang di IPTA. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi telah menubuhkan Majlis Dekan Undang-undang Universiti Awam bertujuan untuk membincangkan isu berhubung program undang-undang termasuk isu pengiktirafan dan isu akademik lain yang melibatkan universiti awam (UA).

Dari tujuh UA yang menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang kesemua telah mendapat pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan akreditasi penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Namun demikian, terdapat sebuah UA iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang ketika ini hanya mendapat pengiktirafan sementara daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) iaitu badan profesional yang mengiktiraf program undang-undang IPT bagi membolehkan seorang itu menjadi orang berkelayakan.

Kementerian telah memohon LKPU untuk mempercepatkan proses penilaian bagi pengiktirafan penuh bagi memastikan graduan program ini diperakui sebagai peguam di bawah Akta Profesion Undan-undang 1976 (Akta 166). Sebagai maklumat, LPKU telah membuat penilaian semula terhadap program ini pada bulan Mac 2017 dan keputusan ini hanya dapat diketahui pada tujuh bulan dari tarikh penilaian dibuat.

Walau bagaimanapun, pada ketika ini graduan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dari USM adalah setaraf dengan graduan bagi program perundangan yang ditawarkan oleh lain-lain UA. Graduan lulusan USM boleh menjawat jawatan sebagai peguam di sektor awam dan swasta setelah lulus peperiksaan sijil amalan guaman. Sekian, terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah yang begini baik, tujuh UA yang telah diiktiraf Ijazah undang-undangnya. Saya ada dua soalan tambahan.

Pertamanya, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kenapa Ijazah Undang-undang USIM masih belum lagi diiktiraf sebagaimana universiti awam yang lain.

■1110

Keduanya saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, kita tahu lulusan ataupun graduan undang-undang daripada universiti luar negara, sama ada daripada UK ataupun Australia atau New Zealand dalam bidang undang-undang. Apabila mereka mendapat ijazah dan kembali ke dalam negara, untuk menjadi seorang peguam mereka perlu mengambil apa yang disebut *Certificate in Legal Practice* (CLP) selama sembilan bulan dengan alasan mereka ini perlu membiasakan ataupun mendapat pengetahuan mengenai undang-undang dalam negara.

Jadi soalan saya adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan *papers* ataupun mata pelajaran *Malaysian Legal System* dengan izin di universiti-universiti di negara-negara luar yang mana pelajar kita mengambil kursus ini, dengan itu mereka dapat mengambil mata

pelajaran ini dan mereka tidak perlu membuat CLP bila balik yang memerlukan belanja yang banyak, masa sembilan bulan, kemudian *the passing rate*, ataupun kadar kelulusannya begitu rendah. Dikatakan 10 sehingga 20 peratus sahaja. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas dua soalan tambahan. Pertama ada berkaitan dengan kenapakah USIM tidak dapat pengiktirafan dari LKPU dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa ini ada berkaitan dengan *compliance* dengan syarat-syarat atau kriteria yang ditetapkan oleh LKPU. Ini membawa bahawa da beberapa syarat yang memerlukan untuk menambah baik dan macam saya kata bahawa penilaian semula sudah dijalankan pada bulan Mac 2017 dan marilah kita doa bahawa usaha-usaha yang diambil oleh USIM untuk meningkatkan *compliance* yang tidak dapat di-*comply* sebelum itu dapat diberi pengiktirafan.

Jawapan saya yang kedua ada berkaitan dengan satu soalan di mana saya rasa boleh dikemukakan kepada Majlis Dekan Undang-undang universiti awam. Ini kerana badan ini ditubuhkan untuk membincang isu berhubungan dengan program undang-undang termasuk isu pengiktirafan. Untuk negara kita, sebagai negara yang lain memang kita mengadakan dia punya sebab tertentu kenapakah kita nak pegang kepada kelayakan profesional. Ini memang mengikut Akta 166, orang berkelayakan ertinya adalah orang yang telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan pelajar mesti mempunyai apa-apa kelayakan lain sebagai yang dihasratkan oleh lembaga. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Bila menyebut tentang Akta 166, soal kelayakan itu merupakan soal yang penting. Akan tetapi pada hemat saya, kualiti juga sangat penting terutama sekali dalam penghasilan graduan undang-undang. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah pandangan pihak kementerian, khususnya dalam soal untuk memperkenalkan *common bar exam*. Ini kerana saya melihat ini juga antara perkara yang telah dibincangkan oleh pihak Majlis Dekan-dekan Fakulti Undang-undang Malaysia, mengenai perkara ini.

Kedua, mengenai kurikulum khususnya dalam soal kurikulum undang-undang di universiti. Sejauh manakah keseriusan pihak kementerian pendidikan tinggi dalam memperkenalkan tenaga pengajar dalam konteks 30 peratus lulusan ataupun profesional yang mengajar di fakulti undang-undang ini supaya ia selari dan selaras dengan kehendak pasaran dan amalan undang-undang terkini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan dan memang tidak dinafikan bahawa kualiti pelaksanaan kursus atau program undang-undang adalah sangat penting. Justeru itu Kementerian Pendidikan Tinggi memang menjalankan pemantauan dari masa ke semasa. Isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi yang berkaitan dengan penambah baik kualiti, untuk program undang-undang memang Kementerian Pendidikan Tinggi, pegang kuat atau memberi fokus yang berkaitan dengan *the enhancement of the law courses* dengan izin.

Selain daripada itu memang kita akan melibatkan *legal practitioners* dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu mengadakan penglibatan atau *engagement* dengan izin dengan *bar counter under the state counter* dan *judicial legal system*. Selain daripada itu, adalah sangat penting bahawa perpustakaan dapat menambah bahan bacaan sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar. Ini adalah beberapa syarat atau beberapa langkah yang kita ambil untuk pastikan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan adalah di tahap yang berkualiti. Sekian terima kasih.

5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi membantu mangsa banjir di seluruh negara untuk tempoh lima (5) tahun yang lalu, mengikut pecahan negeri-negeri; dan
- (b) jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi membaik pulih harta Kerajaan serta kemudahan awam bagi tempoh masa yang sama akibat banjir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Langkawi LIMA, saya jawab soalan nombor LIMA.

Soalan yang baik Tuan Yang di-Pertua. Bagi tempoh lima tahun, tahun 2012 sehingga tahun 2016 kerajaan telah membelanjakan RM238,464,073 bagi membantu mangsa bencana dari bagi bantuan terus wang ihsan bencana kepada mangsa bencana. Daripada jumlah tersebut, mangsa bencana dari negeri Kelantan menerima bantuan tertinggi seperti berikut:-

Negeri	Jumlah (RM)
Kelantan	89.37 juta
Pahang	41.97 juta
Terengganu	31.34 juta
Sarawak	28 juta
Sabah	12.49 juta
Perak	9.5 juta
Selangor	9.4 juta
Johor	7.4 juta
Kedah	5.2 juta
Melaka	1.7 juta
Negeri Sembilan	921,500
Pulau Pinang	480,040
Perlis	217,500
Wilayah Persekutuan	167,000

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kejadian banjir yang besar akhir tahun 2014 dan awal tahun 2015, jumlah peruntukkan yang disediakan oleh kerajaan bagi membaik pulih harta kerajaan serta kemudahan awam berjumlah RM1,506,712,769 yang melibatkan 12 kementerian. Memandangkan kejadian banjir yang berlaku adalah berskala kecil bagi tahun-tahun 2012, 2013, akhir 2015 dan 2016 peruntukkan untuk membaik pulih harta kerajaan serta kemudahan awam akibat banjir yang berlaku setiap tahun tersebut adalah menggunakan peruntukkan sedia ada kementerian dan juga jabatan yang terlibat.

Memandangkan monsun timur laut sekarang ini ialah monsun peralihan, bermula daripada 15 Mac, iaitu monsun timur laut tahun 2016 hingga tahun 2017 masih belum berakhir. Kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat sedang mengumpul maklumat mengenai anggaran kerosakan sebenar jumlah kerugian dan kos infrastruktur akibat banjir. NADMA akan menyelaraskan dan memantau segala anggaran kerosakan serta kerugian secara menyeluruh bagi tempoh monsun tahun 2016 hingga tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja baik pulih infrastruktur akan dilaksanakan oleh kementerian ataupun agensi yang terlibat setelah penilaian ke atas kerosakan selesai.

■1120

Berdasarkan kerja-kerja baik pulih ini, akan dijalankan oleh kementerian, agensi yang bertanggungjawab dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jawapan Menteri begitu padat dan ini menggambarkan perbelanjaan itu begitu banyak sekali dan wang yang dibelanjakan untuk mengatasi atau menyelamatkan bukan saja secara nyawa kepada rakyat kita tetapi ini duit rakyat. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga menghadapi masalah bencana alam. Bencana alam ini begitu banyak bukan sahaja banjir tetapi...

Seorang Ahli: Soalan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *You shut up, please.* Ini Dewan yang mulia, bukan main-main, ini nakal punya orang. Ini serius, ini kepentingan rakyat. Masalah ribut yang mungkin tidak termasuk dalam perbelanjaan yang mengatasi masalah kerosakan. Ribut taufan, ribut kencang selain daripada hujan yang berterusan bukan saja mengakibatkan tanah runtuh, juga mengakibatkan bekalan air terputus dan juga limpahan kayu-kayu kepada rumah-rumah iaitu lain daripada yang banjir, kemalangan jalan raya misalnya, kehilangan nyawa dan juga gegaran bumi seperti apa yang berlaku di Ranau beberapa tahun yang lepas.

Kerugian daripada kerajaan itu begitu berat sekali, tanggungjawab kerajaan mengatasi masalah ini. Tetapi juga kita mendapat bantuan daripada Persatuan-persatuan NGO, adakah kerajaan membuat satu perancangan *blueprint* untuk membuat mitigasi kepada masalah-masalah yang saya timbulkan tadi, itu soalan dia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Putatan, yang pertama baik, yang kedua serius. [*Dewan ketawa*] Jadi yang pertama, adakah kerajaan memberikan bantuan ataupun agensi saya memberi bantuan kepada bencana yang lain.

Yang Berhormat, kalau bencana berskala kecil ia nya akan ditumpu khusus oleh Jabatan Kebajikan Negeri-negeri atau pun Baitulmal ataupun NGO. Tapi sekiranya kalau berskala besar, sudah pasti benda ini boleh dirujuk kepada NADMA dan lebih khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pengawal kepada wang bencana negara. Jadi sering kali terdapatnya dalam kes kebakaran

yang berlaku di Sabah yang melibatkan 100 buah rumah, yang itu Yang Amat Berhormat sendiri meluluskannya melalui Tabung Bencana Negara.

Jadi Yang Berhormat, tidak ada sesuatu yang berlaku di Malaysia ini yang kerajaan terlepas pandang. Sekurang-kurangnya wakil rakyat malah wakil rakyat berada di barisan hadapan terutamanya Barisan Nasional untuk memberi bantuan kepada mereka yang ditimpa kemalangan. Berhubung dengan NGO tadi Yang Berhormat, kita telah mendaftar Tuan Yang di-Pertua, daftar NGO semua sekali NGO yang mempunyai yang berminat untuk memberi bantuan, kita libatkan. Ada sampai ke NGO, Persatuan Pacuan Empat Roda, Pacuan Bot Laju, Persatuan Jalan Kaki, jadi pelbagai NGO. Mereka telah mendaftar dengan kita dan mereka bersiap sedia untuk memberikan bantuan sekiranya diperlukan atau sekiranya bencana berlaku. Ini gerakan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]* Menteri, soalan saya apa-secara rancangan untuk mitigasi untuk bencana-bencana seperti yang disebutkan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]* Boleh mencelah Menteri ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, ini perancangan yang kita buat, yang kita gembeng semua tenaga untuk membantu mereka yang ditimpa kemalangan. Kita khususkan di peringkat bawah lagi, kita ada Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah dan kita ada Jawatankuasa Bencana di peringkat komuniti di mana ianya melibatkan wakil rakyat dan pemimpin tempatan.

Jadi dari segi penggembengan tenaga untuk membantu mangsa kemalangan di Malaysia ini ialah diatur gerak dengan begitu baik Yang Berhormat. Jadi itu perancangannya, sebab pertama sekali kita ikut arahan MKN 20 yang ada SOP tertentu yang kita ikuti. Kemudian dalam masa yang sama setelah Angkatan Pertahanan Awam ditubuh, kita telah tubuhkan Jawatankuasa Bencana di peringkat komuniti. Mana kata komuniti bukan sahaja kampung, mungkin komuniti rumah, rumah pangsa atau perumahan-perumahan baru dan sebagainya. Jadi penggembengan tenaga untuk membantu mangsa-mangsa kemalangan dan juga banjir dan lain-lain bencana adalah yang terbaik. NADMA melalui agensi-agensi yang diselaraskan akan memberi tumpuan khusus mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk dulu sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah Delegasi daripada *The French Parliamentarian* yang diketuai oleh *The France Malaysian*. *[Dewan tepuk]* Diketuai oleh *The France Malaysian Friendship Group*, Puan Mariza Khairi dan Delegasi. Kepada Puan Mariza Khairi dan Delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Puan Mariza Khairi dan Delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan perhubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Republik Perancis. *Welcome to the Malaysian Parliament. Thank You.* *[Dewan tepuk]*

Sila Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman, dan berjiwa rakyat. Bak kata pepatah *prevention is better than cure*, iaitu pencegahan adalah lebih

baik daripada rawatan. Apabila saya meneliti jawapan daripada Menteri dan Rancangan Malaysia yang dulu, kerajaan telah membelanjakan lebih RM23 bilion duit rakyat untuk projek-projek pencegahan kononnya pencegahan banjir di seluruh negara.

Pagi ini Dewan yang mulia ini dimaklumkan RM1 bilion telah pun dibelanjakan hanya untuk membaik pulih harta-harta kerajaan yang rosak akibat daripada banjir. Maka soalan tambahan saya adalah, apakah kelemahan kepada projek-projek kita? Duit telah dibelanjakan, wang itu titik peluh rakyat telah pun hangus tetapi banjir berulang-ulang berlaku tiap-tiap tahun. Tidak pernah satu tahun tidak ada banjir, maka saya nak tanya kepada menteri, adakah kerajaan mempunyai sistem pencegahan banjir, duit yang dibelanjakan benar-benar kena kepada tempatnya dan bukan hanya dibelanjakan tetapi masalah banjir tiap-tiap tahun berulang. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan juga baik tetapi kalau niat baik ia menjadi bertambah baik tetapi kalau niat jahat ia jadi bertambah jahat. Jadi kalau berniat baik begini ya, kita buat tambatan banjir...*[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]* Lagi pun menteri, banjir ini mereka tidak pernah datang bantu pun. Dalam ini sahaja dia orang bising, tolong tidak ada, bising sahaja lebih. Suruh ikut kita bantu banjir dulu baru boleh cakap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Itu kenyataanlah. Kelab Putera banyak membantu kerajaan dalam usaha mengatasi bencana. Balik kepada tajuk ini Yang Berhormat, kita perbelanjaan untuk tambatan banjir ini agak besar dan masih belum mencukupi. Tetapi benda besar yang sedang diberi perhatian sekarang ini ialah pencegahan banjir.

Pencegahan banjir ini ialah bila kita mempunyai hutan yang tidak disentuh mencukupi, ia boleh memperlambatkan gerakan air dan bila ia perlambatkan gerakan air maka banjir dia tidak berlaku besar begitu. Banjir ia berlaku dalam bentuk perlahan-lahan seperti berlaku masa yang lepas.

Tetapi kita lihat sekarang ini, pencegahan itu kuasanya berada dalam kerajaan negeri. Hutan harus dipertahankan dan antara kerajaan yang saya bagi penekanan sekarang ini Kerajaan Kelantan sebagai contoh, mesti mempertahankan hutan.

■1130

Akan tetapi, oleh kerana kawasan hutan telah dibuka sama ada secara rasmi atau ataupun tidak rasmi menyebabkan banjir mudah berlaku di negeri Kelantan. Ini sebagai contoh, akan tetapi kita tidak akan kecewa kita akan terus berusaha. Malah, apabila kita buat kempen untuk menanam pokok, satu rakyat Malaysia seorang sepuluh pokok bererti kita dapat – kalau satu pokok 30 juta, kalau sepuluh pokok 300 juta pokok sebagai contoh. Kalau seorang tanam sepuluh pokok, maka dengan itu kita gerakan semua sukarelawan kita yang ada untuk menanam pokok untuk memulihkan hutan.

Sepatutnya semua pihak kerajaan negeri dan ada kerajaan negeri yang melaksanakan supaya penebang-penebang balak ini apabila tebang satu pokok, dia tanam pokok baru. Baru dengan itu hutan dapat di pulihkan. Akan tetapi pembalok kita tanam, tebang pokok, dapat keuntungan dan tinggalkan begitu sahaja. Jadi pencegahan ini bukan sahaja terletak pada

kerajaan tetapi terletak juga kepada rakyat. Rakyat harus bersama dengan kerajaan untuk membuat pencegahan banjir dengan membanyakkan pokok. Itu sahaja jawapannya yang terbaik. Kalau kita buat tebatan banjir di bawah dengan banyak pun, kalau sekiranya tebatan banjir itu akan menyebabkan mendapan kemudian mendapan itu akan menyebabkan banjir lagi.

Akan tetapi, jika ada pokok yang mencukupi, sudah pasti pokok akan mempertahankan tanah-tanah supaya tidak turun ke bawah dan dengan itu kita dapat mencegah banjir. Gerakan untuk mencegah banjir ini akan dibuat secara besar-besaran.

6. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta Perdana Menteri menyatakan status pemberian pampasan kepada jemaah haji mangsa tragedi kren runtuh di Mekah tahun 2015.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran delegasi daripada KUPTM Cheras dan juga pelawat-pelawat daripada Kota Belud, Sabah. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembayaran pampasan kepada mangsa tragedi runtuh kren adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi. Sehingga kini, pihak Kerajaan Arab Saudi masih belum memaklumkan status pembayaran pampasan kepada mangsa runtuh kren pada musim haji 1436 hijrah bersamaan tahun 2015 Masihi.

Pada tahun 2015, Tabung Haji telah menyerahkan senarai nama jemaah haji yang terkorban dan tercedera akibat kejadian tersebut pada pihak berkuasa Arab Saudi. Bagi tujuan mangsa-mangsa dan waris mereka yang terlibat. Tabung Haji sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mendapatkan perkembangan semasa dan akan memaklumkan sekiranya terdapat sebarang maklumat terkini daripada pihak berkuasa berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Kerajaan Arab Saudi telah pun menyatakan, Raja Salman sendiri menyebut dan tersebar dalam media bahawa mangsa-mangsa yang terbunuh akan diberikan pampasan sebanyak 1 Juta Riyal Saudi dan juga yang tercedera 500,000 Riyal Saudi begitu. Ini adalah sebahagian daripada amalan di Negara Arab Saudi yang memberikan hadiah kepada mangsa-mangsa yang terbunuh secara tidak sengaja. Sistem ini adalah merupakan sistem yang ada di dalam syarak Islam. Kalau dalam negara kita, kita hanya ada *bereavement* dan *Civil Law Act 1956* hanya memberikan pampasan sebanyak maksimum RM10,000 kepada mangsa-mangsa yang terbunuh ataupun mereka boleh tuntutan di mahkamah.

Jadi sistem yang baik seperti ini, yang ada dalam syarak Islam sepatutnya di terima oleh semua. Malangnya, dalam negara kita ini bila kita cuba melaksanakan permulaan kepada syarak Islam dijadikan satu polemik yang akhirnya menakutkan golongan yang bukan Islam. Saya yakin dan percaya kalau pergi ke mahkamah orang yang bukan Islam akan memilih untuk mengambil syarak Islam dalam soal tuntutan dan pampasan seperti ini kerana mereka akan mendapat 1 juta. Lebih kurang. Kalau ikut *Civil Law Act* hanya dapat RM10,000.

Jadi dengan sistem yang terbaik seperti ini, apakah usaha pihak kementerian untuk menghilangkan keraguan dan apakah faktor utama kegagalan pihak kementerian dalam meyakinkan khususnya di kalangan Ahli Parlimen sendiri supaya boleh menerima permulaan kepada pelaksanaan syarak Islam secara menyeluruh. Kalaupun tidak hari ini dalam negara kita, barangkali suatu masa nanti kita akan melaksanakan sistem sebagaimana yang membawa rahmat kepada seluruh alam ini. *Wallahualam*. Minta komen Menteri.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu tidak ada kaitan dengan pampasan Tabung Haji ini. Akan tetapi, saya rasa tanggungjawab kerajaan sejak daripada merdeka lagi dalam melaksanakan dan memberikan kefahaman secara tuntas berkenaan dengan Islam dan pembangunan Islam sudah dilakukan daripada dulu lagi. Bahkan saya kira Kementerian Pendidikan, daripada JAKIM sendiri, kita melaksanakan usaha ini secara berterusan. Buktinya kita mempunyai hampir 400 buah sekolah-sekolah agama seluruh Malaysia.

Kita mempunyai *TV Station* yang hampir saban hari menyiarkan program-program yang memberikan kesedaran agama dan sebagainya. Saya kira banyak lagi perkara-perkara lain, kita ada lebih 59,000 guru-guru pendidikan Islam sahaja yang memberikan kefahaman secara menyeluruh berkenaan dengan Islam dan syarak Islam. Saya rasa ini sebahagian kecil sahaja daripada yang boleh saya sebutkan di sini, yang saya kira adalah merupakan tanggungjawab yang berterusan daripada pihak kerajaan daripada dulu sehingga sekarang dan akan datang. Mudah-mudahan dengan usaha dan inisiatif yang berterusan ini akan memberikan kefahaman secara menyeluruh bukan sahaja pada rakyat yang beragama Islam juga pada bukan Islam. *Insyaa-Allah*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, ini sementara menunggu pampasan daripada Kerajaan Saudi Arabia, apa pula peranan Tabung Haji dan Kerajaan Malaysia? Adakah juga kita telah memberi apa juga sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dan berapakah jumlah yang telah kita berikan dan daripada bentuk apakah yang telah kita berikan? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ini memang soalan yang relevan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan sidang dewan sekalian, keseluruhan mangsa yang terlibat adalah seramai tujuh orang jemaah haji yang meninggal dunia dan dua belas orang yang mengalami kecederaan. Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan, sebenarnya setelah peristiwa itu berlaku dalam masa tidak lebih daripada satu minggu Tabung Haji telah pun memberikan pampasan Takaful kepada tujuh mangsa yang terkorban iaitu manfaat yang diterima oleh waris melalui Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok yang merangkumi manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak RM20,000 seorang dan khairat kematian yang berjumlah RM3,000 seorang.

Tabung Haji juga memberikan sumbangan wang Ehsan berjumlah RM20 000 lagi. Jadi secara keseluruhannya Tabung Haji telah pun memberikan sumbangan sebanyak RM43,000 kepada semua waris-waris mangsa kren tumbang pada tahun 2015 tersebut.

Jadi itulah usaha dan inisiatif yang dilaksanakan dan telah dilaksanakan oleh Tabung Haji tidak sampai satu minggu setelah kejadian itu berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, Sabak Bernam.

7. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah kejayaan Kempen Anti Merokok bagi mengurangkan amalan merokok di kalangan remaja dan belia berumur 15 hingga 40 tahun dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mencapai negara bebas amalan merokok menjelang tahun 2045.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua ini berkenaan dengan Kempen Anti Merokok. Kementerian Kesihatan telah pun menjalankan Kempen Anti Merokok secara intensif bagi mengekang tabiat merokok dalam kalangan generasi muda dan memberi kesedaran bahaya tabiat merokok dalam usaha menggalakkan perokok berhenti merokok. Kementerian Kesihatan telah mengambil banyak usaha untuk mendidik masyarakat berhenti merokok.

Melalui Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan ataupun NHMS tahun 2015 mendapati trend merokok dalam kalangan rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas adalah 24.6 peratus berbanding dengan *survey* yang sama telah dibuat pada tahun 2011 iaitu 26.4 peratus. Makna penurunan amat sedikit Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan melalui media di mana menerusi kempen ini telah pun meningkatkan kesedaran pengetahuan dan persepsi yang betul terhadap bahaya merokok dan pendedahan kepada asap rokok serta mengambil inisiatif berhenti merokok. Bagi menyokong persepsi positif ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun menyediakan perkhidmatan berhenti merokok secara percuma kepada perokok yang berhasrat ingin berhenti merokok.

Sekarang sudah ada sebanyak 774 perkhidmatan berhenti merokok yang melibatkan klinik kesihatan, hospital dan institusi yang menyediakan perkhidmatan ini.

■1140

Juga usaha-usaha keras terus dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Program *I Am Free* yang bertujuan melahirkan generasi muda yang menolak tabiat merokok. Program ini menyasarkan murid-murid sekolah rendah dan Projek Rintis telah dimulakan pada tahun 2016 dengan 36 buah sekolah di seluruh negara melibatkan Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan dan perluasan sekolah yang melibatkan dua buah sekolah bagi setiap daerah setiap tahun mulai tahun 2017.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Program Doktor Muda yang menggunakan pendekatan rakan sebaya ataupun *peer educator* turut dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia ini melibatkan 2,800 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara. Bagi memastikan kejayaan kempen "Tak Nak Merokok" ini, komponen lain juga dimantapkan iaitu keluasan tempat larangan merokok. Tuan Yang di-Pertua sekarang sudah ada 23 jenis kawasan yang dilarang merokok seperti di universiti, di sekolah, di

Hospital, di tempat-tempat *aircond*, contoh-contoh dan ada 23 jenis tempat yang dilarang merokok dan ada tiga bandar yang telah pun diisytihar sebagai bandar bebas rokok iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Undang-undang larangan merokok ... kepada individu yang di bawah umur ini, pihak kementerian sedang menggubal satu undang-undang baru mengawal Akta Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok yang dijangka akan dibentang pada 2018 Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kawalan rokok dan tembakau diletak di bawah Akta Makanan 1983.

Seterusnya penguatkuasaan amaran bergambar kotak rokok dan zon kawasan larangan merokok.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan juga merupakan aspek penting dalam memastikan masyarakat mematuhi peraturan dan Undang-undang tidak merokok di kawasan larangan merokok di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau Pindaan 2017 dan pemberitahuan dan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dilakukan bagi memastikan tiada pencabulan peraturan dilakukan oleh mana-mana individu terhadap pematuhan sesuatu peraturan dan Undang-undang yang telah dikuatkuasakan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi dan tahniah *lah* kepada Kementerian Kesihatan yang telah melancarkan kempen secara besar-besaran. Akan tetapi kita dapati kempen ini mungkin kurang berkesan kerana kita dapati masih lagi ramai di kalangan pengamal perubatan dan juga kita ini masih lagi merokok dan menurut Global Audit Tobacco Survey Malaysia pada tahun 2011 menunjukkan kadar merokok dalam kalangan dewasa di negara ini meningkat iaitu 23 peratus iaitu lebih empat juta penduduk negara Malaysia ini merokok.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah kesan merokok kepada penyakit tidak berjangkit? Apakah langkah-langkah kerajaan mengatasinya serta berapa statistik kematian disebabkan merokok ini? Sekian terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang tepat sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam bahawa memang merokok akan mengakibatkan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang melibatkan yang bermula daripada mulut yang kita boleh dapat kanser mulut, kemudian sampai ke paru-paru boleh dapat kanser paru-paru dan jantung masalah penyakit koronari boleh juga diakibatkan oleh merokok. I

ni memang satu perkara yang didapati *against the odds*, Tuan Yang di-Pertua. Memang sekarang ini walaupun kita banyak berkempen di berbagai-bagai peringkat seperti saya sebut tadi tentang larangan merokok dan sebagainya kawasan-kawasan yang dilarang tetapi masih lagi orang merokok termasuk juga *RnR* pun kita larang juga merokok kawasan *RnR* dan masih juga orang merokok walaupun harga rokok sudah pun tingkatkan dan mengikut WHO kita harus walaupun sasaran kepada kita ialah peningkatan harga rokok 75 peratus akhirnya Tuan Yang di-Pertua. Ini bermakna kalau meningkatkan harga rokok 75 peratus di mana kos sebatang rokok sudah menjadi 64 sen sebatang ataupun RM21.50 sen bukan sekarang Tuan

Yang di-Pertua, sekarang sudah RM17.00 akan kalau ikut sasaran lebih WHO kita harus tingkatkan harga rokok kepada RM21.50 sen sekotak.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kematian, akibat daripada merokok Tuan Yang di-Pertua, kematian akibat merokok ini ialah 20 ribu kematian setahun akibat penyakit yang tidak berjangkit yang saya sebut tadi kanser yang berlaku dan *Coronary Heart Disease* terdapat 20 ribu kematian setahun yang direkodkan Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai maklumat tambahan Tuan Yang di-Pertua, kematian yang berlaku akibat daripada penyakit yang tidak berjangkit di Hospital Kerajaan Tuan Yang di-Pertua kadarnya 74 peratus daripada seluruh jumlah kematian yang ada disebabkan oleh penyakit-penyakit lain di mana termasuklah menghisap rokok, kanser, pelbagai-pelbagai lah, penyakit kencing manis dan sebagainya ini termasuk sekali dan jumlahnya kadarnya 74 peratus daripada jumlah kematian Tuan Yang di-Pertua.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya fikir kita semua mendukung usaha untuk memastikan amalan merokok ini dihentikan. Persoalan saya, memandangkan lebih kurang 10 tahun lalu dalam akhbar berita Utusan Malaysia didedahkan bahawa rakyat Malaysia membelanjakan RM90 juta sebulan semata-mata untuk pembelian rokok. Adakah kementerian mempunyai sedikit anggaran kepada perbelanjaan yang dibuat bagi maksud pembelian rokok dan keduanya, Yang Berhormat tadi menyebut tentang isu melibatkan perokok aktif bagaimana pula dengan perokok pasif? Kerana rata-rata yang mendapat kesan daripada rokok ini wanita, anak-anak kecil di mana tisu pundi udara mereka rosak mengakibatkan kronik kanser dan sebagainya. Jadi persoalan saya, apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh kementerian bagi memastikan fenomena perokok pasif ini dapat kita kurangkan? Kerana rata-rata mereka yang terkesan merupakan 80 peratus daripada golongan yang tidak merokok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini kita perlu melihat akta yang ada sekarang Tuan Yang di-Pertua. Kawalan hasil tembakau dan merokok sekarang ini diletakkan di bawah Akta Kawalan Makanan 1983 ia tidak begitu kuat contohnya larangan menjual rokok kepada mereka yang berumur 18 tahun, dia tidak boleh beli tapi dia boleh jual. Ini peraturan yang ada sekarang di mana longgar sebab itu kita harus kerana akta seperti yang saya sebut tadi akta yang sendiri, akta sendiri yang kita sudah bercadang sampai ke peringkat dan telah pun digubal diserahkan kepada pegawai undang-undang kita untuk dikaji dan *engagement* pun telah dibuat dengan semua *stakeholders* dan bila sampai masanya kita juga akan *engage* dengan di Parlimen semua supaya harapan saya kita mendapat sokongan sepenuhnya oleh Ahli Parlimen kita.

Tuan Yang di-Pertua, antara cadangan dalam Akta itu ialah meningkatkan larangan membeli dan menjual rokok pada bukan 18 lagi kepada umur 21 tahun ini satu perkara juga dan juga *plain packaging* belum dilaksanakan tetapi Insya-Allah juga akan dilaksanakan dan satu lagi *advertisement* Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat di belakang kalau kita pergi ke kedai nasi kandar contohnya di belakang kaunter itu ada diletak rokok penuh ini juga salah satu cara

advertisement, iklan ini pun kita sedang mengkaji sama ada boleh dimasukkan dalam Akta yang baru ini Tuan Yang di-Pertua, larangan meletak rokok di belakang kaunter sebagai iklan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1150

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Berapakah sebenarnya jumlah kos yang telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk kempen larangan merokok ini? Apakah kesan atau hasil daripada kempen yang telah kita jalankan selama ini? Oleh sebab saya tengok begini. Pendapat saya, seolah-olah macam kempen ini sia-sia dan hampir mustahil untuk kita capai negara bebas rokok tahun 2045 ini. Oleh sebab lambakan rokok di pasaran terlalu banyak. Kita mungkin ada zon larangan merokok tetapi zon mudah dapat rokok itu lebih banyak berbanding dengan zon larangan merokok, satu.

Kemudian, kita meningkatkan tahap 18 ke 20 tahun tidak boleh beli rokok. Persoalannya ialah apakah ia hanya berbahaya kepada kanak-kanak ataupun golongan muda? Apakah orang tua itu bebas untuk menghisap rokok dan tidak dijangkiti penyakit? Jadi, ini persoalannya. Jadi, apakah sebenarnya kesan? Oleh sebab saya tengok jumlah perokok ini makin meningkat. Kalau tahun lepas sahaja sudah 5 juta lebih jumlah perokok yang tegar di dalam negara kita. Terutamanya, di kalangan pimpinan-pimpinan negara. Kita hendak kempen pada anak-anak sekolah. Anak sekolah negara tengok pemimpin negara, ahli wakil rakyat, Menteri dan seumpamanya masih lagi aktif merokok di khalayak ramai. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman, kita ada satu kempen besar-besaran yang telah dijalankan semenjak tahun 2004 dulu. Ini yang kita kempen "Tak Nak" ini, jumlah kos sehingga sekarang, ini melibatkan kos siaran iklan surat khabar, TV, *billboard* dan sebagainya. Daripada tahun 2004 sehingga sekarang tahun 2016, jumlah hanya RM35 juta. Dari dulu, makna lebih kurang RM2 juta setahun. Itu kita sudah *stop billboard*, kita cuma program ini melalui sosial media, media-media yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya— *I must admit*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa kempen kita kurang berjaya. Berjaya sikit sangat, beza 24 peratus dengan 24.6 peratus, lima tahun, makna beza hanya 0.6 peratus sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini amat rendah, tidak signifikan. Jadi, walau bagaimanapun kita tidak berputus asa, kita akan teruskan program ini. Apa yang saya sebut tadi dalam jawapan, kita akan teruskan dengan golongan muda dulu peringkat sekolah.

Selain daripada itu, kita juga mengadakan program *education*, dengan izin, untuk suruh rakyat kita memberitahu kepada mereka bahawa rokok ini ada rokok aktif, rokok pasif. Perokok pasif pun sama risiko dengan yang aktif. Makna, kalau kita hisap rokok bawa balik rumah, anak isteri kita akan juga terlibat sama terhidu dengan asap rokok ini, risikonya sama. Jadi, makna kita akan teruskan usaha kita. Saya kira dengan akta yang kita akan gubal ini akan dapat membantu kita untuk menguatkuasakan larangan merokok kita, Tuan Yang di-Pertua.

8. **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah kerajaan sekiranya syarikat luar mengambil alih syarikat tempatan dan mereka tidak mahu mengambil pekerja tempatan.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Suara dahsyat, garang tetapi budinya baik. Tuan Yang di-Pertua, dasar dan polisi kerajaan dalam isu pengambilan pekerja asing adalah jelas iaitu mana-mana majikan yang ingin mengajikan pekerja asing mestilah mematuhi dasar-dasar dan polisi-polisi yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Dasar dan polisi ini terpakai kepada semua majikan dalam industri kecil, industri sederhana dan besar sama ada industri tersebut dimiliki oleh pelabur tempatan mahupun pelabur asing. Kerajaan juga telah mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal JobsMalaysia sebelum dikeluarkan perakuan JobsMalaysia kepada majikan sebagai pra-syarat untuk pengambilan pekerja asing.

Pendekatan ini Tuan Yang di-Pertua, adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan. Kerajaan hanya membenarkan sektor-sektor dan subsektor tertentu sahaja yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan untuk mengajikan pekerja asing bagi memastikan kelangsungan industri-industri tersebut berdaya saing dan seterusnya memajukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal kemasukan pekerja asing dan demi menjamin peluang pekerjaan rakyat tempatan, kerajaan telah menetapkan nisbah di antara pekerja tempatan dan pekerja asing bagi setiap sektor dan subsektor yang dibenarkan. Sebagai contoh, bagi sektor perkilangan, syarikat yang berorientasikan eksport, nisbah kelayakan bagi pekerja tempatan kepada pekerja asing adalah 1:3. Manakala, bagi syarikat yang bukan berorientasikan eksport, nisbah kelayakan ialah 1:1 dan syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbahnya adalah kelayakan 2:1.

Di bawah Akta Pekerja 1955 [Akta 265], seksyen 60M memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing. Di bawah akta yang sama menurut seksyen 60M, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerja oleh sebab lebih pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu bagi memastikan syarikat-syarikat terus berdaya maju, kerajaan membenarkan syarikat-syarikat dan sektor-sektor dan subsektor tertentu yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan untuk mengajikan pekerja asing. Berdasarkan dokumen RMKe-11, pengajian pekerja asing dibenarkan hanya dalam kategori pekerjaan asas dan tidak melebihi 15 peratus daripada tenaga kerja negara. Berdasarkan kepada perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada tahun 2016, seramai 1.8 juta orang pekerja asing yang telah dikeluarkan permit kerja melalui Pas Lawatan

Kerja Sementara (PLKS) dalam lima sektor formal dan satu dalam sektor tidak formal. Berbanding dengan 2.1 juta pada tahun 2015, ini penurunan 300,000 pekerja. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Menteri, menguatkan hujah di bawah seksyen 60M dalam Akta Kerja 1955 dan laporan diterima oleh banyak kesatuan menunjukkan syarikat-syarikat yang tidak diambil pekerja tempatan terserlah. Jadi, soalan saya ialah apakah langkah munasabah ataupun menambah penguatkuasaan untuk memastikan syarikat-syarikat luar ini mengambil pekerja tempatan, diberi peluang dan tidak memalsukan maklumat keperluan syarikat, penguatkuasaan itu diperkasakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih. Soalan pendek, jawapan saya pun pendek. Kementerian sememangnya sentiasa mengadakan pemeriksaan berkanun, *statutory inspection* untuk memastikan bahawa mana-mana majikan yang mengajikan lebih pekerja asing akan diambil tindakan mengikut undang-undang di bawah Akta Kerja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1200

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.00 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan peringkat Jawatankuasa dan diputuskan Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Rabu 29 Mac 2017.”

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Luar Negeri yang dijadualkan nombor dua diturunkan ke nombor 15 menggantikan giliran Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dalam susunan ringkas Jadual Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL
TERHADAP KANAK-KANAK 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tertentu dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lain dan hukumannya dalam undang-undang bertulis yang lain dan berhubung dengannya untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak dan perkara yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua dan ketiga pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2016) 2017

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 2016

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017 dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Pertama]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

12.03 tgh.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM3,081,413,026 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2016 bagi maksud-maksud bekalan B.4, B.12, B.13, B.28, B.42, B.48 dan B.63 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM987,761,174 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.7, P.21, P.23, P.25, P.27, P.28, P.29, P.31, P.32, P.43, P.46, P.47, P.48, P.60, P.62 dan P.63 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang

dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2017 dan Kertas Perintah 2 Tahun 2017 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2016 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 2017 bagi anggaran Perbelanjaan mengurus Tambahan Pertama 2016 dan Kertas Perintah 2A Tahun 2017 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.4 [Jadual] -
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] –**

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kepala Bekalan B.4 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas dan sebelum saya panggil pembahas pertama bagi kepala ini, saya suka ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa masa untuk perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa cuma 10 minit. Sila.

12.06 tgh.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Kementerian Luar di bawah 120000 dan 030000 di bawah pejabat Perwakilan Luar Negeri dan juga Hal Ehwal Pelbagai Hala. Tuan Pengerusi, kita telah dimaklumkan bahawasanya di dalam proses menjalankan kerja melobi untuk kemasukan Malaysia di dalam Jawatankuasa Keselamatan PBB atau *Security Council*, satu perbelanjaan yang amat besar telah dilaksanakan atau dikeluarkan. Ini adalah satu perkara yang agak luar biasa dan lebih banyak daripada kebiasaan. Selalunya sebelum pada ini kerja lobi-melobi ini adalah dijalankan oleh pihak-pihak yang berada di ibu pejabat United Nations PBB di New York ya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Semasa waktu Tan Sri Razali Ismail dahulu, beliau telah menjalankan tugas tersebut dengan efisien dan berkesan dengan kos efektifnyanya. Akan tetapi kali ini kita tidak faham kenapa kerja-kerja melobi untuk jawatan tersebut dijalankan sendiri oleh pihak Menteri dan pegawai-pegawai Menteri? Ini sudah tentu melibatkan perbelanjaan yang besar. Jadi kita ingin tahu di bawah peruntukan manakah, di bawah *heading* ini, kepala ini peruntukan telah diambil? Kerana ia menyebabkan satu perkara yang tidak pernah dilakukan sekarang dan adakah ini akan menjadi satu perbuatan yang akan diteruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat rujuk kepada B.4 dan kepala P.6 dan P.7. Jabatan Perdana Menteri. Ya rujuk.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Di bawah Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini... Kementerian Luar Negeri belum lagi.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Jabatan Perdana Menteri. Ya. Yang Berhormat Kelana Jaya, ya. Macam biasa di peringkat jawatankuasa kita mesti rujuk perbekalan dan P ya, mengikut kementerian-kementerian. Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

12.08 tgh.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya. Cuma ringkas sahaja. 040300 Pilihan Raya Umum DUN Sarawak. Saya lihat dalam isu ini untuk DUN Sarawak, saya hendak kepastian sama ada RM73 juta ataupun lebih kurang RM74 juta anggaran asal itu ialah hasil untuk DUN Sarawak? Atau pun satu *allocation* untuk semua *Election Commission*? Apabila kita lihat Tambahan Pertama 2016 sebanyak RM60 juta, adakah ini kos untuk mengendalikan satu *election* sahaja? Ya. Nampaknya terlalu tinggi sebab kalau kita lihat dan saya minta Menteri beri penjelasan berapakah kos *General Election* untuk satu negara? Takkan dia sampai RM700 juta kalau kita ikut dengan satu negeri sahaja RM60 juta ya. Kalau kita buat semua negeri tambah wilayah lagi tambah *Parliamentary Election* takkan dia sampai RM1 bilion? Kalau kita ikutlah macam ini.

■1210

Jadi saya minta Menteri menjelaskan kenapa terlalu banyak bayaran ini dan apakah kos sebenarnya, sebab ini adalah satu anggaran, saya rasa, bukannya *actual spending*. RM60 juta ini terlalu banyak kosong itu, terlalu *too clean, it is just looks too clean*. Biasanya dia akan belanja RM54,300,000.26 kah apa itu. Jadi saya hendak tanya, apakah anggaran jumlah sebenarnya dan berapakah ini *reflective* dengan isu *spending* dalam GE13 dan juga untuk GE yang akan datang ini, GE14? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Dungun.

12.11 tgh.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya di peringkat Jawatankuasa ini untuk mengambil bahagian membahaskan butiran di bawah B.4 di bawah Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya Pilihan Raya.

Perbekalan Tambahan yang diperlukan ini dicatatkan RM60 juta adalah berkait dengan Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak bagi kali yang ke-16 yang berlangsung 7 Mei 2016 dan juga dua pilihan raya kecil bagi Parlimen Sungai Besar dan juga Kuala Kangsar. Perbelanjaan ini sepatutnya kita boleh mempunyai jangkaan kepada Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak kerana kita sepatutnya melihat kepada perbelanjaan ini ada dua perkara.

Satu yang sudah boleh kita jangka kerana akan berlaku pilihan raya kecil tetapi tidak ada unjuran asal yang dibuat melainkan setelah berlakunya pilihan raya tersebut barulah ada anggaran kos dan perbelanjaan telah dibuat dan akhirnya dipohon kepada Perbekalan Tambahan pada sesi Parlimen ini. Yang melibatkan Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar serta Kuala Kangsar itu difahami kerana ia berlaku dalam suasana yang tidak kita jangka.

Akan tetapi yang penting untuk saya hendak ingatkan dari segi konsep perbelanjaan ini seperti mana yang disebut oleh Islam sendiri berdasarkan kepada sabda Nabi SAW... *[Membaca sepotong hadis] "Tidak ada kehidupan seumpama tadbir"*. Maka bila kita tadbir dan kita urus, perbelanjaan yang kita boleh jangka ialah perbelanjaan pilihan raya umum sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri. Sepatutnya yang melibatkan perbelanjaan-perbelanjaan yang pasti berlaku, kita mempunyai unjuran-unjuran perbelanjaan.

Oleh itu, sepatutnya yang berlaku ialah kita sudah membuat jangkaan pilihan raya dengan tarikhnya sekali supaya apabila kita letakkan tempoh enam bulan, sudah ada anggaran yang boleh dibuat daripada perbelanjaan-perbelanjaan Suruhanjaya Pilihan Raya. Akan tetapi hari ini angka-angka ini kadang-kadang dibuat secara tidak tersusun, tidak rapi kerana secara ad-hoc sahaja, Tuan Pengerusi, kerana ia adalah berdasarkan kepada tarikh jangkaan pilihan raya itu tidak diketahui menyebabkan apabila berlaku, inilah yang kita lihat Perbekalan Tambahan ini terpaksa dipohon setelah dibelanjakan.

Sepatutnya sudah ada suatu angka kerana kalau kita lihat perbelanjaan rakyat pun, ada yang mereka sudah boleh jangka perbelanjaan berdasarkan bulan, ada yang berdasarkan minggu, ada yang berdasarkan hari. Takkan kita sebagai sebuah kerajaan yang mengetahui mesti akan ada pilihan raya empat atau lima tahun sekali mengikut Perlembagaan, sepatutnya kita sudah boleh letakkan anggaran bagi satu-satu pilihan raya. Itu yang pertama.

Kedua yang saya juga pohon ialah jumlah perbelanjaan bagi Pilihan Raya Kecil Tanjong Datu pada 18 Februari 2017 yang kita tidak ketahui berapa angkanya. Mungkin apabila telah dibelanjakan seperti yang telah berlalu pilihan raya tersebut, mungkin akan ada permohonan Perbekalan Tambahan pula.

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam Suruhanjaya Pilihan Raya Maksud B.4 ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Taiping.

12.14 tgh.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun di bawah Kepala B.4 yang juga Suruhanjaya Pilihan Raya. Jumlah tambahan bajet yang diperlukan ialah RM62,780,000.

Tuan Pengerusi, pertama, saya ingin melahirkan perasaan kesal kerana sejak Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Menteri Kewangan, tiap-tiap tahun Dewan yang mulia ini dikehendaki meluluskan bajet tambahan. Ia seolah-olah menjadikan di mana perbelanjaan yang kita bahas selama 18 hari pada tahun lepas seolah-olahnya tidak tepat kepada sasaran. Tiap-tiap tahun kita perlukan belanjawan tambahan. Saya rasa ini bukan satu amalan yang berhemah kerana jika kerajaan mempunyai disiplin kewangan, keadaan ini tidak akan berulang tiap-tiap tahun.

Kedua, berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, Kepala B.4. Pada bulan April 2012 iaitu lima tahun yang dulu, Dewan yang mulia ini dengan panjang lebarnya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menambah baik dan membuat reformasi ke atas sistem pilihan raya kita. Sebanyak 22 cadangan telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi sudah genap lima tahun, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan Menteri, berapakah antara 22 cadangan yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini telah pun diguna pakai? Saya bagi satu contoh. Cadangan pertama oleh Jawatankuasa tersebut mencadangkan supaya sistem pendaftaran automatik pengundi diamalkan di negara dan tanah air kita ini. Sudah genap lima tahun. Semalam Menteri jawab masih ada lagi 4,030,000 rakyat Malaysia yang sudah mencapai umur 21 tahun layak mengundi tapi gagal mendaftar sebagai seorang pengundi untuk memilih kerajaan yang bersih.

Maka, sekiranya kita mengupas kembali 22 cadangan yang diluluskan oleh Dewan ini tetapi tidak diguna pakai kerana daripada kaji selidik yang saya peroleh, 80 peratus cadangan tidak dipraktikkan ataupun dilaksanakan, maka apa gunanya apabila kita bahas panjang lebar di Dewan yang mulia ini, tubuh jawatankuasa, luluskan usul dalam Dewan tetapi akhirnya ia disimpan dalam peti sejuk ataupun simpan dalam muzium sebagai kenangan dan sebagai nostalgia sahaja?

Saya meminta supaya Menteri menggulung nanti boleh memberikan maklumat terkini kepada Dewan ini berapakah cadangan yang telah diluluskan oleh Dewan ini telah dan akan dilaksanakan. Ini adalah amat penting untuk mengangkat martabat Dewan khususnya Parlimen bukan *rubber stamp* dan keadaan ini tidak harus berulang.

Apabila saya juga menyentuh tentang SPR, kita hendak tahu, berapa jumlah duit yang akan dipakai untuk melaksanakan satu sistem pilihan raya yang memastikan sistem pendaftaran pengundi ini bersih? Ini kerana baru-baru ini pihak sebelah sini telah menubuhkan pasukan tangkap pengundi hantu. Kami telah pun mendapati cukup banyak kes yang membuktikan sistem pendaftaran pengundi tidak bersih.

Saya bagi contoh. Di kawasan Kampar di mana ketua kampung boleh kumpulkan 38 orang, itu semua dari Parti Barisan Nasional lah, dia duduk di satu lorong yang tidak wujud di

Kampung Wah Loong, Kampar yang hanya ada 12 lorong sahaja tetapi dia boleh duduk atas rumah lorong 13. Apa sudah berlaku kepada senarai pendaftar pengundi?

Kedua, Timbalan Menteri Kewangan, dia bersama konco-konconya duduk dalam kilang, 38 orang duduk dalam satu kilang. Tapi saya rasa IC dia bukan alamat tersebut. Dan di mana Yang Berhormat Seremban pernah pergi tangkap hantu di mana di rumahnya pemiliknya adalah kaumnya Tionghoa tetapi duduknya lebih 30 orang kaum India duduk di satu rumah teres kaum Cina.

Saya rasa keadaan pelik ini mencerminkan di mana sistem— sekiranya kita tidak mempunyai senarai pendaftar pengundi yang bersih, telus dan adil, sistem pilihan raya kita tidak akan bersih telus dan rakyat akan terus menyokong usaha untuk membuat reformasi supaya kita mempunyai satu sistem pilihan raya yang penuh dengan integriti supaya kerajaan yang dipilih ini juga mendapat mandat sebenarnya daripada rakyat.

Tuan Pengerusi, saya pohon penjelasan dan harap di mana amalan kita membahas bajet tambahan ini tidak akan berulang lagi. Saya ingin memetik satu kejayaan daripada Kerajaan Selangor yang diketuai oleh Yang Berhormat Gombak.

■1220

Kerajaan Negeri Selangor membuat bajet dan memberikan janji tidak ada bajet tambahan. Sekiranya, Kerajaan Negeri Selangor mampu lakukan. Mengapa Parlimen tidak mampu? Saya rasa ini satu contoh teladan baik yang perlu dicontohi, supaya kerajaan mempunyai disiplin kewangan yang lebih. Duit amat susah diperoleh kerana titik peluh kerja berat rakyat dari cukai rakyat kita setiap sen yang dibelanjakan perlu berhemah, perlu kepada tujuan dan mesti, wajib mempunyai mencerminkan sistem ketelusan dan akauntabiliti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat hendak jemput Yang Berhormat Menteri. Berapa orang lagi yang berminat? Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Lumut. Sebelah sini tidak ada ya?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat? Sila Yang Berhormat Sepang.

12.21 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini iaitu berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, Maksud B4 ini. Saya bangkitkan. Pertama, saya ingin tanya kepada pihak Menteri lah. Memandangkan pilihan raya seperti mana yang dikatakan oleh kawan / tadi telah pun diposted *budgeted* ya, telah ditetapkan jumlah pada belanjawan yang lepas. Seharusnya, jumlah tambahan ini tidak seharusnya— kalau hendak diminta pun tidak sebanyak inilah, RM62, 780,000. Jadi saya tanya apakah justifikasi pada angka ini, itu yang pertama.

Kedua, saya ingin juga bangkitkan. Saya rasa Tuan Pengerusi dalam pilihan raya di Malaysia ini, seolah-olah jadi satu perniagaan sebab banyak undang-undang telah dipinda di Parlimen ini berkaitan dengan pilihan raya ini yang melibatkan kos yang tinggi yang sudah tentu membebankan parti pembangkang berbanding parti kerajaan. Saya hendak bagi contoh bagaimana dinaikkan deposit pilihan raya, dinaikkan deposit untuk petisyen pilihan raya dan selepas itu, ada pula deposit untuk pelupusan sampah, selepas itu sekarang ini kalau kita hendak buat bantahan ini pun ada kena bayar dulu.

Kalau kalah ada bayar kos dan kalau kita kalah petisyen pilihan raya ini kos yang dikenakan pun tinggi. Jadi, seolah-olah hasrat untuk mewujudkan sistem pilihan raya yang adil dan bersih ini dengan izin *was defeated*. Ini kerana mungkin ada orang-orang yang rasa pilihan raya ini mungkin tidak bersih ataupun tidak mengikut undang-undang tetapi mereka agak gusar ataupun bimbang untuk bawa kes ini ke mahkamah sebab memikirkan kos yang akan dibayar.

Saya hendak bagi contoh. Kalau hendak failkan petisyen, kita kena bayar deposit petisyen itu dengan jumlah yang besar. Selepas itu, kalau kita kalah pula dan memang petisyen pilihan raya ini selalunya kalahlah jarang menang pun. Bukan kalah kerana bicara, kalah dalam peringkat apa yang dipanggil PO ataupun bantahan awal, *Preliminary Objection*. Sebab, undang-undang pilihan raya ini telah dibuat dengan sebegitu rupa hingga menyebabkan sukar untuk kita hendak cabar.

Malahan, tafsiran-tafsiran yang terbaru pula dibuat tafsiran yang memang bagi saya tafsiran yang langsung tidak memihak kepada untuk mewujudkan pilihan raya yang adil dan bersih. Walaupun makna *election* dalam *Election Offences Act*, dengan izin Akta Pilihan Raya adalah sebarang pilihan raya dibuat mengikut undang-undang. Makna kalau dia bukan lagi mengikut undang-undang, itu bukan pilihan raya. Saudara boleh lihat seksyen 2, Akta Kesalahan Pilihan Raya. "*Definition of election is any election conducted in accordance with law*. Maknanya, kalau tidak *in accordance with law* bukan pilihan raya.

Akan tetapi, saya pernah berhujah sampai peringkat Mahkamah Persekutuan. Mahkamah pun nampaknya tidak begitu cenderung untuk memilih tafsiran begitu. Bagi dia *pre and fact election* ini bukan satu benda yang penting. Jadi, saya hendak tanya pertama kepada Yang Berhormat Menteri dalam petisyen-petisyen sebelum ini khususnya dalam pilihan raya umum yang lepas, kita tahu banyak kes SPR menang, berapakah kos yang telah pun SPR dapat daripada segala kes-kes yang difailkan di mahkamah itu? Saya percaya memang banyaklah. Jadi, saya minta butirannya. Berapa jumlahnya?

Saya juga ingin tanya dalam pilihan raya DUN Sarawak baru-baru ini, berapa banyak petisyen pilihan raya yang telah difailkan? Berapa banyak kes yang SPR dinamakan sebagai responden dan berapa banyak pula kes yang diketepikan ataupun dibuang dan berapa kos yang SPR tidak dapat? Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat menjawab. Saya percaya kakitangan-kakitangan yang bertugas di belakang ini mereka pun perlu buat *homework* sedikit, kalau tidak mereka relaks lah. Jadi, saya harap soalan saya ini boleh dijawab dengan maklumat yang tepat, terima kasih. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

12.26 tgh.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Kuala Langat sudah keluar? Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit dalam peringkat Jawatankuasa iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri, pertama berkaitan dengan B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya yang melibatkan RM62,782,000. Saya ingin penjelasan dari sudut pendaftaran pemilih yang walaupun kita tahu di antara tanggungjawab besar Suruhanjaya Pilihan Raya adalah dari sudut pendaftaran pemilih. Sejauh mana dari sudut pemutihan, sebab kita dapati contohnya yang kita lihat yang terkini ada yang berlaku dalam kawasan saya sendiri beberapa nama di mana ada satu ataupun satu kumpulan, sedikit kah apa yang saya kira ditaja oleh orang-orang yang tertentu yang mana datang ke kampung mengutip IC-IC daripada penduduk-penduduk tempatan termasuk yang di sempadan. Ditukarkan alamat dan dipindah ke kawasan-kawasan yang tertentu yang telah diatur untuk memenangkan sesuatu DUN atau Parlimen kawasan pilihan raya.

Jadi, saya ingin tahu adakah perkara ini dalam maklumat Suruhanjaya Pilihan Raya adakah perkara ini menjadi satu *persuade* yang dibenarkan. Di mana satu agensi-agensi tertentu untuk mengutip IC dan membawa pemindahan pengundi. Sedangkan tuan badan sendiri tidak tahu, tiba-tiba apabila disemak nama mereka berada di tempat yang berbeza dengan alamat penginapan mereka, berada di bahagian pilihan raya yang lain maksud saya. Jadi, adakah perkara ini menjadi satu *persuade*. Adakah perkara ini dalam maklumat suruhanjaya dan perkara ini sedang berlaku dengan banyak dan laporan-laporan bukan satu atau dua, beratus-ratus laporan yang kita terima daripada rakyat berkaitan dengan isu ini.

Kedua, saya ingin minta penjelasan berkaitan dengan di bawah Jabatan Perdana Menteri juga iaitu P.7, P.7 masuk bawah— masih dalam butiran kah?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: P.7 di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, di bawah butiran projek 00100 iaitu Institut Tadbiran Awam Negara. Di mana peruntukan tambahan sebanyak RM12 juta dikehendaki untuk membiayai pelaksanaan program pembangunan dan pendidikan *Razak School of Government (RSOG)* yang merupakan sebuah institusi pembangunan kepimpinan awam dan autonomi bagi menyediakan latihan kepimpinan lanjutan serta program-program yang berimpak tinggi yang menekankan kepada kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Saya ingin penjelasan *detail* tentang program di institusi ini. Setakat ini berapa orangkah berjaya mendapat latihan kepimpinan program ini dan apakah impak ataupun kesan-kesan yang telah diperoleh hasil daripada latihan ini dan program-program yang telah dilaksanakan dan sejauh mana keberkesananannya terutama dari sudut sektor awam dan swasta. Apakah kekangan yang dihadapi dan kos RM12 juta yang diperlukan ini apakah *item*, apakah keperluan yang telah digunakan menggunakan dana RM12 juta ini. Jadi, setakat itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lumut.

12.29 tgh.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masih lagi berhubung B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya ingin mendapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah kos penganiayaan yang dilakukan ke atas warga ataupun pengundi Parlimen Lumut sebanyak 27,000 orang telah dipindahkan daripada Parlimen Lumut ke Parlimen Beruas.

■1230

Ini merupakan tindakan yang tidak adil dan tidak munasabah oleh SPR. Oleh kerana kalau kita merujuk kepada peta kependudukan pengundi tersebut, memang tidak masuk akal oleh kerana kedudukan tempat tinggal mereka di Parlimen Lumut lebih kurang 20 kilometer ke Parlimen Beruas. Ini merupakan kerja-kerja yang tidak adil. Saya menuntut supaya kawasan pemetaan yang asal dikekalkan. Maka dengan itu, kita lihat SPR lebih adil dan bertimbang rasa kepada rakyat. Kalau tidak dipindahkan, rakyat akan menghukum kerajaan yang melakukan tindakan seperti ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

12.30 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia. Salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Lumut, perlu saya jelaskan bahawa di peringkat ini tumpuan diberikan kepada dua perkara, perbekalan tambahan yang telah diberikan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu tentang pilihan raya dan Razak School of Government.

Mengenai persoalan-persoalan yang pada saya tidak berada dalam butiran peringkat Jawatankuasa, mungkin agak sukar untuk saya nyatakan contoh macam Yang Berhormat Lumut, bertanya tentang 27,000. Mungkin maksud Yang Berhormat ini di bawah cadangan persempadanan baru, mungkin keluar 27,000. Itu mungkin saya tidak ada data yang terperinci

tentang perkara yang dibangkitkan. Itu andaian saya mengatakan bahawa— cuma yang ini sebenarnya kita bercakap tentang satu jumlah yang telah dibekalkan bagi kita menjayakan tiga perkara iaitu Pilihan Raya Kerajaan Negeri Sarawak. Kedua mengenai Pilihan Raya Kecil di Kuala Kangsar dan juga Pilihan Raya Kecil di Sungai Besar.

Ada Yang Berhormat mengatakan bahawa perkara-perkara yang berlaku itu tidak melibatkan perbelanjaan tambahan memandangkan ia satu unjuran yang kita patut tahu. Malangnya tarikh pilihan raya kita tidak tahu dan telah pun Yang Berhormat Kelana Jaya tanya tentang jumlah yang dibelanjakan, berapa yang spesifik. Sebenarnya telah pun dijawab di peringkat dasar semalam. Peruntukan yang diberikan kepada SPR adalah RM75.6 juta. Kemudian kita mendapat tambahan RM60 juta menjadikan RM135.6 juta dan telah diumumkan semalam, RM50 juta dapat dijimatkan dan telah pun dipulangkan. Maksudnya bukan seperti yang kita nampak, kenapa jumlah itu bulat RM60 juta, tidak ada sen-sen. Tidak.

Sebenarnya bajet asal diberikan RM75 juta, kemudian tambahan sebab apabila diumumkan apabila pilihan raya berlaku, maka disediakan satu perbelanjaan tambahan. Selepas habis pilihan raya, kita pulangkan balik mana-mana baki. Baki sebenarnya telah pun dipulangkan lebih kurang RM50 juta. Sebenarnya ada penjimatan.

Akan tetapi Yang Berhormat kena fahamlah. Ini perbelanjaan tambahan. Contohnya katakan, tahun ini semua cakap, tahun pilihan raya. Tiba-tiba tidak ada pilihan raya. Bermakna tidak perlulah kita belanja tetapi kalau ada, maka akan diberikan satu tambahan yang tidak disebut dalam pembentangan yang lalu. Itu maksudnya. Ini bukan duit yang kita baru hendak mohon ataupun yang baru hendak pohon. Serupa juga dengan pilihan raya kecil. Waktu kita buat bajet, tidak ada berlaku insiden yang menyebabkan pilihan raya kecil perlu dilaksanakan, maka RM1.28 juta diperuntukkan bagi Pilihan Raya Kecil Kuala Kangsar dan RM1.49 juta bagi Pilihan Raya Kecil Sungai Besar. Itu maksudnya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kita bahawa sebenarnya tambahan itu yang betul-betul dipakai itu RM10 juta sahajalah, lebih kurang. Betul? Oleh sebab *you* kata, minta RM60 juta, selepas itu pulang balik RM50 juta. Saya hendak tahu, di manakah **entry** untuk pulang balik RM50 juta itu? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: *Entry* apakah ini?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Account*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya, selepas kita habis, semua kerajaan, ini lima sen hendak lupus pun kita kira. Jadi selepas kita habis perbelanjaan, maka apa juga baki, pulang. Duit tidak belanja memang kena pulang, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, saya tahu tetapi **you** tidak pakai duit itu. **You** pakai RM10 juta sahaja.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya lah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Betul atau tidak?

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak. Dia ada satu kekeliruan di sini, Tuan Pengerusi. Dia bukan duit yang baru kita hendak minta. Sebagai contoh, saya ambil Razak School of Government. Duit itu sudah pun belanja sudah, tahun lepas. Jadi...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Saya faham. Soalan saya, Yang Berhormat Menteri, soalan saya senang. Yang Berhormat mari ke Parlimen minta RM60 juta, kelulusan untuk RM60 juta. Sekarang Yang Berhormat Menteri beritahu kita, pakai RM10 juta sahaja. RM50 juta telah dipulangkan balik. Di manakah direkodkan pulangan wang RM50 juta itu? Balik kepada siapa? Balik kepada *Ministry of Finance*? Balik kepada *consolidated account*? Di manakah ia? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Semalam itu yang cakap. Semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan telah jawab benda ini.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Tuan Pengerusi.

Dato' Razali bin Ibrahim: Maknanya, ini dari segi pematuhan prosedur.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Razali bin Ibrahim: Pematuhan prosedur sebab duit itu telah pun diluluskan pada tahun lepas maka kita kena mintalah kelulusan itu. Apabila semua perbelanjaan yang kita buat selama ini pun, apabila tidak dibelanjakan memang kena pulang balik kepada Kementerian Kewangan. Bukan duduk dekat SPR. Itu maksudnya. Akan tetapi mengesahkan perbelanjaan ini, ini kerajaan yang—peraturan kewangan yang kita kena patuh. Ini perkara yang mesti kita uruskan dulu iaitu membenarkan perbelanjaan yang dibuat dulu. Selepas itu, baki yang tidak dibelanjakan akan dipulangkan balik seperti peraturan-peraturan yang biasa. Ya?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana satu? Yang Berhormat Dungun atau Yang Berhormat Shah Alam? Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Ya, bentara, tolong bantu urus setia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendengar penjelasan dan soalan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Sekarang ini, persoalannya, kita diminta untuk meluluskan bajet tambahan. Kita diminta untuk meluluskan bajet tambahan. Dalam bajet tambahan yang kita diminta untuk meluluskan, ianya menunjukkan RM60 juta. Di mana secara hitam putih dan secara rasmi disebut bahawa sebenarnya duit yang digunakan adalah hanya RM10 juta?

Bagaimana kita hendak luluskan satu bajet, fasal sekarang ini kita yang hendak luluskan. Kita fahamlah apa yang diluluskan pada asalnya bagi pihak Kabinet dan sebagainya tetapi sekarang ini, hari ini, yang diberi kepada kita adalah bajet tambahan dan kita diminta untuk meluluskan RM60 juta. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri pula kata, sebenarnya, hanya lulus ataupun diguna hanya RM10 juta. Lalu di mana ada angka itu secara rasmi, secara hitam putih? Itu yang menjadi persoalannya. Apa maknanya kita luluskan sekarang ini RM60

juta kalau sebenarnya yang digunakan adalah RM10 juta? **So**, ini soalan yang pertama. Maknanya berhubung dengan apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya.

Kedua, yang saya hendak tanya juga berhubung dengan perkara yang sama ialah bahawa di Sungai Besar dan Kuala Kangsar iaitu dua kawasan Parlimen. Kawasan Parlimen ini lebih ramai pengundinya. Setiap satu kawasan, kita lebih kurangnya, hanya gunakan RM1.4 juta lebih kurang setiap satu kawasan. Ini untuk pilihan raya kecil. Berbanding dengan apa yang kita telah belanjakan untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak yang pada asalnya RM73 juta diluluskan ditambahkan pula sekarang ini dikatakan RM10 juta. Jadi RM83 juta. Mengapa perbelanjaan untuk pilihan raya di Sarawak menelan belanja jauh lebih tinggi bagi satu kawasan DUN berbanding dengan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk kawasan Parlimen.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sarawak ini PRN.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, Sarawak PRN, pilihan raya negeri. Akan tetapi negeri belanja untuk DUN itu jauh lebih tinggi daripada ataupun seakan-akan sama tinggi dengan belanja yang dikeluarkan untuk pilihan raya Parlimen di Semenanjung?

■1240

Maknanya jumlah itu, *is a bit questionable*lah, dengan izin. Boleh Yang Berhormat Menteri jawab kedua-dua soalan itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Dungun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Kertas Perintah yang dibentangkan kepada kita. Jadi dalam maksud B.04 Suruhanjaya Pilihan Raya ini dicatatkan dengan jelas, "*Tambahan berjumlah RM62,780,000 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi pelaksanaan PRU DUN Sarawak ke-11 sebanyak RM60 juta. Sebanyak RM2,780,000 telah dipecahkan.*" Jadi maknanya jumlah ini telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka. Jadi bermakna permohonan yang dibuat adalah RM60 juta termasuk Pilihan Raya Kecil Sungai Besar serta Kuala Kangsar. Ini agak *contradict*, dengan izin Tuan Pengerusi dengan apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya juga memohon juga penjelasan seperti mana Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri boleh? Sikit sahaja, sikit sahaja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya jawab dulu, dia sama sahaja. Yang Berhormat ini main dengan kata-kata...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, tidak.

Dato' Razali bin Ibrahim: Bajet untuk Sarawak RM135 juta, sudah lulus RM70 juta lebih. Selepas itu tidak cukup RM60 juta, dia bagi RM 60 juta. Itu sahaja. Selepas itu kita sudah belanja, pilihan raya Sarawak pun sudah selesai. Selepas itu baki kita pulang balik, bukan kita minta RM10 juta. Ini cerita yang sudah lepas tetapi pematuhan kewangan perlu dilaksanakan.

Negeri Sarawak ada 82 buah kerusi DUN. Yang Berhormat Shah Alam tanya fasal kenapa jumlah itu besar. Yang Berhormat kena faham kawasan, satu kawasan itu punya jauh. Ia bukan macam pergi Shah Alam, pergi Sepang, pergi Muar. Ini pergi kawasan kalau naik bot, punya jauh, kita kena sewa. Bukan kitalah. SPR kena sewa helikopter yang banyak dan kos ini tinggi, tempoh masa kempen yang panjang. Kalau kita kira 85 buah kawasan, RM1 juta pun RM82 juta.

Jadi hendak beritahu keseluruhan perbelanjaan yang diunjurkan untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak adalah RM135.6 juta. Sebanyak RM75 juta dia bagi awal. RM60 juta dia beri sebagai tambahan bagi memenuhi jumlah tersebut. Hari ini kita berbelanja hanya RM85.4 juta. Maka itu yang saya kata tadi, ada penjimatan kepada pengendalian Pilihan Raya Kecil Negeri Sarawak dan duit itu kita pulang baliklah kepada Kementerian Kewangan. Itu sahaja. Yang Berhormat cerita, buat andaian jauh-jauh, fasal apa?

Jadi pada saya, perkara ini adalah perkara yang telah pun dijelaskan di peringkat dasar yang saya berikan perincian, apabila ditanya balik, saya ulang. Serupa juga tentang jumlah yang ditanya Pilihan Raya Umum. Pilihan Raya Umum- Perbelanjaan Pilihan Raya Umum ke-13 RM460 juta. Anggaran kos bagi Pilihan Raya Umum ke-14 RM450 juta. Maka kalau semua hendak jimat, belanjalah baik-baik. Jangan buat masalah tambahan. Jangan kita tambah perkara baru. Jadi tidak adalah perbelanjaan tambahan ya, RM460 juta dibelanjakan waktu Pilihan Raya Umum ke-13. Untuk 14, unjuran anggaran kita RM450 juta. Tetapi tengok apabila berlaku pilihan raya, tahun inikah atau tahun depan? Jadi Yang Berhormat kata kenapa mesti ada perbelanjaan tambahan...

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Duduklah Yang Berhormat. Duduk, duduk.. saya tengah cakap ini. Apabila ada perbelanjaan tambahan, macam kita tidak reti mengurus. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu buat, kita pun tidak tahu bila pilihan raya. Mungkin tahun ini, mungkin tahun depan sebab tempoh matangnya masih ada.

Akan tetapi untuk Pilihan Raya Umum, bajet yang ada anggaran RM450 juta, itu maksud dia. Jadi kepada Yang Berhormat, saya harap perkara ini jelaslah. Kita cuma perlu juga luluskan kerana apa sebab? Itu jumlah tidak diluluskan dalam perbelanjaan yang lalu, yang kita hendak lulus hari ini. Ini bukan soal tentang kita ambil 10 atau 60. Yang penting 60 itu mesti lulus dulu. Berapa baki, kita pulang, ya. Jadi saya sudah jawab tentang berapa kos pilihan raya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh Yang Berhormat Menteri? Sudah habis sudah? Boleh? Sikit, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya soalan sedikit sebab saya semalam ada bangkitkan dalam perbahasan dasar. Akan tetapi nampaknya tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya hendak tanya soalan mudah sahaja. Kalau ikut daripada DR5/2017 ini, jumlah RM3 bilion lebih kurang yang dinyatakan dalam rang undang-undang inilah. Akan tetapi apabila kita lihat kepada B.4 ini, poin saya Yang Berhormat Menteri, kalau dalam ini dia kata RM3 bilion ini diminta untuk daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, *Consolidated Fund* dengan izin. Sedangkan dalam B.4 ini, ia menyatakan bahawa untuk perbelanjaan RM2,780,000 itu untuk pelaksanaan Pilihan Raya Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar dan juga RM60 juta untuk Pilihan Raya Sarawak itu didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, soalan saya mudah sahaja, kenapa ada perbezaan itu? Dekat sini luar jangka, dekat sini pula kata masa depan. Sedangkan bagi sayalah, ini bercanggah dengan Perkara 104 Perlembagaan. Walaupun mungkin Yang Berhormat Menteri akan jawab nanti, *"Oh! Wang jangka itu pun daripada Consolidated Fund juga"* tetapi kalau dalam Perkara 104 itu kata, *"Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang yang Disatukan itu dia ada – ada dia punya tatacara dia untuk A, B dan C sahaja, yang mana tidak termasuk dalam Wang Luar Jangka"*. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, macam mana ini? *In one hand, you are saying you are taking from Consolidated Fund. On the other hand, you* ambil pula daripada Wang Luar Jangka. Nanti saya takut nanti, ambil kedua-dua nanti pula. Dengan Barisan Nasional ini kami tidak percaya, terus teranglah, minta maaf.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kita cakap bahasa kasar sikit, suruh tarik. Tetapi Yang Berhormat pun kadang-kadang guna bahasa yang menyakitkan hati orang lain juga. Akan tetapi Yang Berhormat jangan kelirukan dari segi, ini prosedur kewangan. Sudah disebut oleh, saya bukan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya cuma jawab dari segi perbelanjaan yang kami terima di peringkat Jawatankuasa, fahamlah prosedur. Kalau tidak nanti kita berulang, tidak habis ini. Banyak soalan spesifik yang dibangkitkan tentang butiran. Jangan tanya fasal pilihan raya, sebab itu saya sebut dengan Tuan Pengerusi tadi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan kata, biar Yang Berhormat Menteri jawab. Itu yang kita tanya ini.

Dato' Razali bin Ibrahim: Ya lah, tetapi yang— tidak, tidak. Bukan fasal jangka, bukan tentang prosedur kewangan. Tanya dengan JPM tentang butiran yang spesifik tentang perbelanjaan. Bukan tentang soal prosedur kewangan. Prosedur kewangan tanyalah yang jaga kewangan negara.

Saya hendak beritahu macam contoh Yang Berhormat tanya, spesifik tentang perkara ini, saya akan jawablah. Akan tetapi kalau tanya fasal terma-terma perkataan, saya boleh jawab tetapi bukan di peringkat inilah.

Saya hendak jawab tentang contoh Yang Berhormat Taiping tanya selepas itu keluar beberapa syor. Lapan syor daripada 22. Lapan telah kita terima dan laksanakan, tiga tidak dapat sebab kekangan undang-undang, 11 perlu laporan lanjut. Itu maksud ya.

Selepas itu Yang Berhormat Sepang pun tanya, yang ini saya jawablah. Berapa banyak petisyen pilihan raya? Untuk Pilihan Raya Umum, saya tidak ada data tetapi untuk Pilihan Raya

Sarawak ada satu. Ada satu petisyen pilihan raya yang telah difailkan, itu pun tidak menamakan SPR sebagai pihak yang dinamakan.

Yang Berhormat Rantau Panjang tanya fasal pemilih yang ditukar alamat. Kita sebenarnya sentiasa mengikut peraturan. Kita akan pamerkan. Kalau ada bantahan dan kita sentiasa menerima kalau ada perpindahan ataupun perkara-perkara yang bersalahan tentang dakwaan-dakwaan yang dibuat tadi.

Akan tetapi tentang tukar alamat macam Yang Berhormat Rantau Panjang sebut, memang ada banyak, bukan parti tertentu yang berkepentingan. Sebenarnya semua parti buat. Pada saya, jangan kata ingat satu pihak, tidak ada. Jangan tuduh. Memang itu dibenarkan kalau memang orang itu betul-betul berpindah daripada satu kawasan, maka dia boleh mohon. Akan tetapi kalau ada orang yang memindahkan dengan niat tertentu, jangan tuduh parti mana. Semua parti pun kalau kita hendak cakap tentang buat, semua buat. Akan tetapi jangan langgar peraturan. Kalau ada pelanggaran, maka dalam tempoh bantahan ia boleh dibangkitkan untuk kita membuat semakan.

Akan tetapi kalau kita hendak kata tentang kepercayaan kepada SPR, tahap keluar mengundi rakyat kita yang tinggi, makna dia percayalah dengan sistem yang kita ada. Ada kawasan Yang Berhormat menang pun bukan sikit, besar ya. Jumlah yang keluar itu sebenarnya tidak masalah. Tetapi selalu kita sebut sebagai ada pengundi-pengundi hantu, cerita fasal Bangla beratus ribu, sampai hari ini cerita. Akan tetapi jangan cerita tidak ada bukti. Benda itu adalah dakwaan-dakwaan yang sebenarnya merosakkan integriti kita sendiri oleh sebab Yang Berhormat menyatakan satu perkara yang tidak wujud pun. Akan tetapi kalau benda itu benar-benar berlaku, maka saya percaya bukan Yang Berhormat sahaja hendak, saya pun hendak. Oleh sebab kita pun ada kawasan Parlimen kita juga, yang berlaku seperti Yang Berhormat bangkitkan juga. Kita pun mahu SPR untuk mengambil tindakan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi.

Untuk *Razak School* disebut– ini baguslah, spesifik. Kita ada beberapa program Yang Berhormat, yang kita buat. Sebenarnya kita ada RM6 juta untuk mengurus tetapi tidak dapat menjalankan urusan-urusan ataupun program-program. RM12 juta ini adalah jatuh di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas untuk *upskilling*, meningkatkan *skill*, kemahiran.

■1250

Akan tetapi ini khusus kepada penjawat awam. Antara perkara yang diberikan tumpuan adalah mengenai untuk pembangunan intelektual dan kepimpinan pegawai-pegawai kanan kita dalam perkongsian kepakaran, kecekapan, efisien, keamanahan dan berintegriti di samping untuk mendedahkan kepada amalan pengurusan yang terbaik dan jumlah ini melibatkan empat program iaitu *Senior Leadership Program* dengan izin Tuan Pengerusi, *Evolving Leaders Program*, program khas dengan *master class*. Jumlah peserta untuk seminar forum kepimpinan yang saya nyatakan tadi – penjawat awam (kumpulan pengurusan dan profesional) 1,708 orang. Untuk *Senior Leadership Programs* yang melibatkan *branding leaders*, *branding the nation* daripada University of Oxford, daripada Cambridge, daripada Meiji, daripada ... 79 orang. Dia bukan pergi sana kita bawa pakar dari luar untuk berikan seminar kepada pegawai kita – 79

orang terlibat untuk *Senior Leadership Program, Evolving Leaders Program*, 145 orang yang melibatkan *leadership in crisis, leadership power and influence, strategic branding and leadership, leadership in change, premier business management program*.

Kemudian kita ada program khas yang melibatkan jumlah 367 orang. Kemudian kita ada *master class* yang melibatkan 77 orang. Kemudian yang terakhir ia juga kita gunakan untuk kajian profil kompetensi pegawai pentadbir awam dan juga program-program kepimpinan dari segi nilai, budaya supaya di masa akan datang kita dapat melengkapkan pegawai kerajaan dengan perubahan pentadbiran di masa akan datang.

Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak balik kepada soal perbelanjaan untuk PRU tadi di mana Yang Berhormat Menteri menyebut perbelanjaan untuk PRU adalah sebanyak RM430 juta dan kalau tidak hendak banyak belanja maka janganlah bawa banyak hal.

So, saya hendak tanya yang *exercise delineation* ini, persempadanan baru ini yang diusahakan oleh pihak kerajaan sebenarnya berapakah perbelanjaannya? Ini kerana saya memahami bahawa untuk melakukannya ia memerlukan pemetaan yang baru, ia memerlukan berbagai-bagai tindakan oleh pihak kerajaan khususnya pegawai-pegawai SPR. Kalau kiranya tidak mahu menanggung perbelanjaan yang tinggi kerana kita hendak buat pilihan raya tidak lama lagi RM430 juta itu pun sudah cukup besar. Saya hendak cadangkan supaya usaha persempadanan baru ini yang pasti menelan belanja berpuluh – kalau tidak beratus juta juga dilupakan sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Ini hendak jimatkan, duit tidak ada kan?

Dato' Razali bin Ibrahim: Pertama dia tidak berapa berkaitlah tetapi dari segi persempadanan ini adalah tuntutan perlembagaan. Sebenarnya sudah berlaku kelewatan. Kita tidak boleh kerana perkara yang dibangkitkan tadi kita kata tidak payah buat tetapi ini mesti ikut kepada peruntukan perlembagaan dalam tempoh tertentu perlu dibuatkan semakan. Maka SPR perlu menjalankan apa yang termaktub di dalam perlembagaan tetapi kita ambil kiralah kalau ada kes mahkamah, arahan mahkamah dan sebagainya kita terpaksa untuk melihat – ya, ada lagi ?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit sahaja. Menteri tidak berapa betul jawapan itu Menteri kerana walaupun ada peruntukan perlembagaan ia tidak mewajibkan hanya memungkinkan kalau perlu dan ia kalau kita hendak jimat kerana kita hutang negara pun sudah banyak, hendak belanja pun banyak kan. Tadi sudah kata pilihan raya pun sudah RM430 juta hendak buat persempadanan baru ini pun banyak belanjanya. Sudahlah tidak boleh tambah Parlimen-parlimen baru kerana tidak ada 2/3 persetujuan maka hendak buat persempadanan baru untuk kawasan-kawasan dalam jumlah Parlimen yang sama ini bagi saya ia merupakan satu perbelanjaan yang tidak wajar dan tidak perlu.

Kalau bolehlah Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapa jumlah yang dibelanjakan untuk *exercise* persempadanan baru ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri elok balik kepada topik.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tahun lepas 3.9, tahun ini mungkin dalam 1.3 baru. Maknanya tidak besar tapi itu adalah tanggungjawab kita dan kita akan buat. Tidak ada masalah tentang itu.

Jadi kepada saya Tuan Pengerusi, soal tentang ekonomi negara jangan sabotajlah, banyak lagi kita boleh dapat duit sebenarnya. *[Disampuk]*. Sikit sahaja, saya sebut sikit sahaja tidak payah banyak pun Yang Berhormat sudah beri reaksi. Akan tetapi saya hendak bagi tahu itulah perkara-perkara yang berkaitan tentang...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sendiri sabotaj.

Dato' Razali bin Ibrahim: RM62 juta dan juga RM12 juta di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya mohon sokongan dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM62,780,000 untuk Maksud B.4; di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM62,780,000 untuk Maksud B.4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM50 untuk Maksud P.6 dan RM12,000,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM50 untuk Maksud P.6 dan RM12,000,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

**Maksud B.48 [Jadual] -
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. P.48 hanya token sahaja, P.48 tidak perlu dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM128,000,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM128,000,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] –

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. Tidak ada perbincangan. Yang Berhormat Pokok Sena tidak menyelamatkan keadaan.

Ya, Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

12.58 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak dapatkan penjelasan tentang 3.2 ini, projek NKEA peruntukan tambahan sebanyak RM5 juta yang diperlukan untuk NKEA EPP 8 : Food Park 2016. Saya hendak tanya bagaimana tentang cara pengagihan peruntukan ini diberikan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana supaya mereka dapat benar-benar memanfaatkan wang tersebut untuk tujuan perniagaan mereka. Sejauh mana pihak kerajaan khususnya pihak kementerian memastikan bahawa tidak ada unsur-unsur cuba mengambil kesempatan dalam mendapat peruntukan daripada kerajaan ini.

Ini saya sebut berasaskan kepada laporan audit dan juga laporan PAC yang diberikan kepada kita di mana ada satu syarikat dalam projek NKEA pertanian ini dua kali mendapatkan peruntukan. Satu dapat dari NKEA dan satu lagi dia dapat NCIA sedangkan peruntukan itu diperolehi untuk projek yang sama seperti mana yang dilaporkan dalam laporan PAC dalam muka surat tujuh bagi tujuan pembiayaan daripada NCIA syarikat ini telah memaklumkan kos projek dia RM150 juta dan kontrak telah pun ditermometerai dalam tahun 2011.

Manakala di bawah NKEA pula syarikat ini juga menyatakan kos projek ialah RM353 juta dan dia telah pun – kontrak itu telah dilaksanakan mulai Oktober 2011 juga. Jadi dua kali dia dapat peruntukan daripada atas projek yang sama. Satu projek dia *declare* kata RM353 juta di bawah NKEA, di bawah NCIA dia *declare* kata RM150 juta. Jadi saya bimbang, saya hendak dapatkan penjelasan, kebimbangan saya bahawa ini juga akan berlaku sedemikian rupa.

Jadi sejauh mana pihak kerajaan dalam mengendalikan permohonan daripada syarikat-syarikat ini membuat *screen test*, tapisan yang betul-betul mereka tidak boleh melakukan seperti mana yang dilaporkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada yang minat kalau tidak ada yang minat 2.30 Yang Berhormat Menteri Pertanian menjawab.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Minat lagi Tuan Pengerusi – ada minat.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada minat? Ya, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Lepas makan kah?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Lepas makan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita makan dulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara].*

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita tangguhkan persidangan kita sehingga 2.30 petang dan Yang Berhormat Bukit Gantang mula untuk berbahas.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

2.32 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya nak berbincang berkenaan P.21 berkenaan dengan Butiran 94000 – NKEA iaitu memang matlamat daripada Kementerian Pertanian untuk melaksanakan NKEA ini untuk memberikan pendapatan kepada negara kita sebanyak RM21.44 bilion pada tahun 2020 dan juga memberi peluang pekerjaan seramai 74,000 pekerjaan pada tahun 2020. Akan tapi persoalannya ialah saya nak kaitkan bagaimana di antara perkara untuk nak – program yang dijalankan iaitu antaranya saya nak menyentuh berkenaan dengan ternakan ikan di dalam sangkar yang saya rasakan ini salah satu daripada perkara yang boleh dilakukan oleh kementerian untuk membolehkan supaya soal ikan ini tak perlulah untuk kita nak *import*.

Sekarang amat sedih apabila kita melihat di dalam negara kita yang dikelilingi oleh laut yang luas, tiba-tiba kita masih lagi menjadi pengimport makanan atau pengimport ikan khususnya. Kalau mengikut dalam satu portal yang daripada Indonesia, kita sendiri mengimport ikan daripada Indonesia, ikan kerapu sebanyak satu tahun USD140 juta. Begitu juga ikan-ikan yang lain yang dimakan oleh rakyat biasa pada hari ini seperti mana ikan kembung ataupun ikan sardin dan juga ikan-ikan biasa. Itu pun sudah menjadi mahal. Apabila ditanya, kebanyakannya ia melibatkan soal ikan itu yang kita import daripada luar negara.

Maka persoalan kita ialah kenapakah dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan ini masih lagi kita gagal setiap kali dijawab oleh Menteri dan juga dijawab oleh pegawai-pegawai berkenaan dengan hal kenaikan harga ikan ini, maka yang dijawabnya ialah ikan naik kerana musim tengkujuh. Persoalannya apabila naik pula ikan ini, ia tak turun-turun. Di Malaysia ini pelik, gula naik 11 sen, teh tarik naik 10 sen. Itu keadaan yang berlaku.

Maka sebab itu dalam persoalan ini juga kita melihat dan menjadi satu kehairanan juga bagaimana di Malaysia ini kita ada institut latihan pertanian, kita ada fakulti marin ataupun fakulti pertanian. Akan tetapi malangnya, kebanyakan daripada kalangan graduan-graduan yang keluar bekerja, keluar daripada kolej ini ataupun daripada kursus ini, mereka masih juga untuk menjadi sebagai pegawai. Sedangkan sepatutnya mereka ini telah pun dilatih supaya sekurang-kurangnya menjadi seorang nelayan di laut dalam yang sudah tentulah mereka mempunyai kelebihan dan kepakaran yang tersendiri yang mempunyai kelebihan berbanding dengan nelayan-nelayan yang tidak terlatih.

Jadi sekurang-kurangnya kalau kita dapat melatih mereka ini dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka, sekurang-kurangnya yang pentingnya ialah kita dapat mengelak daripada aliran wang negara kita ini keluar kerana untuk nak mengimport makanan khususnya kita bincangkan pada hari ini ialah berkenaan dengan ikan. Saya juga nak bertanya kepada Menteri, boleh atau tidak menjelaskan berapakah ternakan ikan sangkar yang dijalankan oleh nelayan-nelayan kita yang di bawah pemerhatian kementerian yang berjaya di seluruh negara yang menampung keperluan ikan di dalam negara kita? Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

2.37 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada isu yang sama iaitu Butiran 94000 – NKEA dalam Maksud 21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya ingin tanya Menteri, boleh memberi penjelasan tentang isu Food Park 2016? Setahu saya, saya pergi ke *website* kerajaan menunjukkan bahawa isy tentang NKEA EPP 8 Food Park 2016. Pada tahun 2014 sudah bagi kepada empat buat syarikat untuk membuat *food production park* ini. Kenapakah perkara ini– Menteri tak ada. Ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada. Timbalan Menteri ada.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey. Kenapakah perkara ini menerima bajet tambahan padahal projek ini dah bermula sejak 2014? Ia tidak masuk akal langsung. Kenapa RM5 juta? Siapa yang terima sebab dikatakan di sini, "*Tujuan itu ialah untuk pemberian pembiayaan pertanian kepada syarikat yang berkaitan*". Bayaran RM5 juta diberikan kepada satu syarikat yang berkaitan dengan industri kecil dan sederhana. Syarikat mana? Dalam sini *website* menunjukkan empat buah syarikat. Saya nak tahu syarikat mana. Apa yang dia buat yang boleh terima RM5 juta dan apakah *purpose Food Park* ini? Sebab mengikut NKEA ini, GNI

untuk *Food Park* dianggarkan 884 juta. Wah! GNI besar tapi *investment*-nya kecil, RM5 juta tetapi pada siapa? Empat buah syarikat, siapa yang terima? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.39 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Nogeh anak Gumbek]:

Terima kasih Tuan Pengerusi. Selamat tengah hari, selamat sejahtera. Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas keprihatinan Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Bukit Gantang dan baru-baru tadi Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah memberi perhatian terhadap perkembangan sektor pertanian negara dan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Butiran P.21.

■1440

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbekalan Tambahan di bawah butiran P.21 adalah berkaitan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi. Entry Point Project 8 iaitu EPP8, iaitu Taman Pengeluaran Makanan, *food park*. Secara ringkas Taman Pengeluaran Makanan adalah projek yang menumpukan kepada pembangunan produk industri asas tani melalui penglibatan dan pelaburan pihak swasta. Pihak swasta bertindak sebagai peneraju *anchor company* dengan izin bagi membangunkan produk-produk IAT yang diusahakan oleh usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana supaya berdaya maju, bernilai tinggi serta mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Jadi tadi Yang Berhormat Pokok Sena ada bertanya bagaimanakah cara pengagihan peruntukan NKEA EPP8 ini yang berjumlahnya RM5 juta. Pengagihan peruntukan di bawah EPP8 dilaksanakan melalui Agrobank sebagai pengurus dana dan pembiayaan adalah secara *soft loan* dengan kadar keuntungan 3.75 peratus setahun. Pengeluaran pembiayaan secara *tail end* berdasarkan kepada kemajuan projek atau dokumen-dokumen sokongan. Bermakna, syarikat-syarikat yang mengambil bahagian sudah memulakan kerja-kerja mereka dan dengan surat-surat sokongan, dokumen-dokumen tertentu, barulah pembiayaan itu diadakan.

Tadi juga Yang Berhormat Pokok Sena ada bertanya bagaimanakah kerajaan memastikan tiada penyelewengan oleh syarikat dalam permohonan dana. Jadi proses pemilihan dan pelantikan syarikat peneraju perlu melalui proses berikut, Permohonan mereka akan dinilai melalui staf-staf teknikal oleh jabatan atau agensi berkenaan dan selepas itu, akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan cuma yang disokong akan dibawa kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk lantikan dan penentuan dana dan kelulusan muktamad akan dibuat oleh Jawatankuasa PEMANDU di peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Dalam proses penilaian tersebut, syarikat diminta mengisytiharkan sebarang bentuk bantuan lain yang diterima. Selain dari itu, syarikat juga perlu menandatangani *integrity pack* dengan izin sebelum pembiayaan dapat diluluskan.

Tadi juga Yang Berhormat Pokok Sena ada menyentuh mengenai sebuah syarikat satu kes di mana ia dapat pembiayaan dari dua badan kerajaan. Kes ini adalah di dalam EPP6 Tuan

Pengerusi. Walaupun butir-butirnya semua ada dengan saya, sama ada perlu untuk diberi jawapan kerana yang dibahas sekarang untuk diluluskan adalah EPP8.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, yang berkaitan sahaja dengan..

Dato' Nogeh anak Gumbek]: Yang berkaitan ya, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengan Perbekalan Tambahan Yang Berhormat. Sekiranya berkaitan, ya.

Dato' Nogeh anak Gumbek: Namun begitu, saya ingin mengatakan bahawa pihak kementerian telah melakukan *cross checking* dengan semua agensi kerajaan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ada berkaitan sebenarnya antara projek undang itu sebab tadi Yang Berhormat menyebut bahawa NKEA ini sebelum meluluskan akan mendapatkan laporan sama ada syarikat tersebut telah pun mendapat pembiayaan daripada pihak-pihak yang lain. Itu barulah ada pertimbangan untuk NKEA meluluskan pinjaman ini. Akan tetapi dalam kes projek undang ini, syarikat itu mendapat terlebih dahulu daripada NCIA RM150 juta dan dimaterai pada Januari 2011.

Permohonan kepada NKEA ialah pada Oktober 2011 dengan meletakkan projek itu bernilai RM353 juta. Sepatutnya dia sudah pun menyemak tetapi tidak disemak. Ini menunjukkan bahawa NKEA meluluskan dalam keadaan syarikat ini telah pun mendapat pinjaman daripada NCIA. Jadi oleh sebab itu saya tanya tadi, bagaimana mereka hendak pasti? Yang Berhormat kata, kita akan *check* terlebih dahulu sama ada dia telah mendapat daripada pihak yang lain tetapi kes ini terbukti bahawa dia mendapat daripada NCIA, dia juga mendapat daripada NKEA.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya serahkan kebijaksanaan Yang terhormat untuk mengetahui sama ada ia berkaitan dengan butirankah tidak. Saya yakin Yang terhormat Menteri lebih maklum perkara ini.

Dato' Nogeh anak Gumbek: Rumusan Laporan Ketua Audit Negara di mana replikasi di bawah NKEA pertanian ini secara keseluruhannya adalah memuaskan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang didapati boleh ditambah baik dalam pelaksanaan program ini. Jadi pihak kementerian mengambil maklum perkara-perkara yang dicadangkan telah pun melaksanakan tindakan yang sewajarnya. Dalam kes yang disebut ini yang spesifik ini, ingin saya memberitahu bahawa syarikat tersebut masih di dalam siasatan SPRM. Jadi kita *stop* di situ sahaja jawapan saya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, saya tidak, saya hanya merujuk kes itu dari sudut pemberian pinjaman sebab saya hendak bertanya dalam kes bajet tambahan ini kita akan memberikan pinjaman kepada projek yang berkaitan dengan *food park*. Jadi bagaimana benda ini tidak boleh berulang dalam kes ini? Seperti tidak ada kelulusan yang lebih...

Dato' Nogeh anak Gumbek: Yang Berhormat, sudah tentu untuk yang akan datang, kita ada menerima beberapa permohonan dari syarikat-syarikat dan seperti yang saya sebutkan tadi dengan menambah baik prosedur kita sudah tentu mereka memberi satu *integrity pack* dan kedua, mereka memberi dalam segi *black and white* di mana mereka belum lagi menerima apa-apa pembiayaan dari agensi-agensi yang lain. Kalau kita lihat jumlahnya yang RM5 juta itu, kalau ada enam ke tujuh yang diluluskan, maka jumlahnya tidakkan sampai berpuluh juta pula. Mungkin ada satu juta, satu syarikat sahaja. Jadi tadi saya juga ada Yang Berhormat Bukit Gantang bertanya mengenai ternakan ikan dalam sangkar. Tidak perlu kita hendak import kalau kita ada dapat mengeluarkan banyak ikan sendiri dan apakah usaha NKEA dalam menggalakkan akuakultur.

Sebenarnya kita tidak dapat bergantung 100 peratus dengan tangkapan kita daripada laut. Memang kita juga menggalakkan ternakan ikan dalam sangkar sama ada di dalam kolam atau di sungai atau pun di tasik untuk menambah lagi *production* ikan kita dan kita harap dapat mengurangkan import kita. Antara usaha yang dilakukan oleh EPP4 penternakan ikan, ikan dalam sangkar memfokuskan kepada penternakan ikan kerapu, tilapia dan seabass. Jumlah pengeluaran ikan melalui EPP4 pada tahun 2016 adalah sebanyak 10,991.31 metrik tan iaitu telah melebihi *target* asal sebanyak 9,000 metrik tan.

Yang Berhormat Bukit Gantang tadi juga telah mencadangkan supaya pelatih daripada Kolej Pertanian diberi galakan dalam sektor pertanian dan perikanan. Ya, kita berterima kasihlah kepada Yang Berhormat di atas saranan dan cadangan yang telah diberikan. Kementerian sentiasa memantau prestasi pelajar kolej pertanian dan menyediakan program lanjutan seperti program Agropreneur Muda dan kalau mereka ingin hendak menjadi nelayan sama ada lesen C atau B, kita akan dapat membantu.

Jadi tadi juga kita ada ditanya oleh Yang Berhormat Kelana Jaya mengenai senarai penerima di bawah EPP8. Jawapan dia ialah syarikat yang telah menerima adalah:

- (i) DMS Resources;
- (ii) Ramly Food Processing - yang ini membuatkan burger dan sebagainya;
- (iii) Durian Manufacturing;
- (iv) Top Fruit Sdn. Berhad. Top Fruit ini mereka membuat, memproses dari durian dan membuat durian pes. Kebanyakannya dieksport ke negara Chinalah.

Jadi itu jawapannya Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya sebenarnya bukan tentang syarikat-syarikat ini. Saya hendak tahu sebab empat syarikat ini telah di-*appoint* oleh kerajaan sejak tahun 2014. Kenapakah terdapat bajet tambahan 2016? Sepatutnya sudah *appoint*, maknanya dia sudah bekerja 2015, maknanya bajet sepatutnya dimasukkan dalam Bajet 2016. Adakah ini *extraordinary*, adakah berlaku sesuatu di mana mereka tidak dapat terima tiba-tiba cari duit untuk bayar RM5 juta. Terima kasih.

■1450

Dato' Nogeh anak Gumbek: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada jawapannya di sini bahawa pada tahun 2016, peruntukan telah diluluskan sebanyak RM5 juta dengan kaedah pembayaran secara pinjaman. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dikehendaki mengemukakan permohonan pinjaman dan dokumentasi berkaitan kepada Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan bagi membolehkan peruntukan tersebut disalurkan mengikut tatacara permohonan jaminan pinjaman. Kementerian telah memohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada Julai 2016 untuk meluluskan pertukaran kaedah pembayaran daripada pembiayaan secara pinjaman kepada pembiayaan secara langsung bagi peruntukan tersebut selepas perbincangan mengenai permohonan dengan MOF diadakan pada bulan Mei 2016.

Justifikasi permohonan yang dikemukakan kepada EPU adalah kerana terdapat kesilapan pengisian butiran kaedah pembiayaan semasa permohonan peruntukan EPP8 bagi RMKe-11 dalam Sistem Pembatalan Projek 2. Untuk maklumat, peruntukan bagi EPP8 ini telah diluluskan sejak RMKe-10 bermula pada tahun 2015 dengan kaedah pembayaran peruntukan secara langsung. Jadi, EPU telah bersetuju supaya kod kaedah pembiayaan EPP8 dipindah daripada kaedah pinjaman kepada secara langsung pada bulan Ogos 2015. Kementerian telah dipohon mengadakan perbincangan lanjut dengan MOF bagi meminda maklumat tersebut di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016 yang dikeluarkan oleh MOF dan supaya peruntukan tersebut dapat disalurkan. *I think that's the answer why we are now putting it back here.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Menteri. *I'm pleased, a very good answer. Thank you.*

Dato' Nogeh anak Gumbek: *Thank you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,000,030 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM5,000,030 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oleh sebab P.23 hanya token, P.23 tidak perlu dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

2.53 ptg.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas tentang butiran Projek 94000 – NKEA, di mana peruntukan tambahan telah diminta sebanyak RM18 juta untuk dana pembiayaan Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR. Jadi, persoalan yang saya inginkan penjelasan di sini ialah terdapat rungutan-rungutan daripada peserta-peserta yang telah pun mendapat kelulusan pembiayaan TUKAR ini. Namun begitu, mereka kebanyakannya telah menyuarakan rasa tidak puas hati tentang pengurusan kaedah baik pulih ataupun menaik taraf kedai-kedai runcit mereka. Di mana ada sesetengahnya itu tidak ada pemantauan daripada agensi yang mengeluarkan bantuan sehinggakan banyak projek tersebut menggunakan bahan-bahan yang tidak berkualiti dan juga spesifikasi penambahbaikan itu tidak menepati syarat sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dan curiga.

Jadi, apakah peranan yang telah dimainkan oleh pihak kementerian dalam memastikan supaya perkara ini dapat diatasi? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri.

2.54 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor yang bertanya mengenai ada rungutan mengenai pembiayaan Program TUKAR ini. Jadi, memang pun pihak kementerian dalam memberi dana untuk ke Program TUKAR ini melihat daripada segi keperluan pihak yang menjalankan projek ini daripada semasa ke semasa. Jadi, jika ada perkara seperti mana yang dinyatakan tadi, perlulah dimaklumkan kepada pihak kementerian. Setakat ini, pihak kementerian tidak menerima apa-apa maklum balas daripada pihak yang dikatakan tadi.

Jadi walau bagaimanapun, untuk makluman, pada tahun 2016 dan peruntukan tambahan sebanyak RM18 juta ini sebenarnya yang dimohon bukannya merupakan peruntukan tambahan. Ia adalah semata-mata dana yang diperlukan bagi pembiayaan Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR ini dan dana pembiayaan Program Pemodenan

Bengkel Automatif yang diberi pada tahun lepas iaitu 2016 secara *advance* ataupun didahulukan. Apa yang diperlukan sekarang supaya dana sebanyak RM18 juta ini diberi secara geran peruntukan kepada pihak kementerian. Inilah merupakan permintaan pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM18,000,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM18,000,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kementerian Kerja Raya. Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Putatan.

2.57 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya membawa perkara Butiran 051100 dengan Butiran 08280 - Jalan-jalan Raya Besar, yang berkenaan dengan di negeri Sabah. Pertama sekali, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan kerosakan jalan ini yang melibatkan luar daripada jangkaan perbelanjaan yang memperbaiki jalan-jalan yang baru dibina. Terutama sekali kualiti-kualiti pembinaan itu boleh dianggap sebagai satu pertanyaan yang besar.

Oleh kerana apa yang berlaku, terutama sekali Pan Borneo pertama yang juga Yang Berhormat Menteri mewakili Parlimen Papar selalu melalui jalan tersebut yang mana terdapat pemendapan. Terutama sekali depan lapangan kapal terbang di Kota Kinabalu yang terdapat pembinaan itu Tuan Pengerusi, bahawa ada pemendapan yang begitu ketara betul yang mana terdapat ketidakpuasan daripada pihak pengguna jalan itu telah membawa perkara ini ke perhatian saya sebagai Ahli Parlimen kawasan tersebut. Satu itu sahaja yang saya ingin timbulkan.

Saya minta penjelasan kenapa ada pembaikan yang baru-baru ini dibuat dan kenapa ini belum lagi selesai. Maka, masih lagi terdapat pemendapan itu dan kereta seolah-olah dia menari, Tuan Pengerusi. Ia *up and down*, dengan izin. Jadi, itu minta penjelasan jika pihak kementerian dapat menangani masalah tersebut. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas.

2.57 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan Kepala P.27, Kementerian Kerja Raya.

■1500

Tuan Pengerusi, dalam sesi Parlimen yang lepas, saya mengutarakan masalah penyelenggaraan jalan raya di negeri Perak dan menyatakan bahawa memang jumlah yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan raya di negeri Perak memang tidak mencukupi dan saya bertanya sama ada, adakah kerana kerajaan membelanjakan terlalu banyak wang untuk MRT dan LRT di bandar-bandar besar di Kuala Lumpur yang menelan belanja lebih kurang RM80 bilion. Saya dapat jawapan bahawa itu tidak benar dan mengatakan bahawa jumlah yang mencukupi telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan raya di negeri Perak. Tetapi jawapan itu saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak tahu keadaan sebenar kerana saya sudah mendapat banyak rungutan daripada JKR di negeri Perak sendiri dan setiap kali diminta untuk membaiki lampu jalan ataupun menurap semula jalan raya atau membaiki apa-apa fasiliti atau kemudahan yang diselenggarakan oleh JKR, dikatakan tiada duit untuk membuatnya.

Rungutan ini, Tuan Pengerusi, sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional Perak sendiri sudah pun secara terbuka merungut dan membawa masalah ini ke medan terbuka. Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Kerajaan Barisan Nasional, Dato' Zainol Fadzi Paharuddin telah baru-baru ini menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap Kerajaan Persekutuan. Dikatakan tahun 2016, Kerajaan Negeri Perak mendapat peruntukan yang terendah sekali dalam sejarah untuk penyelenggaraan, penurapan semula jalan-jalan raya persekutuan di negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak telah memohon RM132 juta untuk tahun 2016 tetapi hanya RM16 juta sahaja yang diluluskan. Kalau diagihkan kepada 10 daerah di negeri Perak, satu daerah hanya mendapat lebih kurang RM1.6 juta setahun.

Untuk tahun 2017, Kerajaan Negeri Perak telah pun memohon untuk RM117 juta wang untuk penyelenggaraan dan penurapan semula jalan raya persekutuan. Tetapi malangnya, sampai hari ini tidak ada pun jawapan diberikan sungguhpun Bajet 2017 sudah lulus begitu lama sekali.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, daripada senarai item-item yang ada disenaraikan di bawah P.27, adakah mana-mana di antara wang ini diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan penurapan semula jalan-jalan raya persekutuan di negeri Perak? Kerana di negeri Perak ada 1,619 kilometer jalan persekutuan tapi jalan-jalan raya ini sudah lama tidak diturap semula. Kali terakhir jalan raya persekutuan ini diturap semula adalah pada tahun 2013. Sudah empat tahun tidak diselenggarakan atau diturap semula.

Kalau kita pergi ke Perak, di merata-rata tempat kita tidak dapat nampak lubang-lubang di banyak kawasan diturap semula. Kalau dimohon, kerana tidak cukup peruntukan, mereka hanya buat *patchwork*. Itu memberi tanpa secara— maksudnya, gambaran ini yang hendak diberikan oleh kerajaan kepada rakyat bahawa kita sudah menjadi miskin, kita hendak balik ke zaman 60-an dan 70-an di mana rakyat Malaysia apabila baju koyak, kita tampal secara *patchwork*.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah daripada peruntukan ini yang berjumlah RM132 juta yang diminta untuk tahun 2016 akan diberikan dan

yang diminta untuk tahun 2017 sebanyak RM117 juta ini akan diluluskan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong.

3.05 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 81000 dan juga Butiran 61000. Ini dua-dua berkaitan dengan sama ada bina dan juga naik taraf.

Bagi tujuan ini, kita tengok ada juga dimaklumkan bahawa peruntukan ini adalah untuk negeri Johor. Jadinya untuk negeri Johor ini, saya hendak mendapat maklumat ataupun fakta daripada pihak kementerian mengenai berapa banyak sebenarnya yang diperuntukkan untuk Daerah Batu Pahat itu sendiri? Sebabnya, tiap kali apabila kita selaku wakil rakyat membangkitkan mengenai isu sama ada bina baru ataupun naik taraf jalan-jalan persekutuan dan juga negeri, ianya sering mendapat maklum balas yang negatif daripada pihak agensi yang berkaitan dengan mengatakan bahawa disebabkan kekurangan peruntukan, tidak ada peruntukan. Jadinya kerana itulah perlu untuk pihak kementerian untuk memaklumkan dalam Dewan ini.

Saya juga hendak— sebab saya juga mendapat banyak aduan mengenai kualiti-kualiti jalan yang dilihat tidak berapa *complete*, dengan izin. Maksud saya *complete* itu mungkin dia buat jalan tidak ada tepi dia dan itu menyebabkan banyak kemalangan terutamanya berlaku di Daerah Batu Pahat terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong. Jadinya saya hendak mendapat fakta ini dan juga *feedback* dan juga respons daripada pihak kementerian mengenai perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan.

3.07 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, mengikut Butiran 05100, Butiran 08260 dan Butiran 08280, ketiga-tiga ini bajet tambahan yang diminta untuk menaik taraf jalan raya di Sabah.

Di sini saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, mengapa Sabah punya jalan raya sentiasa boleh rosak begitu cepat? Adakah dia punya standard berbeza dari ini jalan di Semenanjung dengan Sabah? Nampaknya di seluruh Sabah, di Sandakan, dari Batu 8 hingga Batu 16 punya Jalan Libaran, belum lagi satu tahun, sudah berlubang-lubang. Itu yang kita sudah tunggu berapa lama, berapa tahun, baru siap jalan itu, kita semua pun berasa gembira, tapi sampai satu tahun saja sudah berlubang-lubang. Lagi di Jalan Batu Sapi, itu dua kali bina. Satu kali belum siap, hujung belakang sana sudah rosak. Jadi, *retender*, kita tahu. Dua kali tender tapi sekarang pun belum satu tahun pun sudah begitu rosak sudah.

Jadi di sini saya mahu tanyalah, mengapa Sabah punya jalan raya begitu senang rosak? Adakah dia punya standard of membina itu jalan punya kualiti ada lainkah, berbezakah dengan Semenanjung ini?

Keduanya saya mahu tanya, selamanya pengusaha lori tidak boleh memuat dia punya barangan dengan lebih banyak sebab di Sabah, jalan raya dan jambatan yang dibina, dia punya had untuk BTM baru 38 saja. Tapi di Semenanjung, lori sampai BTM 52 dan baru-baru ini sudah meningkat sampai BTM 75. Jadi mengapa Sabah punya standard itu, dia punya kualiti jalannya begitu rendah?

Jadi di sini saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri juga, adakah sekarang baru-baru yang semua menaik taraf punya itu atau baru-baru yang bina jalan raya untuk Sabah punya itu, adakah serata dengan ini Semenanjung punya jalan raya? Sekian, terima kasih.

■1510

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang.

3.10 ptg.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 09260 – Sarawak Naik Taraf Jalan-jalan dan Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan-jalan Raya dan Laluan. Saya ingin hendak menyentuh tentang peruntukan yang diberikan untuk menaik taraf jalan di Parlimen Limbang sebanyak RM70 juta dan di Lawas sebanyak RM69 juta. Saya tahu ini dibuat mengikut *realignment* untuk keselamatan dan sebagainya.

Akan tetapi apa yang kita dapat pada masa ini, sudah beberapa tahun banyak yang belum siap lagi. Sini sangkut, sana sangkut. Dari pemerhatian saya semasa balik kawasan, saya perhatikan kerja dibuat tetapi kalau ditengok dari segi *manpower*, *machinery* di tapak, memang tidak hairanlah kenapa ia lambat. Kadang-kadang apabila buat menaik taraf jalan ini, *this is a main road* dengan izin dan sepatutnya ia mestilah walaupun semasa penaikan taraf, *the road must be possible*.

Apa yang didapati ialah apabila terjadinya kerosakan yang dibiarkan begitu sahaja. Ini mencadangkan rungutan dan mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan. Jalan ini adalah jalan persekutuan. Di Limbang hanya ada 52 kilometer sahaja jalan persekutuan. Jadi, ia senanglah untuk di *maintain* dan sebagainya. Baru-baru ini dua minggu lepas hari Jumaat, di jalan yang tengah dibuat naik taraf ini banjir dahsyat yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Jadi, saya risau perkara ini ada kaitan dengan penaiktarafan yang dibuat ini. Di mana mereka tidak memastikan perparitan dan sebagainya, tidak dibersihkan dan sebagainya ataupun tersumbat disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf. Jadi, mereka sudahlah buat naik taraf jalan itu sendiri lambat dan dibiarkan lagi segala saluran, apabila hujan dua jam, yang tidak pernah berlaku boleh banjir. Jadi, saya berharap seksyen-seksyen yang sedang di naik taraf di sepanjang jalan persekutuan di Parlimen Limbang iaitu daripada seksyen dari Pekan Limbang menuju ke Bandar Seri Begawan. Di sinilah yang masa ini betul-betul kira teruk. Saya berharap ia dapat dipercepatkan.

Kedua, saya perhatikan apabila terjadinya hujan lebat minggu lepas, sepanjang jalan persekutuan ini beberapa tempat ada runtuh tanah. Memang dapat saya perhatikan ada tiga

sepanjang jalan menuju ke Bandar Seri Begawan. Jadi, saya berharap kepada pihak Kementerian Kerja Raya memerhatikan perkara ini. Mungkin di bawah *maintenance* ataupun kena buat *slope failure*. *Slope* yang saya rasa kalau ada lagi hujan lebat memang akan jatuh, memang akan menutup jalan utama ini yang menyambungkan dari selatan Sarawak sampai ke Kudat, Sabah. Inilah sahaja laluan yang ada.

Satu ialah berkaitan jambatan di jalan persekutuan ini. Di Limbang tidak banyak jambatan besar. Pada masa ini hanya ada dua. Jambatan Sungai Limbang dan juga jambatan yang baru siap di Temburong itu. Akan tetapi yang jambatan yang menuju ke Brunei ini, ini juga di jalan utama ini. Saya perhatikan keadaan keselamatannya. *Signboard* tidak cukup, segala-galanya di depan. Orang boleh langgar dia punya *parapet* kalau orang baru lalu di sana. Sepatutnya perkara-perkara ini semuanya diambil kira.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan khususnya kementerian dan Jabatan Kerja Raya Sarawak yang diassigned oleh Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan semua kerja ini diambil kira dan memastikan semua yang dibuat ini janganlah sudah hampir hendak tidak lama lagi habis penggal. Kerja yang dibina di naik taraf dua tahun lepas sampai hari ini banyak belum siap lagi. Ada yang belum di seal lagi, ada yang macam-macam. *I think* kalau boleh kalau hendak tahu secara *detail* lagi, saya minta pihak kementerian turun melihat. *Just a short stretch*. 42 kilometers sepanjang jalan ini.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik. Maaf, Yang Berhormat Parit. Selalu terkeliru antara Yang Berhormat Gerik dengan Yang Berhormat Parit.

3.14 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 81000. Itu tentang jalan, saya minta JKR untuk melihat balik jalan yang telah saya sebut beberapa kali dalam Dewan ini yang perlu kepada penambahbaikan. Lurus dan lebar. Kedua, Jalan Parit Simpang Tiga iaitu selalu berlaku banjir oleh sebab kerubung, batu *culvert*-nya yang kecil dan saya pernah minta supaya kerubung-kerubung itu digantikan dengan yang lebih besar lagi supaya air dapat laju dan akan dapat mengurangkan banjir.

Ketiga, Jalan Tanjung Belanja ke Telok Sena yang juga telah banyak berlubang-lubang dan ia sangat berbahaya kepada pemandu-pemandu dan kemalangan sering berlaku. Ini saya minta JKR atau Kementerian Kerja Raya dapat melihat perkara ini untuk kepentingan rakyat terutama menjelang pilihan raya akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

3.16 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyentuh satu perkara iaitu projek-projek di bawah Butiran 60000 – Naik Taraf

Jalan Raya dan Laluan yang disenaraikan di sini ialah jumlah RM57 juta untuk Pahang, Terengganu, Kelantan dan Pulau Pinang. Saya hendak maklumkan, ada satu jambatan di Kampung Setelu yang menghubungkan antara Dabong dalam Kuala Krai dan Gua Musang. Laluan ini digunakan oleh pengguna di antara Gua Musang, Dabong dan Jeli. Satu laluan yang sangat penting. Pada banjir besar 2014 dan 2015, jambatan ini runtuh dan telah dibina satu jambatan sementara dengan kos lebih kurang RM800,000.

Akan tetapi pada banjir pada Januari yang lalu, jambatan tersebut runtuh lagi. Walaupun belanja tidak besar tetapi cukup untuk meruntuhkan jambatan tersebut dan masih belum dibaiki. Saya dimaklumkan penduduk setempat membuat macam sambungan untuk berjalan kaki menyeberangi sungai tersebut. Satu perkara yang baik tetapi itu bukan penyelesaian kepada pengguna. Ini kerana jikalau jalan itu tidak dapat digunakan, maka mereka terpaksa mengambil laluan di antara Dabong, Sungai Sam dan juga Gua Musang yang akan menggandakan perjalanan dari Dabong ke Gua Musang sejauh 60 kilometer Jalan Setelu. Akan tetapi kalau tidak dibaiki, mereka akan mengambil perjalanan sejauh 120 kilometer. Dua kali ganda.

Jadi, saya juga ingin dimaklumkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diberikan tanggungjawab dan telah bersetuju untuk membuat jambatan segera menggantikan jambatan yang ada dengan kos lebih kurang RM300,000 tetapi yang terbaru, saya juga dimaklumkan struktur yang rosak itu tidak dapat digunakan. Maka ia memerlukan satu pembaikan dan Angkatan Tentera Malaysia hanya boleh membuat jambatan sementara sekiranya struktur tiang yang masih elok.

Oleh yang demikian, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada peruntukan yang disediakan untuk Kelantan sebahagiannya ini boleh disalurkan secara keutamaan untuk memperbaiki Jambatan Setelu ini walaupun pada kadar sementara kerana kos yang dulu sebanyak RM800,000, kalau buat yang sementara juga mungkin lebih kurang yang sama. Ini kerana sangat perlu untuk kepentingan penduduk di Jeli, di Kuala Krai, di Dabong dan juga di Gua Musang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya hendak tumpang, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Mencilah. Boleh? Boleh ya? Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini kerana kawan baik saya cakap tentang Kelantan ini, saya diminta oleh Yang Berhormat Tumpat tadi untuk kecek sikitlah tentang isu '*Kelate*'.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dekat dengan ladang Yang Berhormat juga. Ladang sawit.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, baik. Ya, memang. Saya merujuk kepada Butiran 81000, Butiran 60000 dan 61000. Dalam butiran-butiran ini, nampaknya negeri Kelantan selalu di *bundle* dengan negeri Selangor, Perak. Projek-projek tambahan ini menunjukkan *bundling*. Yang Berhormat Tumpat minta saya tanya, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri pecahkan atau agihkan berapa sebenarnya dana untuk Kelantan sahaja dalam semua projek tambahan ini. Terima kasih.

■1520

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya panjangkan persoalan tersebut kepada Menteri mengikut yang diminta. Terima kasih.

3.20 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak sentuh sedikit Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru di mana RM175 juta adalah diperuntukkan untuk membiayai projek naik taraf jalan-jalan negeri di antara lain Johor. Begitu juga Butiran 61000 di mana RM83 juta adalah diperuntukkan bagi menaik taraf jalan-jalan di negeri antara lain termasuklah negeri Johor juga.

Saya telah beberapa kali membangkitkan satu selekoh maut di Kulai iaitu di KM38 hingga 40, Jalan Persekutuan Johor Bahru–Ayer Hitam. Di sana sudah banyak berlaku kes kemalangan di antara tahun 2005 sehinggalah tahun 2015 sudah berlaku 272 kes kemalangan di lokasi tersebut dan di antaranya 25 kes adalah kes kemalangan maut. Jadi oleh sebab itu sudah beberapa kali saya membawa isu ini ke Dewan Rakyat yang mulia ini termasuklah satu ucapan penangguhan pada sidang Parlimen yang lalu.

Saya rasa amat gembira kerana pada Januari yang lalu ini, Menteri Besar Johor telah datang ke kawasan saya, Kulai dan membuat satu pengumuman bahawa selekoh maut ini akan diluruskan. Jadi saya rasa ini adalah satu berita yang bagus. Akan tetapi sebelum jalan selekoh ini diluruskan, satu kemalangan maut berlaku lagi pada awal bulan Mac ini. Jadi Tuan Pengerusi, di jalan itu, sebanyak 35,000 buah kenderaan melalui jalan itu setiap hari. Saya tidak ingin melihat ada kemalangan maut yang akan berlaku di lokasi yang sama.

Jadi di sini saya ingin meminta bantuan daripada Menteri Kerja Raya, bila projek untuk meluruskan selekoh maut ini akan bermula dan berapa banyak peruntukan yang telah diluluskan untuk projek tersebut sama ada projek itu untuk meluruskan selekoh maut itu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Johor sahaja ataupun Kementerian Kerja Raya juga akan memberi peruntukan untuk mempercepatkan projek untuk meluruskan selekoh maut tersebut.

Sekian sahaja, ribuan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

3.23 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk kepada Maksud P.27, Kementerian Kerja Raya. Butiran 6.1 berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM15,783,700. Ini berkenaan dengan pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Projek ini dianggarkan telah mula pada tahun 2013 dan sepatutnya siap pada tahun 2016 mengikut laporan awal. Saya ingin menuntut mengapa berlaku kelewatan. Sudah sampai 2017 kita belum lagi memulakan ataupun menamatkan projek ini.

Kedua adalah tentang kos, mengapa perlu kos tambahan ini? Itu perlu diterangkan sebab saya difahamkan ada banyak pihak yang telah melabur dalam projek ini sebagai contoh pada 28 Februari 2016, kita ada syarikat daripada Saudi Aramco yang telah dikatakan melabur RM31.1 bilion bagi 50 peratus ekuiti. Kita juga difahamkan ada syarikat seperti Dialog Berhad, Royal Vopak yang juga telah melabur dalam projek ini. Apakah asas kita perlukan RM15 juta ini padahal ada pelaburan daripada pelbagai pihak terhadap projek ini? Pada waktu yang sama, dengan adanya tambahan ini dan sebagainya dan projek ini dikatakan belum siap lagi, saya menuntut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan bilakah projek ini akan siap. Adakah kita masih lagi memerlukan dana untuk menyiapkan projek ini?

Seterusnya, saya juga minta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan berapa banyak pelabur sebenarnya dalam projek ini. Berapakah jumlah pelaburan yang telah dilaburkan dalam projek ini?

Seterusnya saya masuk kepada Butiran 81000 iaitu Membina Jalan-jalan Baru. Sebanyak RM175 juta telah dilaburkan. Saya ingin menuntut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, terangkan berapa banyak projek yang telah dilakukan dengan perbelanjaan RM175 juta ini. Pada waktu yang sama, mengapa projek-projek ini sebab ini adalah kena-mengena dengan jalan-jalan baru mahupun projek-projek baru, sepatutnya telah dikemaskinikan semasa Belanjawan 2016 dibentangkan. Mengapa tiba-tiba kita ada permintaan ataupun sesuatu yang tidak disebut dalam perbelanjaan tahun 2016 ketika itu? Adakah ini terlepas pandang atau adakah ini kos tambahan untuk menyelesaikan, bermaksud bacaan peruntukan awal telah melebihi daripada kos sebenar.

Jadi ini adalah dua perincian yang saya perlukan jawapan yang bernas daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Samarahan.

3.26 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin hendak menyokong peruntukan tambahan bagi Kementerian Kerja Raya pada petang yang berbahagia ini.

Saya merujuk kepada Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan (II) di Sarawak, tambahan berjumlah RM24.5 juta. Di sini saya ingin nak menarik perhatian, tambahan ini memang diperlukan memandangkan komitmen dan tanggungjawab pihak kementerian dalam memastikan prasarana ataupun infrastruktur khususnya jalan dapat disediakan sebaik mungkin kepada rakyat ataupun masyarakat di seluruh Malaysia.

Namun begitu, saya ingin nak menarik perhatian pihak kementerian untuk lebih serius untuk menyelenggarakan jalan-jalan Persekutuan di negeri Sarawak terutamanya di kawasan saya. Saya dah bangkitkan perkara ini banyak kali iaitu Jalan Datuk Mohammad Musa yang merupakan satu-satunya Jalan Persekutuan yang terdapat di Parlimen saya.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, Jalan Datuk Mohammad Musa ini merupakan jalan yang mana kuantiti penggunaannya makin hari makin meningkat. Malah menurut laporan pada

Januari 2017 yang lepas dari Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah mengenal pasti Jalan Datuk Mohammad Musa, Kota Samarahan mencapai angka kemalangan maut tertinggi di Sarawak.

Oleh itu saya ingin memohon kerjasama pihak kementerian untuk menilai dan mengambil tindakan yang serius untuk menaik taraf jalan ini. Satu lagi, selain peningkatan dari sudut penggunaan, penyelenggaraan Jalan Datuk Mohammad Musa ini amat diperlukan memandangkan di sepanjang Jalan Datuk Mohammad Musa ini banyak kalvet yang masih kecil yang dibina pada tahun 70-an ataupun tahun 80-an yang lepas yang mana telah menyebabkan banjir kilat berlaku di bandar Kota Samarahan.

Jadi saya ingin menarik perhatian pihak kementerian dan saya dah dimaklumkan, pihak kementerian telah mempunyai cadangan untuk menaik taraf Jalan Datuk Mohammad Musa dengan memperkemaskan lagi dengan lorong motosikal. Jadi saya amat berharaplah pihak kementerian dapat mempercepatkan penaiktarafan jalan ini. Semoga dengan penaiktarafan jalan ini, keselesaan dan kesejahteraan pengguna-pengguna jalan khususnya di Kota Samarahan terus terjamin.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Jalan Kota sama? Jalan Datuk...

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Jalan Datuk Mohammad Musa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada jalan di kawasan saya Yang Berhormat, jalan Paitan ke Kanibongan yang di bawah konsesi baik pulih tetapi sekarang di luar skop konsesi yang saya rasa perlu peruntukan tambahan untuk di *rehabilitate*. Saya difahamkan yang dulu jalan berturap, kini sebahagian daripada jalan itu sudah menjadi jalan *gravel*, berbatu. Mungkin keadaannya sama dengan Jalan Datuk Mohammad Musa Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Dimasukkan sebagai ucapan. *[Ketawa]*

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Masukkan sekali dalam ucapan saya ya sebab kita ini Sabah dan Sarawak memang masih banyak memerlukan usaha-usaha penaiktarafan dan juga pembinaan jalan-jalan baru.

Satu lagi isu untuk menaik taraf jalan ini memandangkan kuantiti penggunaan jalan terlampau tinggi, kita juga memerlukan penaiktarafan bulatan G3 untuk ditukarkan kepada *traffic light* ataupun *flyover*.

■1530

Ini memandangkan selalu berlaku *jammed* kesesakan jalan raya tidak kira hari sekarang. Kita mohon pihak kementerian dapat melihat dan mempertimbangkan perkara ini. Tuan Pengerusi, saya menyokong tambahan bajet ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya terima kasih kerana tumpangkan jalan, masalah jalan saya Yang Berhormat. Yang Berhormat Seremban.

3.30 ptg.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak merujuk kepada Butiran projek 610000 - Naik Taraf Jalan-jalan Projek Baru, peruntukan tambahan sebanyak RM83,532,000 untuk menaiktaraf jalan-jalan di negeri Pulau Pinang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan.

Saya hendak tanya khususnya di Negeri Sembilan. Apakah jalan-jalan yang dimaksudkan untuk dinaiktaraf dalam peruntukan ini? Saya meminta pihak Kementerian Kerja Raya untuk memberikan keutamaan kepada dua batang jalan di kawasan Parlimen Seremban yang menghadapi kerosakan yang teruk iaitu yang pertamanya Jalan Seremban ke Kuala Kelawang terutamanya di jajaran daripada Seremban ke Pantai. Di mana setiap kali hujan lebat, jalan itu akan bertakung air dan ini amat membahayakan para pengguna jalan raya.

Kedua ialah Jalan Seremban ke Mantin. Jalan Seremban ke Mantin ini juga merupakan satu jalan persekutuan yang utama, merupakan alternatif dari Seremban ke Kuala Lumpur. Di sepanjang jalan itu setiap kali ada kerosakan, hanya ditampal-tampal. Ia tidak pernah dinaiktaraf. Saya memohon supaya keutamaan diberikan kepada menaiktarafkan Jalan Seremban ke Mantin ini.

Ketiga ialah Jalan Mantin, Batang Benak ke Nilai. Jalan ini juga merupakan jalan yang amat sibuk kerana ada beberapa kuari di sana dan merupakan satu kawasan yang utama untuk Kawasan Perindustrian Nilai. Saya pohon juga jalan ini diberikan keutamaan untuk dinaiktarafkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

3.32 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 61000 - Naik Taraf Jalan dan Projek-projek Baru. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tambahan sebanyak RM7 juta untuk pakej 1B Naik Taraf Jalan Muar - Tangkak - Segamat. Adakah ia termasuk dalam perbelanjaan luar jangka ini berkaitan dengan PBT ataupun berkaitan dengan penyelenggaraan jalan yang sedia ada.

Kemudian untuk naik taraf Jalan FR12 Gambang ke Segamat RM25 juta tambahan ini. Adakah tambahan ini adalah berkaitan juga dengan penyelenggaraan atau ada penambahan baru berkaitan dengan projek Jalan Gambang ke Segamat ini.

Untuk Butiran 00700 dan juga 60000 - Pembinaan Lain-lain Jalan dan juga Naik Taraf Jalan Raya Lama. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian status naik taraf Jalan Air Hitam - Segamat katanya hendak dilaksanakan pada tahun 2016 tetapi sudah masuk tahun 2017. Bilakah cadangan pelaksanaan ini akan dibuat?

Terakhir Tuan Pengerusi, 90000 - Lain-lain Pembinaan. Mohon jasa baik daripada pihak kementerian untuk melihat baik pulih Jalan FELDA Redong - Selancar yang telah terputus pada hujung tahun 2016 akibat kejadian banjir yang lepas. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berhormat Bukit Katil?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bukit Gantang. Selepas itu Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang. Tidak mengapa, selepas Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Parking* dahulu.

3.34 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bincang berkenaan dengan P.27 butiran 81000 iaitu berkenaan dengan naik taraf jalan raya.

Tadi kita dengar semua wakil sama ada daripada Sabah dan juga daripada Sarawak bercakap tentang berkenaan dengan kualiti pembinaan jalan raya. Sebenarnya ia bukan sahaja berlaku di Sabah Sarawak malahan juga berlaku di Semenanjung. Termasuklah juga di tempat saya iaitu jalan daripada keluar tol Changkat Jering sehinggalah ke sempadan Beruas, jalannya cukup teruk dan kalau dibuat untuk dibaik pulih pun hanyalah ditampal-tampal sahaja. Banyak berlaku kemalangan motor terutamanya kerana jalan yang berlopak itu menyebabkan merbahaya kepada penunggang-penunggang motosikal.

Kedua, begitu juga jalan daripada simpang untuk menuju ke pekan Kuala Sepetang. Sedangkan itu merupakan tempat laluan pelancong setiap minggu tidak kurang 2,000 orang ke 3,000 orang pelancong dan bas yang datang ke situ tetapi jalannya amat menyedihkan. Kita tengok jalan berlopak. Saya sudah bangkitkan perkara ini dahulu iaitu berkenaan dengan struktur pembinaan jalan di tempat itu agak rendah. Kalau hujan sedikit air melimpah, air daripada sungai di situ melimpah ke jalan untuk hendak menuju ke pekan Kuala Sepetang.

Jadi saya mengharapkan supaya pihak kementerian dapat mengambil perhatian di dalam perkara ini. Saya pun timbul kemusykilan, adakah kerana kualiti pembinaan jalan kita hari ini berlaku agak rendah terutama apabila jalan-jalan ini diswastakan untuk soal *maintenance*. Ini satu persoalan yang timbul keraguan. Sedangkan waktu JKR dahulu agak baik, tidak timbul seperti mana kualiti macam ini.

Kita tahu kontraktor jalan raya ini antara kontraktor yang kaya pada kita. Kalau mereka ikut *spec* itu pun, keuntungannya 100 peratus. Kalau dia tipu sedikit satu inci pun dia sudah untung lagi 130 peratus. Jadi sebab itu kita harapkan supaya dalam soal kita memberikan kepada konsortium dan sebagainya, kita mengharapkan supaya pihak kementerian dan juga JKR supaya dapat meneliti hendak memberikan kelulusan kepada mereka ini sama ada duit itu boleh bagi atau tidak kepada kontrak yang menjalankan itu ada atau tidak mengikut *spec* yang telah ditentukan oleh pihak JKR. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

3.37 ptg.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran projek 21000 - Membina Persimpangan Bertingkat (projek baru). Ini berkaitan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM14,732,000 berkaitan dengan menaik taraf Jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka Fasa 1.

Saya ingin tanya kepada kementerian, kalau mengikut Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk tahun 2011 hingga 2015, projek ini telah pun diumumkan dengan kos projek lebih kurang RM338 juta. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah tahap peringkat pada tahap ini, berapa peratus kah projek ini telah pun siap dan bilakah akan disempurnakan sepenuhnya? Adakah permintaan peruntukan tambahan ini sebahagian daripada pakej pengumuman kerajaan RM338 juta ataupun ini adalah tambahan daripada jumlah tersebut?

Saya ingin mengajak kementerian untuk mengambil perhatian dalam isu ini kerana mengikut apa yang telah diumumkan, projek ini diharapkan dapat memberikan kelegaan kepada kesesakan jalan raya. Jadi ia boleh dianggap sebagai satu kaedah untuk penyuraian trafik yang untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, negeri Melaka ini terutama di kawasan saya ini jadi laluan daripada Tol Ayer Keroh sehinggalah ke Bandar Melaka terutama di hujung minggu. Ia memberikan sedikit, bukan sedikit lah banyak masalah kepada penduduk setempat. Oleh sebab itu kita desak supaya projek ini disegerakan. Saya tengok ada permintaan tambahan lagi. Jadi saya ingin tahu apakah perinciannya.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa daripada Ayer Keroh ke Bandar Melaka ini ia akan melalui beberapa tempat yang mana projek ini memberikan kesan kepada ekosistem di kawasan itu. Misalnya saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini beberapa buah rumah itu mengalami masalah keretakan dari segi struktur dan menyebabkan mereka yang telah lama duduk di situ terpaksa mencari rumah yang baru. Apabila itu yang berlaku, apabila dimajukan kepada kementerian khususnya Jabatan Kerja Raya di peringkat negeri terutamanya untuk kos pembinaan semula rumah yang retak dan sebagainya, itu nampaknya seolah-olah kementerian tidak punya kemampuan kewangan.

■1540

Jadi saya ingin tanya, adakah dengan peruntukan ini boleh membantu mendanai mereka-mereka yang berhadapan dengan masalah, tidak banyak mungkin dalam sepuluh rumah dan pada saya *reasonable request* dengan izin, daripada mereka. Jadi saya harap kementerian boleh mengambil perhatian isu ini kerana saya telah bangkitkan dalam setiap sidang tentang hal ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

3.41 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan di Johor, Selangor, Negeri Sembilan. Di kawasan saya FT092 telah pun dibuat kajian keperluan. Terima kasih kepada kerajaan. Ini jalan utama daripada Bandar Pengerang ke Kota Tinggi tetapi jalan-

jalan lain juga terjejas sebab bila pertambahan pembangunan yang begitu pesat maka jalan-jalan masih bertaraf lama, bebanan *load transient* dan juga *local traffic* bertambah dan natijahnya berlaku banyak kemalangan disebabkan jalan-jalan pecah.

Jadi saya minta kementerian melihat, saya sudah mohon supaya nombor satunya *bypass* jambatan merentangi Sungai Johor di Kota Tinggi, untuk *bypass* itu di*upgrade* sebab itu sebagai tebatan banjir. Keduanya jalan FT099 yang mana itu laluan agregat utama pasir, agregat lori-lori ini Tuan Pengerusi 40 tan, 50 tan jadi memang pecah jalan itu. Kalau buat *maintenance* pun dia tidak tahan lama, jadi mesti ada pemantauan sebab kadar kemalangan pun meningkat dengan pesat. FT212 dan FT213 ialah Jalan Persekutuan yang mana disebabkan pertambahan trafik dan juga pembangunan yang begitu pesat menyebabkan berlakunya jalan yang pecah dan kemalangan yang bertambah. Jadi saya minta kementerian tengok FT092, FT099, FT212 dan FT213 terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja. Bolehlah tiga orang ini kita habiskan, kita singkat nanti pukul 4.00 boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.42 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 6000 dan Butiran 61000. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang naik taraf jalan, Jalan Bukit Kemuning FT190. Sejak 2008 sebenarnya saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali dan saya ingat dalam sesi yang lepas ada Yang Berhormat Menteri bercakap akan mengkaji.

Akan tetapi sebenarnya saya dapat maklumat bahawa jalan ini memang sudah diluluskan untuk naik taraf daripada RMKe-9 tetapi selepas 2008 oleh kerana mungkin Selangor sudah jatuh kepada Pakatan maka projek ini tidak diteruskan. Jalan ini sebenarnya adalah jalan yang sangat sibuk kerana kita mempunyai kilang-kilang industri di sekelilingnya dan dia mempunyai satu jalan yang besar.

Jadi begitu juga dia punya orang kata *maintenancenya* atau penyelenggaraannya tampal sana tampal sini kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada masa sila turun tengok. Kedua-dua bahu jalannya sangat teruk, lebih rendah daripada permukaan jalan dan senang motor untuk gelincir dan jatuh. Jadi saya merayu sangatlah sudah lama sangat, ukuran sudah dibuat, katanya semua sudah, malah bangunan-bangunan baru yang dibina yang mendapat kelulusan daripada pihak PBT semuanya sudah dibina jauh daripada jalan yang lama kerana menunjukkan sudah ada sempadan tanah untuk dibuat jalan itu.

Cuma pihak kementerian masih lagi tidak memberi satu harapanlah kepada Kota Raja untuk menaikkan taraf jalan itu. Saya harap dalam bajet tahun ini, ini sudah lepas. Maknanya dalam bajet tahun ini jalan ini akan dimasukkan di dalam bajet JKR nanti, *insya-Allah*. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

3.44 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 00700 dan Butiran 60000 berkenaan dengan pembinaan lain-lain jalan persekutuan dan jambatan, naik taraf jalan raya dan laluan. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Jalan Persekutuan arah Kuala Lumpur ke Klang di Persimpangan Sunway. Sebenarnya ia terletak di sebelah Kelana Jaya juga, di mana setiap kali hujan lebat, jalan ini mesti banjir kilat. Kalau berlaku banjir kilat mesti *jammed*, kesesakan amat teruk sekali.

So, saya haraplah di mana perkara ini sudah berlaku banyak kali sudah berapa tahun tidak selesai. Saya mintalah Kementerian Kerja Raya supaya bagi keutamaan untuk menyelesaikan masalah banjir di Jalan Persekutuan *Federal Highway* dari arah Kuala Lumpur ke Klang di Persimpangan Sunway dan juga Persimpangan Sunway juga, sekarang saya nampak ada satu projek Icon City dan dia boleh bina satu *flyover* daripada *Federal Highway* terus ke Icon City.

Selepas pembinaan *flyover* ini, sekarang *Federal Highway* Jalan Persekutuan ini tidak ada lorong kecemasan. Sebelum itu ada lorong kecemasan kesesakan lalu lintas berlaku setiap hari. Sekarang selepas pembinaan *flyover* daripada Jalan Persekutuan terus ke Icon City nampaknya hanya tinggal tiga *lane* sahaja. Tidak ada satu lorong kecemasan. Saya pun tidak tahu mengapa LLM boleh meluluskan projek sebegini. Saya rasa perkara ini perlu selesai. Saya hendak jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ketiga, akhir sekali tentang saya dapat *complaint*, aduan daripada penduduk di Seksyen 8 di sebelah *Federal Highway* di antara Persimpangan Jalan Utara ke Persimpangan Jalan Templer dari arah Kuala Lumpur ke Klang. Di mana penduduk mengadu setiap malam mereka mendengar bunyi yang sangat bising daripada jalan sebab sekarang ini macam ini malam pun banyak kenderaan dan bunyi yang dikeluarkan oleh kereta ini mereka tidak boleh tahan, tidak boleh tidur.

So, mereka minta supaya Kementerian Kerja Raya boleh membuat satu tembok *sound barrier*, tembok untuk mengurangkan bunyi kenderaan itu. Saya harap Kementerian Kerja Raya bagi keutamaan kerana dahulu *Federal Highway* tidak banyak kereta terutama malam tetapi sekarang malamnya, setiap malam *Federal Highway* memang mempunyai banyak kenderaan dan dia menghasilkan bunyi yang sangat-sangat tidak menyenangkan untuk penduduk Seksyen 8. So, saya harap perkara ini diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat, kemudian Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.47 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Butiran 60000 – Naik Taraf

Jalan Raya, Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan Projek Baru dan 81000 – Membina Jalan-jalan Projek Baru yang disebut dua kali di dalam senarai ini tetapi warannya, waran 25 dan waran 33.

Jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan kenapa ada perbezaan antara dua itu walaupun saya merujuk balik kepada catatan yang lengkap berbeza negeri tetapi kenapa dia ada dua kali. Adakah kerana pembayaran yang tidak sama ataupun penerimaan kepada kementerian tidak sama. Kedua, saya setujuah kualiti jalan bukan sahaja di Sabah, Bukit Gantang tadi, di Hulu Langat pun sama. Jadi saya mintalah JKR sama ada melihat dan membaiki balik jalan yang cepat rosak walaupun baru diturap iaitu antara Batu 9 ke Sungai Serai, Jalan Hulu Langat sebab jalan itu jalan merupakan jalan untuk pelancong-pelancong tetapi keadaannya teruk kerana cepat rosak. Itulah sahaja sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.49 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Menyentuh Butiran 00700, Butiran 60000, Butiran 61000, Butiran 80000 dan Butiran 81000 yang melibatkan Jalan Persekutuan. Saya ingin penjelasan berapa jumlah naik taraf jalan di seluruh negeri Kelantan untuk tahun 2016 dan juga tahun 2017. Khususnya saya ingin tahu berapakah jumlah naik taraf jalan terutama dalam Parlimen Rantau Panjang.

Saya ingin merayu kepada pihak kementerian khususnya di Jalan Utama daripada Pasir Mas ke Rantau Panjang menuju ke pintu masuk di Sungai Golok. Jalan ini adalah jalan utama dan menjadi laluan antarabangsa untuk menuju ke negara Thailand terutama bagi pelancong-pelancong. Ini adalah amat tidak selesa dengan keadaan yang sempit dan juga keadaan lampu yang terutama di waktu malam yang gelap dan baru dua hari lepas berlaku kemalangan maut malah kemalangan maut hampir setiap minggu berlaku.

■1550

Saya minta dan rayu supaya dalam peruntukan yang ada dalam masa terdekat ini disegerakan untuk pencerahan jalan daripada Pasir Mas ke pintu imigresen Rantau Panjang, untuk memastikan terutama keselamatan jalan raya bagi pengguna-pengguna yang melibatkan dua negara. Jadi saya harap perkara ini diambil perhatian sungguh-sungguh oleh pihak kerajaan.

Saya ingin tahu juga ialah tentang janji pihak Menteri untuk menaik taraf Jambatan Muhibah yang menghubungkan antara Rantau Panjang dan Sungai Golok, merentasi Sungai Golok ke Pekan Golok yang mana jambatan itu sudah lama dan sangat sempit terutama di musim perayaan dan musim cuti umum. Jadi saya harap, minta penjelasan bilakah pembinaan jambatan muhibah ini akan dilaksanakan dan berapa kos anggaran kos yang bakal akan dibuat dan bila perkara ini dijangka siap.

Saya ingin penjelasan juga ialah tentang naik taraf jalan terutama jalan yang rosak akibat banjir. Sebagaimana yang dimaklumkan seluruh parlimen saya adalah kawasan yang terdedah dengan banjir. Jadi setiap tahun jalan-jalan sama ada Jalan Persekutuan ataupun jalan negeri terlibat dengan keadaan yang membawa kerosakan kepada jalan akibat daripada

banjir. Ini menjadi masalah terutama kepada pelajar-pelajar, kepada kakitangan kerajaan dan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Jadi saya ingin tahu berapakah kos yang akan untuk baik pulih jalan-jalan yang rosak dalam Parlimen saya dan bilakah perkara ini akan diselesaikan dengan segera? Jadi kita tidak mahu menyebabkan kemalangan yang membawa masalah kepada penduduk.

Jadi akhir sekali saya ingin minta supaya disegerakan terutama sekali pembaikan yang telah dijanjikan oleh pihak kementerian sebelum ini. Jadi saya harap supaya rakyat tidak tertunggu-tunggu, menunggu bilakah lagi perkara ini akan dilaksanakan. Jadi saya harap perkara ini diambil tindakan segera oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga saya ucapkan kepada 21 orang Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan di atas Akta Perbekalan Tambahan (2016) 2017 kepada Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya. *Insyah-Allah* segala pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat kami hargai dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kementerian dan saya mohon izin untuk menjawab perbincangan yang menyentuh butiran sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian hanya terlibat untuk Kepala Pembangunan P.27 sahaja yang tidak melibatkan belanja mengurus seperti penyelenggaraan jalan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan ini bukan untuk projek baharu, tetapi bagi membuat bayaran kemajuan projek komited yang sedang dalam pembinaan pada tahun 2016 dan ia telah dibelanjakan. Peruntukan tambahan ini juga merupakan kaedah yang diamalkan kerajaan dalam menguruskan aliran tunai atau *cash flow management* dengan izin, dalam projek pembangunan yang mana kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan wang rakyat dibelanjakan dengan optimum.

Di samping itu Tuan Pengerusi, ini juga menunjukkan kerancakan dan juga bertujuan untuk meneruskan momentum industri pembinaan supaya tidak merencatkan pelaksanaan projek pembangunan pada tahun 2016 dan untuk ini kerajaan komited untuk memastikan pelaksanaan projek pembangunan dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan seterusnya rakyat dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Beruas telah membangkitkan mengenai penyelenggaraan jalan, saya suka untuk nyatakan di sini butiran pada hari ini tidak berkaitan dengan tambahan, tidak berkaitan dengan penyelenggaraan di mana peruntukkan penyelenggaraan adalah di bawah belanja mengurus Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Ya, silakan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal penyelenggaraan itu saya faham, tetapi baru-baru ini penyelenggaraan di tempat yang saya katakan tadi tu baru siap tetapi masih lagi belum diperbaiki. Itu soalan yang saya angkat tadi, atau yang *flyover* Dato' Menteri pun tahu tempat ini.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Yang Berhormat Putatan, setahu saya dia memang cepat orangnya. Jadi saya baru hendak menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan mengenai kerosakan jalan yang di luar jangkaan bagi jalan yang baru dibina yang telah dinyatakan dan juga isu pemendapan di depan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Untuk makluman Yang Berhormat..

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Izinkan saya menjawab dahulu selepas itu Yang Berhormat Beruas ya. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa prihatin ke atas pandangan Ahli Yang Berhormat. Pembinaan jalan dilaksanakan selalunya mengikut reka bentuk yang telah ditetapkan berdasarkan spesifikasi dan *sole investigation* dengan izin, di tapak. Kementerian akan menyemak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan sudah tentu bersama-sama dengan JKR Sabah akan memaklumkan Ahli Yang Berhormat secara bertulis mengenai *progress* perkara tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dapat penjelasan. Tadi saya bangkitkan isu sampai hari ini pihak Kerajaan Negeri Perak belum dapat apa-apa lagi jawapan tentang peruntukan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan di negeri Perak. Jadi, hendak tanya kenapa sungguhpun jumlah yang diperlukan seperti tahun 2016, RM132 juta hanya RM16 juta sahaja yang diluluskan, lebih 10 peratus lebih sahaja. Atau ini adakah tidak ada peruntukan— mesti ada peruntukan dalam Bajet 2017 untuk negeri Perak. Bolehkan saya dapat jumlah itu?

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan, perbekalan tambahan kali ini tidak melibatkan penyelenggaraan jalan. Namun Yang Berhormat, tidak bermakna kita tidak mengambil maklum mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Izinkan saya untuk merujuk perkara ini dan memberikan jawapan secara bertulis. Memandangkan isu tersebut Yang Berhormat, tidak berkaitan dengan butiran yang kita bincangkan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Parit Sulong, telah membangkitkan mengenai peruntukkan tambahan di bawah Butiran 61000 dan 81000 bagi negeri Johor. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk negeri Johor, perbelanjaan perbekalan tambahan pada kali ini adalah untuk menampung pembayaran dalam pelaksanaan kemajuan kerja-kerja projek termasuklah projek naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang dan FT092 dari Bandar Penawar ke Sungai Rengit dan juga naik taraf

jalan Muar ke Tangkak dan seterusnya ke Segamat yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sekijang tadi.

Yang Berhormat Parit Sulong juga memohon maklumat peruntukan untuk daerah Batu Pahat, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek membina jejantas dan pembahagi jalan di Pekan Parit Sulong, Daerah Batu Pahat, Johor dengan kos keseluruhan sebanyak RM5.5 juta dan pada masa ini, projek tersebut masih dalam penilaian tender dan dijadualkan SST akan dikeluarkan pada bulan Mei 2017.

Yang Berhormat Parit Sulong juga membangkitkan mengenai perkara yang sama—minta maaf Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkan mengenai jalan di negeri Sabah yang mudah rosak sama ada, ada perbezaan dari segi standard dan kualiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dibina oleh JKR adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Kerosakan ini antara salah satu sebabnya Yang Berhormat, kerosakan juga berlaku di tempat-tempat lain, bukan sahaja di negeri Sabah. Salah satu punca yang dikenal pasti adalah kenderaan berat yang melalui jalan tersebut Yang Berhormat ya.

■1600

Di sini ingin saya nyatakan, kementerian sentiasa bekerjasama terutama sekali dengan pihak JPJ bagi memastikan had muatan jalan dapat dipatuhi. Seterusnya Yang Berhormat, di dalam pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo, beban gandar di jambatan juga diambil kira di dalam kita melaksanakan projek-projek baru, termasuklah Pan Borneo ini Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat daripada Limbang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan bangun.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Jadi, kalau spesifikasi yang mengikut keseluruhan di Malaysia yang untuk membina ini jalan raya, mengapa Sabah punya BTN baru boleh bertahan muatan 38 tapi di sini di seluruh Semenanjung sini sekarang sampai 75? Jadi, kenapa ia punya perbezaan begitu jauh, yang Sabah terhad untuk jalan raya, baru boleh tahan ia punya muatan begitu rendah, baru yang spesifikasi sama. Ini kita tidak faham lah.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, perkara ini dikaji. Sebenarnya dalam proses penyelarasan, supaya tidak ada perbezaan dari segi gandar dan sebagainya. Oleh kerana beban kepada jalan-jalan ini boleh dikatakan hampir sama di seluruh negara dan itu telah dan sedang dilaksanakan. Perbincangan tersebut juga melibatkan agensi-agensi yang lain Yang Berhormat.

Perkara tersebut dikaji dan akan diambil tindakan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan mengenai jalan rosak dari pekan Limbang ke Bandar Seri Begawan, Brunei. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan tersebut telah diambil kira dalam pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo fasa 2 yang dijangka

dilaksanakan pada suku keempat tahun 2017. Pada ketika ini, jajaran sedang dimuktamadkan oleh *State Planning Authority* (SPA), dengan izin, negeri Sarawak. Yang Berhormat Limbang...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *Before you go to the next one* Menteri. Apa yang saya maksudkan itu ialah yang sekarang ini, hari itu peruntukan dua tahun lepas yang bernilai RM70 juta untuk menaik taraf jalan yang ada sekarang. Bukan yang LBU yang nak akan dibuat fasa ke-2, itu yang saya maksudkan Menteri, yang masanya, penaiktarafannya begitu lambat kerja-kerja itu.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Yang Berhormat, kita akan mendapat maklumat dan akan menyampaikan kepada Yang Berhormat dengan kadar yang segera. Yang Berhormat Limbang juga telah membangkitkan mengenai projek sakit ataupun terbengkalai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerja-kerja ataupun projek terbengkalai ini tertakluk kepada garis panduan penilaian tender dan garis panduan projek sakit. Sebenarnya Yang Berhormat, kementerian bersedia untuk turun padang bersama dengan Yang Berhormat untuk melihat projek-projek yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kita juga akan berbincang dengan Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai projek-projek yang telah disebutkan tadi.

Yang Berhormat Kuala Krai telah membangkitkan mengenai Jambatan Setelu yang telah runtuh. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Krai, kontrak bagi pembinaan jambatan kekal di Setelu telah bermula pada 16 Januari 2017 dengan kos sebanyak RM38.37 juta dan dijadualkan siap pada 15 Mac 2019. Kemajuan fizikal di tapak adalah sebanyak 5 peratus, namun projek ini tidak berkait rapat dengan penambahan bekalan ataupun perbincangan kita pada hari ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya telah...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Habis Kuala Krai tadi?

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sikit, minta tanya sikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun nampaknya peruntukan ini tidak termasuk dalam projek ini tapi tentulah ada keperluan sebab ini bukan persoalan susah nak berjalan, tidak boleh berjalan. *Communication-* bukan *communication breakdown*, masalah perhubungan dua kawasan yang besar, Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli. Jadi, kalau tidak di sini pun, dalam bab ini kalau ada peruntukan tambahan lain saya akan sokong. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Ahli Berhormat Kuala Krai, kita sebenarnya walaupun banyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berkait rapat dengan perbekalan tambahan kita pada kali ini, tidak bermakna kita tidak

mengambil maklum. Segala yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita ambil maklum dan pegawai-pegawai sebenarnya di belakang mencatat setiap butir daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk disusulkan dengan tindakan di peringkat kementerian. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kelana Jaya telah membangkitkan mengenai peruntukan tambahan di bawah butiran yang telah disebutkan bagi negeri Kelantan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, untuk negeri Kelantan sebanyak RM62.10 juta telah diperuntukkan bagi menampung pembayaran pengambilan balik tanah dan bayaran kemajuan projek-projek di bawah perbekalan tambahan ini. Projek-projek sambungan yang dilaksanakan di bawah di negeri Kelantan untuk tujuan ini adalah pertamanya, Jalan Pasir Mas *bypass* Kelantan untuk fasa 2 Yang Berhormat. Kedua adalah Jalan *Central Spine Road* iaitu membina Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 1B iaitu Pasir Hok ke Kadok, Kota Bharu dan Jalan *Central Spine*, membina lebuh raya baru ke Kota Bharu ke Kuala Krai, Pakej 2A, Kadok ke Ketereh, Kota Bharu, Kelantan, Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Kota Samarahan telah membangkitkan mengenai naik taraf beberapa kawasan di kawasan beliau, termasuklah Bulatan T3 dan juga Jalan Paitan. Kementerian sedia maklum Yang Berhormat ya dalam isu ini dan akan memberi perhatian kepada cadangan-cadangan Yang Berhormat. Sudah tentu perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Pengerusi sebentar tadi sebelum ini juga akan diteliti dan akan dipertimbangkan pelaksanaannya. Yang Berhormat Kota Samarahan juga membangkitkan mengenai pembetung kecil. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebanyak lima pembetung telah ditukar pada tahun- saya akan memberikan jawapan secara bertulis Yang Berhormat, saya pun tidak faham pegawai tulis apa. Akan tetapi *insya-Allah* saya akan memberikan jawapan secara bertulis Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Malaysia boleh.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Boleh, boleh Menteri.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak buat kerja rumah.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Sekurang-kurangnya kita kena mengakui, bukan macam sesetengah orang, sanggup berbohong untuk melindungi diri sendiri. Jadi, kita kena... [*Dewan riuh*] ...untuk persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Samarahan, kita akan memberikan jawapan secara bertulis. Sudah tentu apa yang dilakukan oleh pihak kementerian, pihak kementerian akan sentiasa menaik taraf pembetung dari semasa ke semasa mengikut keutamaan kawasan-kawasan yang terlibat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sekijang telah membangkitkan mengenai projek Muar ke Tangkak, seterusnya ke Segamat iaitu Pakej 1B. Terutama sekali, mengenai tambahan siling RM7 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambahan siling sebanyak RM7 juta, lebih melibatkan mengenai penutupan akaun projek, yang mana projek tersebut telah siap pada 30 Julai 2015, Yang Berhormat.

■1610

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan mengenai isu yang berbeza mengenai dua waran. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016, pihak kementerian telah menerima dua waran pendahuluan Simpanan Luar Jangka iaitu Bilangan 25 dan Bilangan 33 untuk tahun 2016. Bilangan 25 tahun 2016 adalah sebanyak RM225 juta dan Bilangan 33 tahun 2016 adalah sebanyak RM377.76 juta menjadikannya total sebanyak RM602 juta.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Katil telah membangkitkan mengenai naik taraf jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka dan bertanya adakah tambahan siling merupakan sebahagian kos projek ataupun tidak.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, siling tambahan sebanyak RM14.7 juta adalah termasuk dalam kos keseluruhan projek iaitu RM301.5 juta. Pertambahan siling sebanyak RM14.7 juta merupakan pembayaran interim bagi projek tersebut. Pada masa ini, kemajuan semasa projek adalah 36 peratus sebenar dan 35.8 peratus mengikut jadual. Jadi tidak begitu jauh perbezaan *progress* tersebut, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kapar telah membangkitkan mengenai Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan bertanya kenapa ia lewat dan bilakah projek keseluruhan siap.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tambahan peruntukan adalah menjurus kepada projek infrastruktur dan kemudahan awam bagi pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, PIPC di peringkat awal iaitu tahun 2013 melibatkan pengambilan tanah oleh pihak PETRONAS bagi pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang ini, Yang Berhormat ya.

Namun demikian, Kementerian Kerja Raya telah dipertanggungjawabkan untuk membina rangkaian jalan di dalam kompleks tersebut iaitu telah bermula seperti berikut:

Rangkaian Jalan	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Dijangka Siap
P1	1 Jun 2016	30 November 2018
P2	1 Ogos 2016	31 Januari 2019
P3	23 Februari 2017	23 Februari 2019
P4	14 November 2016	13 November 2018

Yang Berhormat Sekijang juga telah membangkitkan...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar bangun.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Silakan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya bahaskan sebentar tadi, saya telah mengatakan projek ini sepatutnya siap pada tahun 2016. Akan tetapi daripada penerangan dan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita dapati penyerahan tanah pun berlaku pada tahun 2016 dan awal Februari

2017. Mengapa kelewatan ini? Adakah kelewatan ini yang menyebabkan peruntukan tambahan? Itu soalan pertama saya.

Soalan yang kedua saya tadi yang belum dijawab adalah selain daripada ini, ada beberapa pihak juga telah melabur. Adakah pelaburan mereka tiada kena mengena dengan pembiayaan projek infrastruktur dan kemudahan awam? Itu yang kedua.

Yang ketiga adalah bilakah jangkaan projek ini siap secara menyeluruh dan boleh dibuka untuk beroperasi? Tiga soalan ini, Yang Berhormat. Terima kasih. Dan soalan saya mengenai Butiran 81000 pun belum dijawab lagi. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat di atas isu yang dibangkitkan. Untuk isu yang pertama, Yang Berhormat, kita akan berikan jawapan secara bertulis. Untuk isu yang kedua, Yang Berhormat, saya akan memberikan jawapan selepas ini. *It's here*, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta maaf, Yang Berhormat. Yang kedua itu maksud Timbalan Menteri ialah Butiran 81000?

Okey, berbalik kepada yang tiga soalan tadi yang Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu berikan saya jawapan secara bertulis. *With due respect*, saya salah seorang Ahli Parlimen yang telah menanya soalan secara terperinci untuk Butiran 00700 mengenai PIPC ini, Yang Berhormat. So saya meminta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan dalam Dewan. Kalau ini tiada kena mengena dengan butiran, saya boleh terima jawapan bertulis. Tetapi disebabkan ini *direct to the issue, direct to the specific* butiran, saya mohon jasa baik, kalau sebentar lagi pun tidak apa, tetapi jawapan mesti di dalam Dewan. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Okey, Yang Berhormat. Permintaan Yang Berhormat kita akan ambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang telah membangkitkan mengenai isu Jambatan Rantau Panjang seterusnya ke Pengkalan Kubor dan Tak-Bai. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, perancangan untuk pembinaan Jambatan di Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor hingga ke Tak-Bai sedang dijalankan. Menaik taraf jalan Pasir Mas ke Rantau Panjang juga di dalam peringkat perancangan.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan bahawa perkara ini juga tidak berkaitan dengan penambahan Perbekalan yang ada yang kita bincangkan pada hari ini. Akan tetapi, Yang Berhormat, seperti yang saya katakan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya perkara itu tidak berkait dengan Perbekalan Tambahan, kita akan berikan jawapan secara bertulis.

Menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan terutama sekali yang menjurus kepada perbezaan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ingin membuat penjelasan sedikit. Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap keperluan terutama keperluan jalan dan jambatan. Apa yang saya harapkan ialah supaya dalam perancangan untuk tahun 2017 ini, disegerakan perkara-perkara yang sangat penting terutama dari sudut naik taraf jalan dan pencerahan jalan yang membawa kepada kemalangan maut yang sering berlaku hampir setiap minggu terutama Jalan Pasir Mas ke pintu masuk Sungai Golok kerana jalannya terlalu gelap dan jalannya suasananya agak tidak selamat. Minta supaya perkara ini diambil perhatian untuk tahun 2017.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas perkara yang dibangkitkan. Kita akan ambil maklum dan akan ambil tindakan seterusnya, Yang Berhormat ya.

Yang Berhormat Seremban telah membangkitkan mengenai projek yang di bawah perbekalan tambahan. Saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, untuk Negeri Sembilan, projek menaik taraf jalan utama Bandar Sri Sendayan dan Enstek ke KLIA yang melibatkan Bandar Enstek dan Bandar Sri Sendayan. Untuk pengetahuan, pembayaran interim dan PBT telah dibayar untuk tujuan ini, Yang Berhormat. Jadi hanya satu sahaja projek. Seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai sama ada Negeri Sembilan terlibat dalam Perbekalan Tambahan, jawapan saya seperti yang saya katakan, projek menaik taraf jalan utama Bandar Sri Sendayan dan Enstek ke KLIA, Yang Berhormat ya.

Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkitkan mengenai had berat dan saya ingin juga menyatakan di sini bahawa had berat muatan jalan-jalan di Sabah boleh sebenarnya dinaikkan daripada *list* dua yang hanya menetapkan 38 tan kepada *list* satu kepada 44 tan apabila jambatan yang telah dikenal pasti diganti. Sebahagian penggantian jambatan telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Parit, telah membangkitkan mengenai beberapa jalan termasuklah jalan di daerah Perak Tengah.

■1620

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2016 sebanyak RM1.5 juta telah di belanjakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan selepas banjir di bawah peruntukan. Manakala RM1.73 juta telah dibelanjakan di bawah peruntukan B.27 bagi penyelenggaraan rutin untuk tahun 2016. Manakala tahun 2017, penyelenggaraan rutin adalah sebanyak RM2.2 juta Yang Berhormat dan untuk pengetahuan Yang Berhormat perkara ini juga tidak berkaitan dengan perbelanjaan tambahan kita pada hari ini. Yang Berhormat, saya mohon izin untuk menjawab persoalan yang di bangkitkan oleh ahli Yang Berhormat secara bertulis sekiranya tidak di sentuh melalui jawapan saya dan *insya-Allah* segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri? Mana Kapar punya? Beberapa kali Yang Berhormat Timbalan Menteri telah ulang ini bukan spesifik.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Saya mohon izin untuk memberikan jawapan secara bertulis Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Walaupun jawapan secara spesifik? Mengenai PNPB?

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Saya akan memberikan jawapan secara bertulis secara *detail* Yang Berhormat ya? Mohon izin Tuan Pengerusi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana faham bila saya tengok Yang Berhormat Menteri.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM602,760,844 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM602,760,844 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

**Maksud B.28 [Jadual] -
Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jelutong, kawan lama saya. Ya sila.

4.22 ptg.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kalau kawan lama, tetapi sudah tidak teringat namanya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah lama tidak minum teh bersama.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang Butiran 080000 di bawah bahagian 080300 iaitu mengenai Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar dan Sewaan Pajak Pesawat (RAS) telah di maklumkan bahawa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah meluluskan satu lagi lanjutan kepada MASwings sebagai monopoli untuk perkhidmatan RAS ini sepanjang tujuh tahun tambahan dan ia hanya akan berakhir pada tahun 2024. Jadi saya ingin hendak tanya, kalau dalam peraturan perkhidmatan RAS yang telah diberikan kepada MASwings itu ia meliputi satu subsidi sebanyak RM100,90 juta setiap tahun. Jadi, kenapa pula peruntukan sebanyak RM20 juta itu diberikan kepada di atas tajuk Subsidi Perkhidmatan Udara Luar Bandar dan Sewaan Pajak Pesawat (RAS). Bukankah itu sesuatu yang bertindih.

Tuan Pengerusi, saya ingin tanya juga sama ada *the final documents* di bawah RAS itu yang telah di ambil alih oleh MAVCOM daripada Kementerian Pengangkutan ia akan di siap dan akan di terbitkan pada tahun ini juga. Ini kerana apa yang kita tahu ialah kontrak yang

sebenarnya untuk perkhidmatan RAS yang diberikan kepada MASwings itu apabila AirAsia terbungkus semasa memberikan perkhidmatan di Sabah dan di Sarawak itu adalah kontrak yang pertama ialah 10 tahun dan ia dijangka akan berakhir pada bulan September pada tahun ini juga. Jadi, kenapakah pembidaan terbuka *the open bidding and also competitive bidding* tidak di jalankan walaupun kita mempunyai peluang untuk menilai semula perkhidmatan MASwings dan sebagainya.

Jadi, itu ialah soalan saya yang pertama dan ingin juga saya hendak tanya sama ada di bawah peraturan lanjutan tempoh RAS yang diberikan kepada MASwings itu selama tujuh tahun yang tambahan itu sekarang di dapati perkhidmatannya ditanggung dengan menggunakan 16 pesawat *turboprop* dan ia menerbangkan ke 49 destinasi pedalaman di menerusi sepuluh *airports* dan juga sepuluh *airfields* di Sabah dan Sarawak sama ada bilangan pesawat itu akan di kurangkan daripada 16 sehingga 14 seperti mana yang dilaporkan *The Age Weekly* pada minggu ini.

Tuan Pengerusi, soalan saya yang kedua ialah mengenai Butiran 060000 di bawah 060400 iaitu berkenaan dengan Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Akhir-akhir ini kita lihat begitu banyak sekali kemalangan jalan raya melibatkan bas jarak jauh. Jadi, kalaulah menerusi tambahan peruntukan ini untuk tajuk di bawah Pengujian dan Pelesenan Pemandu. Apakah jaminan daripada kementerian supaya pemantauan dan juga penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu bas jarak jauh ini akan bertambah baik supaya kemalangan yang melibatkan banyak korban nyawa itu dapat di kurangkan. Adakah kita akan mengambil kita hidupkan semula *the merit system* bagi mana-mana pemandu yang melanggar undang-undang dan menyebabkan korban nyawa yang begitu besar itu akan dikenakan penalti yang sewajar.

Bahagian yang ketiga Tuan Pengerusi, ialah mengenai Butiran 050000 di bawah 050200 iaitu mengenai Peruntukan di bawah Wilayah Satu Subang ini ialah satu jenis peruntukan untuk perkhidmatan dan bekalan saya minta perincian dapat diberikan mengenai perbelanjaan tambahan ini. Sekian Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Dungun. Berapa yang berminat ya Yang Berhormat? Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Bandar Kuching dan lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

4.28 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, mengizinkan saya untuk mengambil bahagian bahawa maksud B.28 Kementerian Pengangkutan. Secara khususnya saya ingin untuk mengambil perkara yang berkait dengan butiran di bawah Ibu Pejabat 050100 di bawah 40000 pemberian berkenaan tetap dengan jumlah RM78,366,000 berkaitan dengan misi *Search And Rescue (SAR)* MH370. Saya ingin mendapatkan maklumat adakah dua negara yang terlibat dalam misi pencarian ini iaitu Australia dan juga China yang kita sangat berterima kasih kerana bantuan yang di hulurkan dan diberikan dalam misi pencarian ini. Adakah beberapa bayaran daripada tuntutan yang di buat

termasuk juga daripada jumlah RM78,366,000 ini dituntut oleh mereka ke dalam usaha pencarian ini.

Kedua, adakah apa-apa sumbangan kepada kaum keluarga daripada mangsa-mangsa yang terlibat daripada kehilangan pesawat MH370 ini adakah apa-apa sumbangan juga diberikan kepada mereka?

■1630

Ketiga ialah berkaitan dengan hukum yang perlu ada juga kita di pihak Kementerian Pengangkutan mesti lihat. Saya merujuk kerana kalau kita melihat kepada hukum-hukum yang dalam ajaran Islam, ketika membicarakan barang-barang hilang ada hukumnya. Ketika membicarakan binatang ternakan yang hilang atau sekarang kalau kita nisbahkan kenderaan yang hilang, ada hukumnya. Kalau kita membicarakan anak-anak yang dibuang, itu juga ada hukumnya. Orang-orang yang hilang itu juga ada hukumnya di dalam ajaran Islam yang disebut dengan *huqmul mafqud*, orang-orang yang hilang ada tempoh masa yang diberi setelah usaha-usaha pencarian dilakukan dan kalau tidak ditemui maka perlu ada fatwa yang mesti dikeluarkan kerana melibatkan hukum-hukum pusaka dan lain-lain dalam ajaran Islam. Jadi saya pohon pihak kementerian untuk melihat kepada hukum ini berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak yang berwajib dan pihak yang berkenaan.

Keempat, soalan saya ialah berkaitan dengan jumlah daripada RM137,343,466 juta bayaran yang dibuat itu ada dibayar kepada agen pemungut. Boleh nyatakan jumlah dan agen pemungut apakah yang dimaksudkan dari bayaran dari jumlah itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

4.32 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya kurang jelas mengenai Butiran 10000 iaitu perkhidmatan bantuan dengan 50,000 pengangkutan udara. Saya sudah baca tadi kata ada peruntukan untuk pencarian atau untuk mencari MH370. Akan tetapi saya minta penjelasan lebih lengkap lagilah apa dia maksud Butiran 10000 dan 50,000.

Then, Butiran 060400 saya hendak tanya adakah pihak kerajaan masih kena membayar ataupun memberi subsidi kepada sekolah-sekolah memandu ini? Ini kerana kalau kita tengok banding dengan dulu dengan sekarang, jauh pemandu atau orang yang hendak mengambil ujian itu kena bayar yurannya yang agak tinggi. Akan tetapi kalau kerajaan terpaksa bagi lagi tambah saya rasa agak beratlah beban yang ditanggung oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

4.33 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara mengenai subsidi yang dibayar untuk perkhidmatan udara luar bandar. Saya percaya subsidi ini kebanyakannya adalah untuk negeri Sarawak kerana keluasan Sarawak dan kawasan Sarawak dan juga kebanyakan luar bandar yang tidak dapat diakses dengan kereta. Saya ingin tahu jumlah berapa dalam tahun 2013 yang telah dibelanjakan untuk subsidi perkhidmatan udara luar bandar? Berapa bilangannya penumpang yang diberikan dibiayai oleh subsidi? Apakah puratanya, satu *figure* di mana berapa Ringgit Malaysia seorang penumpang untuk masa tahun 2016?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya juga hendak tanya satu soalan bahawa saya telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa kita dari Sarawak amatlah tidak berpuas tentang perkhidmatan MASwings iaitu pemungut utama untuk perkhidmatan udara luar bandar.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Bandar Kuching, belakang. Kuala Krai. Luar bandar juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching. Apakah kemungkinan maka perkhidmatan *Rural Air Services* ini perlu subsidi? Sama ada pertamanya kerana kurang penumpang yang tidak boleh menampung kos ataupun ketidakmampuan penduduk untuk menggunakan perkhidmatan ini kerana tambang yang mahal. Kalau kerana tambang yang mahal, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching sama ada sudah diusahakan saingan daripada perkhidmatan tambang murah yang boleh memberikan satu kemudahan tambang yang lebih munasabah supaya '*Now Everyone Can Fly*'. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya berpendapat bahawa oleh sebab bilangan penumpang yang tidak cukup oleh itu tambangnya amatlah mahal. *As far as I know*, AirAsia tak ada cadangan untuk hendak pergi ke kawasan macam Limbang atau Lawas untuk bersaing dengan MASwings. Akan tetapi isu pokoknya adalah kita di Sarawak tidak puas hati tentang *service* yang diberi oleh MASwings. Walaupun dengan subsidi yang begitu tinggi, walaupun ada subsidi yang diberi tetapi tambangnya masih mahal. Kadangkala kalau hendak pergi dari Miri ke Lawas tambangnya lebih mahal daripada tambang hendak pergi dari Kuching ke Miri. Jaraknya lebihnya jauh sehingga ada cadangan kerajaan negeri supaya hendak mengambil alih atau *take over* MASwings daripada MAS Airlines System.

Saya ingin tahu sama ada perbincangan untuk kerajaan negeri mengambil alih MASwings ini apakah statusnya. Selepas kalau, jikalau betul-betul Kerajaan Negeri Sarawak mengambil alih MASwings, sama ada Kerajaan Persekutuan masih akan memberi subsidi atas perkhidmatan udara luar bandar yang dijalankan oleh MASwings yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sarawak selepas itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Tuan Pengerusi...

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2016 di bawah B.28 yang menyentuh bidang tugas-tugas Kementerian Pengangkutan. Pertama apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Bandar Kuching mengenai *Rural Air Services*.

Buat masa ini kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sedang dalam membuat kajian atas perkhidmatan udara luar bandar ini yang dioperasikan oleh syarikat penerbangan MASwings di Sabah dan di Sarawak. Kajian tersebut akan mengkaji semula perkhidmatan-perkhidmatan ini secara holistik merangkumi objektif penerbangan *Rural Air Services*, kadar tambang yang dikenakan, pesawat yang hendak digunakan dan juga mekanisme pemberian subsidi kepada pengguna perkhidmatan ini. Untuk makluman Tuan Pengerusi, *Rural Air Services* ini satu perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mode pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar.

■1640

Untuk makluman, sebenarnya kalau tadi Yang Berhormat Kuching ada sebut memberikan peluang kepada AirAsia. AirAsia telah diberi peluang terlebih dahulu tetapi AirAsia pun rugi dan kerugian FAX di bawah AirAsia itu pun kerajaan menanggung bayaran untuk kerugian yang ditanggung oleh pihak AirAsia.

Seterusnya buat masa ini kerajaan belum mempunyai sebarang perancangan untuk melantik operator lain selain daripada MASwings bagi menjalankan operasi di Sabah dan Sarawak. Mengenai Yang Berhormat Jelutong yang membangkitkan pelanjutan tujuh tahun yang diputuskan oleh kerajaan, itu adalah berlandaskan perjanjian *Rural Air Services* atau RAS sedia ada.

Seterusnya mengenai JPJ Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu *Rural Air Services* bukan wujud tahun lalu sahaja. Dia telah wujud berpuluh-puluh tahun dan kenapa sampai masa ini baru hendak menjalankan satu *holistic study* tentang *Rural Air Services* di Sabah dan Sarawak? Saya fikir *Rural Air Services* ini sudah wujud 20-30 tahun sebelum ini. Apakah pelan yang telah dijalankan dan apakah itu— saya nampak itu alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

bahawa hendak menjalankan satu *holistic study* ini, *it's just an excuse. Excuse of your failure to provide a satisfactory Rural Air Services*. Apakah angka yang saya minta tadi berapa subsidi yang diberi oleh— beri atas seorang penumpang dalam tahun 2016?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada soalan yang berkaitan. Saya ada sebut tadi semasa ucapan saya bahawa saya tanya sama ada MAVCOM akan menerbitkan *the final draft of RAS* menjelang tahun ini. Kalau jawapannya ya betul akan diterbitkan, agak-agak bulan apa yang akan diterbitkan?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya hanya hendak memberi peringatan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa jawapan yang saya minta semenjak tahun lepas iaitu terhadap subsidi yang diberi di Sarawak masih belum saya terima iaitu jawapan bertulis yang telah pun dijanjikan kepada saya daripada Menteri Pengangkutan.

Selain itu saya juga masih belum mendapat penerangan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching di mana pernah Menteri Pengangkutan mengatakan bahawa subsidi telah pun diberi kepada perjalanan *rural route* yang tidak membawa keuntungan. Akan tetapi bagi *routes* yang membawa keuntungan iaitu contohnya Kuching ke Miri ataupun ke Sibulada tiada subsidi. Akan tetapi walaupun subsidi telah pun diberi kepada *route* yang tidak membawa keuntungan, kenapakah masih lagi *airfare* dari Kuching ke Miri begitu tinggi berbanding dengan AirAsia? Selain itu kita pun tahu bahawa jenis kapal terbang MASwings yang digunakan oleh MASwings memang *specifically designed for short route. So it should be more fuel efficient compare to AirAsia*. Jadi tidak berpatutanlah jika harga dia lebih mahal daripada AirAsia memandangkan bahawa *route* yang rugi telah pun *disubsidized*.

Jadi saya minta dua lah, satu *explanation* yang bagi soalan itu dan kedua jawapan bertulis terhadap *model subsidy* yang telah pun dijanjikan— yang bagi kepada saya semenjak tahun lepas. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching ini kerana MAVCOM baru mengambil alih tugas ini. Jadi oleh sebab tugas ini baru diambil alih oleh MAVCOM. Maka MAVCOM membuat kajian dalam perspektif ekonomi mereka. Jadi tidak timbul kenapa baru sekarang ini kerana MAVCOM baru ditubuhkan.

Untuk makluman peruntukan untuk keseluruhan *Rural Air Services* ini, keperluan untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM216,720,359 dan peruntukan tambahan yang diperlukan adalah RM61,720,400. Ini berdasarkan faktor-faktor seperti tambahan sewa pajak pesawat yang baru. Kita pihak MASwings ada sewa pajak yang baru. Seterusnya subsidi ini juga melibatkan apabila kos operasi *expenditure* RAS ini melebihi daripada pendapatan yang dikutip. Ini termasuk juga insentif sebagai galakan kepada MASwings untuk meningkatkan prestasi

operasi berdasarkan satu formula pembahagian di antara kerajaan dan MASwings dalam perjanjian RAS.

Berdasarkan perbelanjaan terkini, subsidi RAS bagi tahun 2016 yang amaun dia belum diaudit, didapati perbelanjaan RAS telah meningkat hampir RM30 juta setahun daripada RM160 juta setahun kepada RM190 juta setahun. Peningkatan tersebut adalah berpunca daripada kenaikan nilai mata wang Dolar Amerika Syarikat dan juga pengenaan GST oleh kerajaan sejak tahun 2015. Jadi itu berkaitan RAS.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu angka untuk Sarawak sahaja atau untuk Sarawak dan Sabah juga?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Keseluruhan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Untuk Sarawak berapa dan apa angkanya jumlah subsidi purata subsidi *per passenger*? *How much subsidy per passenger for Sarawak? Rural Air Services.*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang itu *I don't have the figure. I'll get the figure* secara bertulislah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Sure. When will you give it to me?*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *I will make sure my officer to take note of this.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Okay not like Stampin's case last year...*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *And saya juga mengenai Yang Berhormat Stampin saya akan pastikan pegawai saya untuk memberikan jawapan bertulis.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau saya boleh membuat pengesahan bahawa— *because the promise that given to me last year is per route. There are routes that are subsidized, there are route that are not subsidized. So, I need to know which routes are subsidized in Sarawak and which are not and how much being given for the whole year of 2016 so that we can study,* dengan izin— supaya kita boleh *study.* Adakah model itu berkesan atau pun tidak berkesan? Sekian, terima kasih. Begitu juga dengan *the aircraft leasing cost as well. Thank you.*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk *aircraft leasing cost* untuk ATR 72-500 dia sebanyak USD170,000 sebulan dan untuk Twin Otter sebanyak USD59,000 sebulan. *Both aircrafts* lah. Seterusnya saya ingin..

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat *sorry* ya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tentang itu *take over of MASwings by Sarawak State Government?* Adakah...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ini yang saya katakan sedang dikaji oleh pihak MAVCOM *because MAVCOM...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini pun ada *negotiation* kah?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tunggu. Tunggu sehingga hasil kajian ini diselesaikan oleh pihak MAVCOM, baru kita dapat maklumat keseluruhan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tunggu sampai bila masa? Okey bilakah satu jangka masa?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kita jangka tahun ini lah. *By end of this year.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat *my answer as well. The routes as well?* Jawapan bagi *routes*— Tuan Pengerusi kalau boleh?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Routes* kita semua ada...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *You're going to list it down for me?*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Boleh, boleh. *I got the routes yang...*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Which routes are subsidized, which are not and how much?* Setiap jumlah subsidi bagi setiap *routes*...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Routes* seperti yang saya katakan pihak RAS ini dia secara keseluruhan. Saya sudah sebut tadi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Betul.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Sekarang peningkatan daripada RM160 juta perbelanjaan telah meningkat kepada RM190 juta. Tentang subsidi itu ia secara keseluruhan.

■1650

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa *not every route are subsidized. So,* jadi saya perlu tahu apakah *route* yang di-*subsidize*, apakah yang tidak di-*subsidize* dan berapa subsidi yang telah diberi bagi *route* yang tidak di-*subsidize* oleh *government* di Sarawak. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Stampin semua *route* bawah RAS di-*subsidize*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Then,* bercanggahan dengan apa jawapan yang dibagi oleh Menteri Pengangkutan. *According to Menteri Pengangkutan...*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Sebab ia di-*subsidize* secara holistik, secara keseluruhan. Ia tidak *subsidize* oleh *route by route*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jawapan yang dibagikan oleh Menteri Pengangkutan bahawa contohnya *route* dari Kuching ke Miri *is not subsidize. Therefore the airfare is higher. That is what the answer being given to me, that is why I need an explanation why this happen.* Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Kuching ke Miri tidak dalam *schedule* RAS. So, semuanya untuk makluman, 19 laluan oleh pesawat ATR dan 30 laluan oleh pesawat Twin Otter. Jadi keseluruhan ada 49 laluan. So, laluan tadi yang *mention* Kuching ke Miri *is not included, not in this 49.*

Yang Berhormat Jelutong tadi juga menyebut tentang pemantauan perjalanan bas jarak jauh. Tindakan JPJ ialah dengan membuat penguatkuasaan di setiap terminal bas, hentian R&R dan juga membuat pemeriksaan secara berkala. Selain itu, JPJ juga membuat pemeriksaan teknikal seperti pemeriksaan tayar, *brake* dan ini dibuat secara berkala di seluruh negara.

Seterusnya, mengenai apakah cara mengawal pemandu bagi mengurangkan kemalangan terutamanya yang melibatkan bas jarak jauh. Untuk makluman Kementerian

Pengangkutan akan mewartakan kaedah mata demerit. Di bawah kaedah ini mana-mana pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas terjadual boleh dikenakan tindakan melalui penggantungan lesen memandu tidak melebihi 12 bulan. Bagi pemandu komersial yang tegar, tindakan penggantungan dan juga pembatalan lesen memandu boleh dikenakan. Dalam tempoh penggantungan dan pembatalan, pihak pemandu tersebut tidak boleh memandu dan ini adalah salah satu tindakan yang akan dikenakan dalam sistem demerit. Seterusnya mengenai Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, mencelah sedikit isu ini.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tidak, saya hendak jawab terus.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak sedikit sahaja isu tentang demerit ini. Kesalahan yang disebut tadi ini sebelum mereka digantung, saya difahamkan mereka juga akan dikenal pasti kesalahan itu melalui kamera AES ataupun cara lain. Jadi denda juga akan dikenakan, denda untuk mereka membayar. Ini bermakna bahawa mereka akan dikenakan hukuman dua kali untuk satu kesalahan. Dua kali untuk satu kesalahan.

Saya setuju untuk menggantung lesen jika mereka didapati bersalah tetapi apa keperluan lagi untuk mereka itu dikenakan AES kalau mereka sudah digantung. Itu akan lebih mendidik mereka. Ini bermakna bahawa pelaksanaan AES itu ialah hanya semata-mata untuk mendapatkan wang daripada pengguna jalan raya. Jadi bagi saya adalah tidak adil untuk satu kesalahan dikenakan dua hukuman.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya rasa tidak ada satu kesalahan dikenakan dua tindakan. Itu tidak berlaku.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman, tuduhan Yang Berhormat bahawa kerajaan hendak mencari duit, itu tidak betul. Ini semua, denda ini adalah satu sistem dan daripada awal merdeka pun sudah ada sistem denda ini. Jadi denda ini adalah untuk memastikan rakyat mematuhi peraturan dan tidak mahu melakukan kesalahan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, saya bersetuju bahawa setiap pengguna jalan raya ini harus mematuhi arahan dan undang-undang. Akan tetapi bila Yang Berhormat menyatakan tidak ada dalam pelaksanaan ini satu kesalahan itu pada dua hukuman. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa orang yang digantung lesen itu tadi dia tidak akan dikenakan denda AES, itu untuk membayar kompaun dan sebagainya. Itu baru kata tidak ada dua hukuman untuk satu kesalahan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Akta ini tergantung kepada akta yang telah diluluskan oleh Parlimen ini. Semua kita laksanakan, semuanya tergantung kepada kelulusan akta yang diluluskan dalam Parlimen.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja tentang demerit. Saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut

tentang penggantungan lesen. Saya ingin tahu apa status pelaksanaan sistem demerit ini. Sudah berapa ramai kena gantung? Sudah berapa yang lakukan kesalahan tetapi belum digantung? Saya nampak pelaksanaan ini, saya pernah kemukakan soalan tetapi nampaknya pelaksanaan ini tidak berapa sistematik dan jawapan saya terima juga nampaknya seolah-olah pelaksanaan ini belum dikuatkuasakan secara sepenuhnya. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat Batu, pelaksanaan ini akan dikuatkuasakan dijangka pada bulan hadapan dan selama ini kerajaan menggunakan akta yang lain untuk mengawal soal kecuaiian dan kesalahan pemandu. Seterusnya Yang Berhormat Dungun...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, maaf. Ini satu berita yang baru sebab demerit ini akan dilaksanakan bulan depan. Saya rasa bukan sahaja di Dewan ini rakyat secara umumnya belum tahu perkara ini. Jadi saya ingin tahu apakah cara kita maklum kepada rakyat supaya tahu sekarang pelaksanaan ini akan dikuatkuasakan, kalau langgar undang-undang lesen akan digantung menurut sistem demerit ini. Kalau ini belum dilakukan mungkin nasihat saya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri kena buat PC selepas ini untuk umumkan bahawa bulan depan itu minggu depanlah. Dewan ini pun terkejut dengar perkara ini akan dikuatkuasakan bulan depan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Bulan April.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Maksudnya minggu depan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: April ini akan dilaksanakan AES, sistem AWAS dan demerit sekali kerana sistem ini dia bersekali, Yang Berhormat. Seterusnya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dungun mengenai sumbangan. Berapakah sumbangan Australia, China dalam misi pencarian? Semenjak misi pencarian dilaksanakan Australia telah menyumbangkan RM60 juta manakala China telah menyumbangkan RM20 juta dan negara China juga telah menyumbangkan penyediaan Kapal Dong Hai Jiu 101 dan peralatan untuk membantu misi pencarian.

Seterusnya mengenai sumbangan kepada waris-waris mangsa MH370. Sumbangan ini tidak daripada kerajaan tetapi pihak kerajaan memberi khidmat untuk waris menyelesaikan pampasan seperti pengeluaran *presumption death certificate* dan pampasan ini dibiayai oleh pihak insurans pesawat MAS. Seterusnya Yang Berhormat...

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya hendak *elaborate* tentang pampasan daripada Yang Berhormat Dungun tadi, setakat ini pihak MAS telah menawarkan sebanyak USD50,000 kepada waris mangsa.

■1700

Manakala jumlah penuh dan akhir pampasan yang patut diterima oleh keluarga mangsa bergantung kepada pembuktian kerugian iaitu, dengan izin, *subject to prove of laws* yang berbeza bagi setiap penumpang. Pembuktian kerugian atas nilai mengikut prinsip-prinsip dan tertakluk kepada *Montreal Convention 1999*.

Seterusnya, mengenai JPJ tentang bayaran ejen. Untuk makluman, kerajaan telah melaksanakan program *e-Government*. Jadi kita telah menggunakan sistem *online* dan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan perbankan secara *online* dan kad kredit dan inilah bayaran-bayaran melalui kad-kad kredit ini, itulah yang dipanggil bayaran kepada ejen pemungut. Jadi Yang Berhormat, setakat itu apa yang dibangkitkan...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Timbalan Menteri, tadi saya minta pencerahan tentang perbekalan untuk Wilayah 1 Subang, saya minta cerita lanjut mengenai apa peruntukan untuk ini, Wilayah 1 Subang di bawah 050100.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat, boleh saya jawab secara bertulislah Yang Berhormat ya? Okey. Terima kasih Yang Berhormat, akhir kata saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan ulasan serta cadangan mengenai isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Cadangan-cadangan Yang Berhormat akan diberi perhatian dan saya ucapkan banyak terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Tuan Pengerusi, ada satu soalan yang dijawab. Usaha daripada pihak kementerian kerana kehilangan ini sudah tiga tahun jadi daripada segi hukum implikasi kepada orang Islam yang menjadi mangsa itu juga mesti dilihat dari segi hukum. Perlu ada satu keputusan yang dibuat oleh fatwa untuk menentukan kedudukan hukum orang hilang, itu yang saya pohon pihak kementerian mengambil perjalanan untuk usul kepada fatwa tersebut. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Mengenai hukum Islam dalam orang hilang, saya pun tidak dapat hendak memberi tentang hukum ini. Saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM215,709,466 untuk Maksud B.28 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2016 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM215,709,466 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Pertama bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM40 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Oleh sebab P.29 hanya token sahaja, P.29 tidak perlu bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] –

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Oleh sebab P.31 hanya token sahaja, P.31 tidak perlu bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Oleh sebab P.32 hanya token sahaja, P.32 tidak perlu bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiada yang berminat, terima kasih. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM104,400,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM104,400,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh sebab P.43 hanya token sahaja, P.43 tidak perlu bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk bahas. Yang Berhormat Batu, sila.

5.08 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja, saya ingin hendak membantu Menteri, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri sudah rajin untuk datang hadir Parlimen. Saya cuma hendak dapat penjelasan atau cadangan. Kini terdapat banyak syarikat yang telah *retrench* atau membuang pekerja-pekerja. Adakah kementerian dalam keadaan yang agak kritikal ini untuk memantau sama ada pekerja-pekerja yang telah hilang peluang

pekerjaan ini, mereka dapat mencari balik pekerjaan sama ada mekanisme ini boleh kita teliti supaya kita boleh mendapat satu gambaran pengangguran yang lebih tepat lagi.

Perkara kedua ialah dalam ucapan Titah Diraja, kita pernah bahaskan kadar pengangguran. Saya juga ingin mendapatkan pandangan daripada Menteri, sama ada kita ubah definisi pengangguran sekarang kerana kalau ikut tafsiran sekarang seseorang itu bekerja kalau tidak salah saya, 10 jam seminggu dianggap sebagai orang yang bekerja, tidak menganggur. Adakah dalam zaman sekarang perlu kita membuat semakan semula, *review* semula tafsiran pengangguran ini supaya kita mendapat satu gambaran yang lebih tepat keadaan pasaran buruh di Malaysia ini? Terima kasih.

■1710

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya nampak Yang Berhormat Serdang dulu. Eh, bukan Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Kulai. Kawasan lama. Ya. Sila, sila.

5.10 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak tambah sedikit. Butiran 00600 di mana RM350 juta telah diperuntukkan untuk membiayai Projek Dana Pinjaman Latihan Kemahiran. Saya sokong usaha kerajaan untuk melahirkan lebih banyak pekerja mahir. Akan tetapi saya rasa walaupun kerajaan kita juga sedar kepentingan untuk mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing dan kita pun telah menetapkan satu sasaran bahawa penggajian pekerja asing tidak boleh melebihi 15 peratus daripada keseluruhan ini pekerja-pekerja. Akan tetapi nampaknya jumlah pekerja-pekerja asing di negara kita masih semakin meningkat.

Pada tahun 2000, pekerja asing ataupun pekerja asing yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara Aktif yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen adalah sebanyak 800,000. Akan tetapi pada tahun yang lalu, tahun 2016, Pas Lawatan Kerja Sementara Aktif yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebanyak 1.8 juta. Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh masa lebih kurang 15 tahun, jumlah pekerja asing yang sah di Malaysia telah meningkat sebanyak satu juta orang. Ini tidak mengambil kira tentang pekerja-pekerja asing tanpa izin atau PATI.

Jadi, saya hendak tanya di sini. Apa usaha-usaha yang akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan bahawa orang tempatan diberi keutamaan dan kita boleh terus mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing? Selepas daripada itu, saya juga hendak sentuh sedikit tentang permintaan atau keperluan untuk menyediakan pembantu rumah. Oleh kerana saya rasa sekarang, pembantu rumah ini adalah satu sektor informal, di mana kita bergantung kepada pekerja asing datang daripada negara lain untuk datang ke negara kita untuk menjadi pembantu rumah. Akan tetapi sekarang memandangkan kebanyakan ibu bapa, terutamanya rumah tangga yang muda ini, kedua-dua orang pasangan ibu bapa ini adalah bekerja, mempunyai pekerjaan sendiri. Jadi, saya rasa permintaan untuk pembantu rumah tangga ini semakin meningkat.

Saya sudah menerima banyak aduan di mana rumah tangga muda ini, *young couples*, mereka sangat susah untuk mencari pembantu rumah tangga yang berkualiti. Ini kerana kalau kita bergantung kepada pekerja asing yang datang ke sini, kalau ejen itu hanya memberi jaminan bahawa mereka akan bekerja di sana selama tiga bulan. Kalau selepas tiga bulan bekerja, pembantu rumah asing ini melarikan diri, agensi ini mereka cakap, lepas tangan sahaja. Mereka lepas tangan sahaja dan cakap bahawa mereka tidak bertanggungjawab. Sekiranya majikan ini ingin mengupah pembantu rumah lagi, mereka perlulah membuat bayaran semula sekali lagi. Bayaran untuk mengupah seorang pembantu rumah asing bukan rendah tetapi melebihi RM10,000.

Jadi, di sini saya hendak tanya. Daripada dana untuk pinjaman latihan kemahiran ini, adakah sektor *informal* seperti pembantu rumah juga diambil kira, juga dimasukkan? Apa rancangan Kementerian Sumber Manusia untuk menyediakan orang tempatan untuk menjadi pembantu rumah supaya kita boleh sama-sama pada masa yang sama, membantu- ini rumah tangga yang perlu pembantu rumah ini untuk atasi masalah ini? Akan tetapi pada yang sama juga menyediakan pekerja ini untuk golongan wanita di Malaysia. Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh.

5.13 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang Dana Pinjaman Latihan Kemahiran Projek ini. Jadi, dana ini adalah untuk siapa? Adakah ia untuk pelajar yang masuk *Vocational Training College* ataupun bagi pihak penganjur iaitu syarikat ataupun institusi yang menganjurkan latihan kemahiran bagi orang muda? Jadi, saya juga hendak tanya, ia fokus kepada industri yang mana dan latihan jenis mana? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh ambil kesempatan untuk beritahu Dewan yang mulia ini tentang ini. Jadi, adakah Dana Pinjaman Latihan Kemahiran ini, ia juga macam bentuk PTPTN yang mana pelajar boleh minta pinjaman daripada kementerian dan selepas itu apabila mereka keluar kerja, mereka kena bayar balik? Jadi, *this is for* penganjur ataupun untuk pelajar?

Masalah kita hari ini ialah kita ada ramai graduan universiti dan kolej tetapi ramai graduan kita ini *unemployable*. Apa yang mereka belajar di universiti dan kolej adalah *book knowledge*. Akan tetapi apabila mereka pergi *interview*, pergi wawancara dengan syarikat, mereka memang tidak dapat menarik pihak majikan untuk menggaji mereka kerana ada kala mereka punya bahasa Inggeris tidak boleh pakai dan syarikat itu perlu pekerja yang mahir dalam bahasa Inggeris. Ada kala apa teknologi atau latihan yang mereka belajar di kolej dan universiti itu adalah *outdated* dan tidak dapat digunakan oleh syarikat atau kilang yang menjadi majikan yang ingin mencari pekerja.

Jadi, saya hendak tanya sama ada kementerian ada mainkan peranan, *something like match-making* yang mana adakan lebih dialog di antara pihak industri dan juga pihak universiti

supaya pihak universiti, pensyarah kita ini tidak hanya sampaikan *book knowledge* kepada pelajar sahaja tetapi juga apa yang mereka ajar dalam kampus juga boleh *cater for the needs of the industry*, dengan izin. Ini sahaja pertanyaan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.17 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara ini. Pertama, Yang Berhormat Batu. Kedua, Yang Berhormat Kulai. Ketiga, Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Pengerusi, baru semalam saya telah menjawab apa yang telah diajukan, apa yang telah diutarakan, apa yang telah ditanyakan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini. Maka, oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat sebab semua telah terjawab semalam. Saya tidak berhajat untuk menjawabnya, untuk mengulangi jawapannya. *I answered yesterday. Now Tuan Pengerusi, ini kenyataan. I don't want to repeat what I was said only yesterday.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Maaf, Tuan Pengerusi. Terima kasih kawan saya dari Bandar Kuching.

Kadang-kadang kita tidak nampak apa yang di situ. Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2015 telah menyediakan peruntukan sejumlah RM350 juta melalui cara pinjaman untuk membiayai projek-projek dan program-program yang akan dilaksanakan oleh PTPK pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, itu secara pinjaman.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan pada bulan Mei tahun 2016 telah menilai semula keputusan dan memutuskan supaya cara pembiayaan ditukar daripada pinjaman kepada cara langsung. Keputusan ini dibuat bagi memastikan Projek Dana Latihan Kemahiran secara berterusan tidak terjejas. Sekiranya pembiayaan secara pinjaman diteruskan, ia akan menjejaskan sasaran *revolving fund* yang ingin dicapai oleh kerajaan sebelum PTPK mampu untuk menjana pendapatan bagi meneruskan pembiayaan dana latihan tanpa memerlukan sokongan berterusan daripada kerajaan.

■1720

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, peruntukan tambahan yang dipohon untuk diluluskan bagi Maksud P.46 Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM350 juta bukanlah bertujuan untuk menambah peruntukan yang disediakan kepada PTPK bagi tahun 2016 tetapi untuk mengubah cara pembiayaan daripada pinjaman oleh kerajaan kepada PTPK kepada cara langsung. Ini telah dijelaskan di dalam nota yang ada di depan kita bersama di nota penjelasan iaitu Lampiran 2A Kertas Perintah 2, Tahun 2017 pada muka surat 12, yang mana jumlah yang sama untuk pembiayaan cara pinjaman telah disekat melalui Waran Sekatan Bil. 19, Tahun 2016 pada 9 Mei 2016.

Berdasarkan kepada peraturan kewangan yang masih berkuat kuasa, pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan bagi mengubah cara pembiayaan. Sehubungan itu, Tuan Pengerusi, waran sekatan berjumlah RM350 juta telah dikeluarkan untuk menyekat peruntukan cara pinjaman yang telah disediakan semasa pembentangan Bajet 2016 dan pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka sebanyak RM350 juta telah diberikan dalam bentuk pembiayaan secara langsung.

Proses ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak mempunyai apa-apa kesan kepada kedudukan kewangan kerajaan dan selaras dengan tatacara dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM350,000,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM350,000,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Oleh sebab P.47 hanya token sahaja, P.47 tidak perlu di bahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM40 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.13 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk bahas.

Yang Berhormat Kuala Terengganu? Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu. Selepas Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Sila.

5.24 ptg.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin bahas tentang B.13 Kementerian Luar Negeri terutamanya tentang peruntukan untuk penyelenggaraan pembaikan bangunan di mana ternampak pertambahan lebih daripada 100 peratus daripada peruntukan asal. Kita perlu tahu perinciannya, detil tentang kenapakah pertambahan yang begitu besar di atas satu projek yang dibangunkan. Adakah ia daripada *variation order*, *cost overrun* atau adakah ini projek tambahan? Ini kerana tidak ada butiran di dalam apa yang telah dibentangkan di dalam kertas di depan kami. Kami perlu lebih banyak lagi informasi tentang perkara ini.

Kedua adalah tentang apa yang telah dilaksanakan tentang kemasukan Malaysia kepada Majlis Keselamatan PBB di mana kerajaan telah melobi dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat kerusi tersebut di mana satu perbelanjaan yang amat besar telah dikeluarkan dalam proses pelobian itu. Kami difahamkan bahawasanya peruntukan yang disalurkan bukanlah melalui pegawai-pegawai daripada PBB di mana selalunya atau kebiasaannya dilakukan melalui pegawai pelantikan khusus seperti Tan Sri Ghazali Ismail dahulu dan segala kerja di Bangsa-Bangsa Bersatu dilakukan di Pusat PBB di New York di mana semua kedutaan negara-negara asing dan kerja untuk melobi untuk apa-apa jawatan dilakukan.

Akan tetapi kebelakangan ini apabila kita di dalam proses melobi untuk kedudukan tersebut, lobi tersebut dilakukan di negeri-negeri yang dikehendaki untuk mendapat sokongan di mana penglibatan pegawai di *United Nations* adalah minimum dan di mana penglibatan Menteri Luar dan pegawai-pegawainya adalah sangat luas dan berterusan di mana satu perbelanjaan yang amat besar dikeluarkan kerana proses melobi ini telah dilakukan daripada negeri ke negeri. Jadi kalau dulu, semua kerja atau pengurusan dilakukan di satu tempat yang berpusat di Pusat PBB di New York tetapi kali ini proses tersebut dibuat di negara-negara yang berkenaan seperti Amerika Selatan, Eropah, Asia dan sebagainya. Ini melibatkan pergerakan begitu banyak, bertambah begitu banyak dan juga pergerakan pegawai-pegawai dalam rombongan Menteri yang melibatkan kos yang boleh dikatakan sangat tinggi. Ini adalah mungkin salah satu daripada sebabnya peruntukan tambahan diperlukan.

Kami ingin soal di sini, kenapa ya *approach* kali ini berbeza? Kerana, dulu tidak melibatkan Menteri kerana kerja-kerja sedemikian rupa adalah memadai dengan pegawai kedutaan di setiap negeri berkenaan dengan peruntukan dan juga pelantikan seperti Tan Sri Ghazali yang melakukan kerja tersebut. Akan tetapi kali ini ditangani sendiri oleh Yang Berhormat Menteri. Ini adalah satu perkara yang kita perlu penjelasan, bagaimana ini telah diubah *approach*-nya dan dari mana peruntukan telah diambil? Adakah di dalam peruntukan yang diletak di dalam kertas di depan kami ini?

Satu lagi yang menjadi satu persoalan adalah dalam cadangan kerajaan, pertimbangannya, untuk menutup 30 *foreign missions* di luar negara. Perkara seperti ini tidak pernah berlaku terlebih dahulu. Paling banyak adalah *downgrading foreign mission* kepada status atau kakitangannya dikurangkan. Akan tetapi kali ini telah ada cadangan untuk menutup *foreign mission* ini dan ini akan menjejaskan operasi dan juga kepercayaan negara luar tentang kehadiran Malaysia di negara-negara yang sepatutnya. Di sinilah letaknya soal reputasi

Malaysia di mana kita akan kurang interaksi di tempat-tempat di mana kita pernah beroperasi dahulu.

Jadi sekali lagi juga kita ingin bertanya, adakah sebahagian daripada peruntukan yang diminta untuk menampung kos ini? Adakah kerajaan masih ingin meneruskan untuk menutup 30 *foreign missions* ini? Ini kerana kami difahamkan telah ditangguhkan dahulu untuk sementara waktu.

Dua lagi perkara yang terakhir adalah tentang kebajikan atau hal ehwal ahli-ahli anggota, pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri yang berpusat di luar negeri. Di mana peruntukan mereka juga untuk ada *visitation right* di mana keluarga, anak-pinak mereka dibenarkan untuk melawat mereka dengan tanggungan daripada kerajaan tetapi hak ini telah diambil atau diberhentikan dan di mana akan terjejas peruntukan mereka sendiri yang terpaksa digunakan dan ini telah menimbulkan banyak masalah *family* dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

■1730

Ini mungkin akan menjejaskan prestasi dan juga *retention* pegawai-pegawai *diplomatic core* yang ingin bertugas dan untuk kita *retain* staf-staf yang lama, yang *senior* di dalam khidmat kerajaan.

Akhir sekali, adalah tentang kebajikan juga. Adakah kerajaan berhasrat untuk menarik balik tindakan untuk menghentikan *allocation* atau peruntukan di mana terdahulu, *diplomatic officer* dibenarkan anak-anak mereka apabila kembali ke tanah air untuk masukkan sekolah anak-anak mereka di *international school*. Jadi apabila mereka diposkan balik atau ditugaskan semula ke seberang laut, tidak akan terganggu sistem pengajaran anak-anak mereka.

Akan tetapi sekarang ini, sistem tersebut telah dihentikan dan mereka hanya boleh menghantar anak mereka ke sekolah biasa dan apabila mereka dihantar ke luar negara semula, ini menjadi satu masalah. Ini adalah satu perkiraan yang patut diambil kira jika kita mahu menjaga mutu dan juga *core* staf yang baik supaya kita dapat menjaga mutu pegawai-pegawai kedutaan kita. Ini adalah satu juga persoalan yang kita ingin tanya, adakah peruntukan untuk mengembalikan apa yang telah dibiasakan untuk pegawai-pegawai kita supaya status atau kualiti pegawai-pegawai kita di seberang laut dan dihantar ke kedutaan luar negara dapat dikawal mutunya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan

Perbelanjaan Mengurus untuk 2016. Saya akan cuba menjawab semua yang ada. Kalau seandainya saya tidak ada maklumat yang tepat, saya akan cuba sampaikan secara bertulis.

Cuma perkara pertama tentang berkaitan dengan— saya nak beri penjelasan sedikit bahawa pengurusan belanja mengurus Kementerian Luar Negeri ini agak berbeza sedikit daripada kementerian-kementerian yang lain.

Untuk makluman bahawa pada Tahun Kewangan 2016, jumlah perbelanjaan mengurus adalah RM595,085,000 dan daripada itu, hampir dua per tiga perbelanjaannya adalah untuk pejabat-pejabat *mission* kita di luar ataupun dalam erti kata yang lain, perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan yang dibuat *denominated* di dalam *foreign currency* terutamanya dalam USD. Maka, perbelanjaan mengurus Kementerian Luar banyak terdedah kepada *volatility of fluctuation of the currency*.

Sebagai contoh, ketika Belanjawan 2016 disediakan pada bulan Mac 2015, kadar tukaran adalah 3.6 dan apabila mana bajet untuk 2016 dibentangkan pada Oktober 2015, kadar telah naik kepada RM4.3 kepada satu Dolar dan pada puratanya keseluruhan pada 2016, kadar tukaran adalah pada RM4.1 dan ketika peruntukan diterima, kadar tukaran adalah RM4.4. Maka, apabila mana berlakunya *volatilities* yang sememangnya di luar jangkauan dan jangkaan, maka ia berlaku *dilution* kepada keupayaan berbelanja dan menyebabkan jumlah-jumlah angka awal tersasar.

Namun untuk bantuan daripada jumlah yang ditanya tadi, pada penyelenggaraan dan pembaikan bangunan. Untuk makluman, daripada jumlah tersebut RM7 juta adalah untuk pejabat perwakilan luar negeri manakala RM1.3 juta untuk Kompleks Kementerian Luar Negeri di Putrajaya dan RM1.5 juta untuk IDFR di Jalan Wisma. Maknanya, lebih kurang hampir 70 peratus daripada itu juga adalah perbelanjaan yang dibelanjakan untuk luar negara.

Manakala soalan yang kedua berkaitan dengan soal lobi UNSC ini sebenarnya ini tidak termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2016. Ini kerana lobi UNSC itu berlaku pada 2013 dan 2014 yang mana saya pun tak jadi lagi Timbalan Menteri. Jadi, saya tidak ada maklumat untuk tujuan berkaitan. Cuma saya nak maklumkan daripada segi aspek lobi ini Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Tuan Pengerusi, kaedahnya memang sebenarnya bukanlah statik, hanya tertumpu di *United Nations mission* sahaja. Kalau kita mengharapkan itu sahaja, bererti kadang-kadang kesan kepada kemahuan kita untuk menganggotai Anggota Tidak Tetap UNSC itu kadang-kadang tidak dipandang penting oleh negara-negara yang hendak memilih kita dan ini bukan dilakukan oleh kita sahaja, malahan dilakukan oleh semua negara.

Saya beri contoh Kazakhstan. Dia hendak lobi untuk masuk UNSC, dia hantar Menteri Luar datang, malahan dia hantar dua kali untuk berjumpa dengan wakil kita di sini. Menteri datang, Timbalan Menteri dan dalam perjumpaan mesyuarat-mesyuarat peringkat multilateral *at the side line*, jumpa lagi. Jadi, proses yang demikian sentiasa berlaku dan demikian juga negara New Zealand ketika hendak mengusulkan supaya *His Excellency Helen Clark* untuk menjadi *Secretary General of United Nations*. Mereka juga datang dan bukan sekali. Ini bererti bahawa

dari segi lawatan peringkat Menteri ataupun Timbalan Menteri di peringkat *lobbying* itu adalah suatu benda yang bukanlah suatu benda yang asing.

Hasilnya saya nak maklumkan bahawa ketika pemilihan Malaysia untuk menjadi anggota UNSC daripada 2014 hingga ke 2016, Malaysia telah terpilih dengan jumlah negara yang memilih sebanyak 187 daripada 192. Ini adalah satu pengiktirafan hasil daripada keakraban dan dasar pragmatisme kita.

Ketiga cadangan untuk menutup 30 *missions* ataupun 30 kedutaan seluruh negara.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Reezal Merican: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri, walaupun kami memahami keperluan untuk melobi, apa yang dimaksudkan di sini dengan keadaan kewangan negara dan sebagainya, walaupun mungkin berlaku sebelum pada krisis kewangan atau situasi hari ini. Apa yang menjadi percakapan adalah kenapa pegawai-pegawai kedutaan kita yang di seberang laut tidak digunakan sepenuhnya juga. Ini kerana amat dapat menyelamatkan kos perbelanjaan, pergerakan dan sebagainya dan mereka juga lebih arif.

Mungkin seperti Yang Berhormat Menteri sebut tadi, perlu Menteri untuk ke sana di beberapa *occasion* tetapi, kita boleh mengurangkan kos ini kerana kita difahamkan, pegawai-pegawai luar negara telah tidak digunakan sepatutnya untuk menjimatkan kos dan *effectiveness*. Itulah menjadi persoalan yang kita letak di sini. Jadi, kita minta supaya kita *utilize* apa yang kita sudah ada untuk menjimatkan lagi. Okey. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih. Sekali lagi saya hendak perjelaskan bahawa tidak begitu tepat kata-kata pegawai-pegawai kita tidak *diutilize*, cuma keberkesanan. Saya hendak maklumkan kalau di negara luar untuk duta bertemu dengan Menteri, adalah satu benda yang sebenarnya amat-amat mustahil. Paling-paling tinggi pun mereka dipanggil untuk berjumpa hanya dengan tahap KSU sahaja. *That is the practices of diplomacy.*

■1740

Dalam soal pemilihan UNSC *membership* ini adalah keputusan dasar. Sebuah negara untuk kalau meletakkan *voting* itu ia bukan ditentukan oleh *the PR* ataupun *Permanent Representative of that particular country in the United Nations Security Council* tetapi dia ditentukan oleh negara dan kepimpinan negara tersebut. Oleh sebab itulah kadang-kadang macam mana saya bagi contoh Kazakhstan, New Zealand tadi ia juga diamalkan oleh negara-negara lain.

Ketiga, cadangan untuk menutup 30 *missions* seluruh negara. Untuk makluman soal kajian ini yang hendak sentiasa dilakukan secara berkala berkaitan dengan keperluan-keperluan *mission* kita ini adalah benda yang sebenarnya agak rutin dilakukan bukanlah satu benda yang tidak pernah dilakukan. Kita ada 108 *missions* Yang Berhormat dan juga Tuan Pengerusi tetapi jumlah *mission* kita ini tidak memberi apa-apa perlambangan. Kalau keberadaan *missions* tertentu ia tidak membawa kepada hubungan yang *substantive*.

Untuk makluman, ada negara-negara yang jauh lebih rendah. Kita ada 108 *missions*, Singapura ada 80 *missions* sahaja. Manakala, Indonesia lebih daripada kita sedikit kerana mereka 10 tahun merdeka lebih awal daripada kita. Thailand ada 102 *missions*, *a lot lesser than us*, *Philippine a lot lesser than us*. So, kadang-kadang ada negara-negara yang mana kita lihat keperluannya tidak ada tapi tidak bererti kita tidak ada wakil. Kadang-kadang ada *accredited ambassador* memungkinkan supaya keberkesanan dan juga *cost efficiency* boleh dilakukan pada waktu yang sama, dasar-dasar dan perhubungan luar antara negara tersebut tetap terpelihara.

Ini dilakukan secara berkala dan cuma pada waktu sekarang saya boleh menyatakan tidak ada sebarang keputusan untuk membuat penutupan 30 kedutaan ataupun *mission* kita di luar negara.

Berkaitan kebajikan hal ehwal anggota. Ya, saya ucapkan terima kasih. Memang ini jugalah antara perkara-perkara yang saya tekankan sejak saya masuk ke kementerian ini. Saya cukup bersetuju dan memanglah kalau boleh dibangkitkan berulang-ulang kali mungkin ia akan mendapat juga memberi penambahan bajet kepada saya, kepada Kementerian Luar Negeri dan secara tidak langsung boleh membantu. Bajet Belanjawan Kementerian Luar Negeri adalah antara yang terendah di antara kementerian-kementerian yang lain. Belanjawan Tambahan ini pun hanya RM24 juta sahaja iaitu 0.7 peratus daripada RM3.08 bilion, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Terakhir sekali berkaitan dengan untuk soal anak-anak yang sudah pulang sama ada mereka boleh terus menghantar anak-anak untuk bersekolah. Kemudahan bantuan yuran pelajaran kepada semua pegawai penjawat awam yang berkhidmat di luar negara masih diberi kepada penjawat awam dan ia masih lagi tertakluk kepada pekeliling perkhidmatan yang masih lagi berkuat kuasa.

Jadi itu sahajalah yang ada yang dapat saya jawab pada hari ini. Terima kasih banyaklah terutamanya kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu atas keprihatinan yang saya fikir amat mendalam berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dan saya ucapkan terima kasih. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM24,126,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM24,126,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan. Oleh sebab P.60 hanya token, P.60 tidak perlu bahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri. Oleh sebab P.62 hanya token, P.62 tidak perlu di bahas.

[Tiada Perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.63 [Jadual] -

Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil1) 2016] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk di bahas. P.63 hanya token sahaja, P.63 tidak perlu bahas... *[Disampuk]* Saya tahu, saya tahu. P.63 tidak perlu bahas. Perbahasan terhad kepada Kepala Bekalan B.63, B.63 terbuka untuk bahas.

Seorang Ahli: ...Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

5.46 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Pertamanya adalah saya ingin tahu tentang perkara satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu ada dua buah Institut Pendidikan Guru di Sarawak iaitu IPG Miri dan IPG Rajang akan ditukar kepada Kolej Politeknik dan Vokasional. Pengumuman ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mana satu Yang Berhormat? B.63 terhad kepada...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Operation.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Operasi dan kontekstual.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini operasi. Ini pengumuman untuk tukarkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin penjelasan dan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada yang sedang diperkatakan ini termasuk dalam Butiran.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Tidak termasuk Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak termasuk Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini operasi bukannya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak termasuk Yang Berhormat. Sudah jelas Yang Berhormat tidak termasuk dalam Butiran.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dapat beri maklumat tentang itu IPG Miri dan IPG Rajang. Operasi kedua-dua IPG ini sama ada ia akan dilanjutkan atau ditukarkan kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hanya perkara dalam Butiran sahaja Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kolej Vokasional dan Politeknik- tidak apa.

Perkara kedua, ini tadi berlaku di Kamar Khas semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab usul penangguhan saya, Yang Berhormat Menteri katakan tahun ini tidak ada masalah kekurangan guru di Sarawak.

Saya ada ditunjukkan satu surat yang ditandatangani oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang bertarikh 3 Februari 2017. Surat ini dituju kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian di Putrajaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri termasuk kah ini Yang Berhormat Menteri?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak termasuk juga Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini Menteri tadi bohong dalam Kamar Khas...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak Yang Berhormat. Kita dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekarang Menteri jawab ini adalah mengenai guru.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di Dewan ini kita dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau tahu baguslah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini Tuan Pengerusi, apa yang kita hendak kita sebut adalah untuk menampung perbelanjaan operasi dan kontraktual. Ini mengenai gaji guru bukannya ini perbelanjaan operasi? Guru interim, guru- bukannya ini di

bawah perbelanjaan operasi pun tidak. Kalau ini tidak payahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk di sini, buat apa? Semua tidak ada kaitan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Konteks yang lain boleh Yang Berhormat.

■1750

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah mengenai masalah kekurangan guru di Sarawak. Satu surat yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang mengatakan ada kekurangan- minta bekalan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah dan sekolah menengah serta guru mata pelajaran kritikal. Di bawah senarai mata pelajaran kritikal yang diperlukan adalah di antaranya guru Matematik sekolah menengah 64 orang. Surat ini dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada 3 Februari 2017. Adakah surat ini palsu atau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Kamar Khas bahawa tak wujud langsung. Tak ada masalah kekurangan guru di Sarawak ini. Adakah jawapan itu bohong? Saya ingin tahu. Saya ingin tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh itu saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri berilah jawapan dengan betul-betul, jangan main-main di sini dan jangan bohong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sebentar Yang Berhormat ya. Saya minta untuk penjelasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, peraturan mesyuarat kata cuma perkara yang dalam butiran yang kita akan bincang dalam peringkat ini. Jadi minta pencerahan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa sebenarnya yang dikatakan perbelanjaan operasi dan kontraktual ini.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia hanya minta beberapa perkara yang akan kita bahaskan. Satu tentang isu-isu dalam OS2800 dan OS2900 iaitu bekalan untuk kebersihan bangunan dan juga kebersihan bangunan kawasan. Selain daripada itu kita juga akan bincang tentang perkhidmatan kawalan keselamatan dalam aspek pendidikan rendah, menengah dan juga pendidikan lepasan menengah pula ialah untuk utiliti dan untuk yang terakhir ialah biasiswa kecil persekutuan. Itu sahaja butiran Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya rasa semua jelas.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Kenapa maklumat ini tak ada dalam buku ini? Bagaimana kita tahu apa yang diminta untuk kita luluskan dana ini untuk dibiayai?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apalah Yang Berhormat. Yang penting pihak Menteri sudah buat penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini menunjukkan kementerian ini tak langsung tidak bertanggungjawab. Sekarang tak dapat jawapan. Beri alasan lain, ini tak ada berkaitan, itu tak ada berkaitan. Kenapa maklumat ini tak masuk dalam buku ini supaya kita tahu, tahu apa yang harus dibahaskan, tak payah bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada lagi yang hendak berbahas? Perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Kulai.

5.53 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak ambil bahagian dalam sesi perbahasan ini di mana hampir RM300 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi dan kontraktual. Saya rasa tadi Timbalan Menteri ada sebut bahawa salah satu item adalah kawalan keselamatan.

Di sini memang saya ada satu perkara tentang ini kawalan keselamatan di sekolah-sekolah di kawasan Batu Pahat. Walaupun bukan kawasan saya tetapi itu ialah kampung halaman saya, jadi saya pun terima aduan daripada Batu Pahat. Ini terlibat 42 orang pengawal keselamatan di 12 buah sekolah rendah di kawasan Batu Pahat. Majikan mereka adalah Ehsan Security Services Sdn Bhd. Menurut 42 orang pengawal keselamatan ini, gaji mereka tidak dibayar. Gaji sering kali lewat dibayar dan tidak mengikut perjanjian awal. Bukan itu sahaja, caruman KWSP dan SOCSO tidak di carum walaupun di dalam slip gaji telah ditolak.

Saya hendak nyatakan di sini bahawa sebenarnya 42 orang pengawal keselamatan ini telah pergi mempunyai satu mesyuarat di Jabatan Pendidikan Negeri Johor pada 21 September tahun yang lalu. Sampai hari ini sudah setengah tahun tetapi isu ini masih belum diselesaikan lagi. Jadi tiada pilihan. Hari ini ADUN DAP di Batu Pahat telah membawa 42 orang pegawai ini pergi ke Jabatan Pendidikan Daerah tetapi pegawai yang bertanggungjawab cakap dia sibuk, tak ada masa untuk berjumpa 42 orang pengawal ini. Jadi tidak pilihan, mereka perlu pergi ke balai polis untuk buat laporan polis. Mereka perlulah pergi ke Jabatan Sumber Manusia untuk dapatlah keadilan untuk mereka. Jadi saya di sini hendak tanya kita minta satu peruntukan tambahan yang begitu besar, hampir RM300 juta untuk buat perbelanjaan kontraktual.

Saya rasa nasib pengawal keselamatan ini tetapi nampaknya Kementerian Pendidikan hanyalah lepas tangan sahaja. Bukan isu ini yang baru. Kalau cakap isu ini baru, hanyalah tiga minggu saya boleh faham kerana mungkinlah perlu masa sedikit masa untuk buat siasatan. Akan tetapi masalah di sini sudah setengah tahun, September tahun lalu sampailah hari ini 21 hari bulan September tahun lalu sampailah hari ini, mesyuarat dibuat di Jabatan Pendidikan Negeri Johor di peringkat negeri tetapi sampai hari ini 42 orang pengawal keselamatan ini masih tak dapat gaji mereka yang sepatutnya dibayar oleh majikan mereka.

Oleh sebab itu mereka sekarang sudah berhenti kerja, tak mahu pergi ke sekolah. Jadi saya hendak tanya bagaimana dengan isu keselamatan pelajar-pelajar kita? Kita perlukan pengawal keselamatan ini untuk menjaga keselamatan untuk budak-budak kita. Oleh sebab ketidakberkesanan Kementerian Pendidikan, sekarang 42 orang pengawal keselamatan ini mereka cakap enggan pergi kerja. Jadi akhirnya, kalau ada apa kes berlaku, *kidnapping*kah bagaimana? Siapa yang akan dipertanggungjawabkan?

Jadi saya terpaksa untuk membangkitkan isu ini di sini. Saya rasa hari ini kita ada dua Timbalan Menteri duduk di sini. Saya harap Timbalan Menteri boleh bantulah saya. Bantulah

murid-murid di sekolah rendah Batu Pahat untuk mengatasi isu ini. Bantulah 40 orang pengawal keselamatan ini untuk dapat gaji dan juga KWSP dan juga SOCSO mereka serta-merta dan untuk syarikat yang tidak bertanggungjawab ini, Ehsan Security Services Sdn Bhd. Senarai hitamkan syarikat ini. Jangan bagi mereka kontrak untuk menjaga keselamatan untuk sekolah-sekolah lagi. Siapa adalah majikan ataupun *shareholder* ataupun *director* syarikat ini, Kementerian Pendidikan perlulah buat siasatan dan memastikan bahawa segala-gala ini majikan, *shareholder* ataupun pengarah ini semua disenaraihitamkan. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Bendera.

5.58 ptg.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020000 - Perkhidmatan dan Bekalan untuk Pendidikan Rendah dan Menengah.

Secara khusus saya hendak menyentuh mengenai pembekalan *chromebook* ataupun komputer mudah alih kepada sekolah-sekolah. Soalan ini saya tanya semalam, tetapi Menteri Kewangan, dia kata mungkin lebih sesuai kalau Menteri Pendidikan yang menjawab.

Jadi menurut jawapan Parlimen yang saya terima, kerajaan telah mendapat bekalan 116,399 unit *chromebook* dari Syarikat YTL dengan kos RM248 juta. Saya hendak tanya di sini sebab kalau kita teliti, harga seunit itu kalau kita bahagikan adalah amat mahal RM2,130 seunit kalau benar. Ini adalah satu harga yang amat mahal kalau kita banding dengan kos yang boleh kita beli *chromebook* dari pembekal ataupun *manufacturemy Acer* atau *Samsung* pada harga lingkungan RM988 sehingga RM1,299.

Jadi dalam jawapan Parlimen yang saya terima juga dinyatakan bahawa selain daripada perkakasan juga ada perisian dan sebagainya. Akan tetapi bukankah YTL ini juga kontraktor yang menyediakan sistem 1BestariNet yang bersama-sama bukan sahaja infrastruktur *internet*, jalur lebar tetapi juga VLE ataupun Frog VLE iaitu perisian pelantar pembelajaran maya yang termasuk sekali.

■1800

Jadi mengapakah perlu kita bayar kos lebihan ini. Dahlah kita beli *chromebooks* daripada Syarikat YTL yang bukan pembuat komputer, bukan *computer manufacture*. Kenapa kita tidak beli terus komputer tersebut daripada *Acer* ataupun *Samsung* tetapi dibeli pula daripada YTL yang sudah mempunyai monopoli besar di dalam Kementerian Pendidikan, dalam 1Bestari Net dan sebagainya. Soal kedua yang saya hendak bangkitkan, ini sebenarnya susulan kepada persoalan yang saya tanya juga dalam peringkat dasar iaitu mengenai PISA ataupun keputusan PISA. Jawapan yang saya terima daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, PISA tak masuk dalam itu.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Tidak termasuk? Akan tetapi pendidikan menengah, murid-murid Tingkatan 3 juga yang ambil PISA ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak dengar Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Murid Tingkatan 3, pendidikan menengah. Ini penilaian atas murid Tingkatan 3.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apalah, kalau tak berkaitan pun saya tengok Menteri tak akan jawab ya.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey tapi sekejap sahajalah, cuma nak tanya susulan kepada jawapan yang saya terima daripada Menteri semalam yang menyatakan bahawa antara sebab yang menyebabkan Malaysia terkeluar daripada senarai Laporan PISA 2015 adalah kerana atas masalah-masalah teknikal, data yang hilang dan sebagainya tetapi saya mempertikaikan alasan tersebut sebab ini bukan kali pertama kita mengambil bahagian dalam PISA, sudah kali ketiga. Takkan dalam kali pertama dan kali kedua itu tidak berlaku apa-apa masalah teknikal tetapi tiba-tiba dalam kali ketiga, berlaku. Jadi pada saya, saya nampak seperti ada strategi untuk membuat keputusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sikit.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya cuma nak tanya Yang Berhormat Bukit Bendera dan juga Timbalan Menteri Pendidikan, bolehkah kementerian memberi satu jaminan bahawa benda ini tidak akan berlaku lagi *because this is very important issue* yang amat memalukan. Boleh kah kementerian memberi jaminan *this thing will not happen again, the government will work as hard as possible to make sure that we can get the PISA score*. Terima kasih.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya setuju sangat dan harap dimasukkan ke dalam ucapan saya ini sebab bila saya keluar negara, saya bincang dengan orang-orang di luar negara, orang dalam industri pendidikan, semuanya mengatakan bahawa PISA adalah satu penilaian menjadi standard yang amat penting bagi mereka mengukur pencapaian sekolah-sekolah mereka. Jadi saya rasa kita tidak boleh ambil ringan hakikat bahawa Malaysia telah terkeluar daripada senarai Laporan PISA dan kalau kita teliti kenapa kita terkeluar, ia adalah kerana peratusan murid yang mengambil bahagian, penyertaan murid itu adalah kurang. Buat kali pertama, 2009 tak ada masalah. Tahun 2012 tak ada masalah tetapi tiba-tiba 2015 tak cukup murid yang mengambil bahagian dan kita lihat pula terlampau banyak murid daripada kalangan sekolah berasrama penuh sebagai contoh.

Jadi nampaknya seolah-olah ada strategi untuk membuat *over-sampling* daripada murid-murid daripada sekolah berprestasi tinggi dan kemudian mungkin ada cubaan untuk mengurangkan penyertaan murid daripada sekolah berprestasi rendah. Jadi yang ini saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Harap kita boleh dapat penjelasan sebab sehingga kini kerajaan telah membisu, belum lagi memberi jawapan mengenai isu ini. Jadi, harap Tuan Pengerusi, nanti Yang Berhormat Menteri boleh menjawab. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

6.04 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat sikit penjelasan. Yang pertama, Butiran 20000 mengenai kontrak pembersihan di sekolah-sekolah. Adakah semua sekolah di seluruh Malaysia ini dilantik kontraktor luar untuk membuat pembersihan terutama pembersihan umpamanya bilik air dan juga padang permainan dan sebagainya kerana saya perhatikan, banyak sekolah yang tidak memuaskan. Adakah pihak kementerian atau PPD memantau *performance* kontraktor-kontraktor ini? Merujuk kepada Butiran 92900, berapa banyak kah pelajar yang diberi biasiswa kecil ini dan *level* pendidikan mereka. Adakah di peringkat daripada sekolah menengah rendah ke peringkat SPM dan sebagainya ataupun ke kolej dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar. Tak dengar Yang Berhormat ya? Tak dengar kah?

6.05 ptg.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tak jelas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oh! Tak jelas. Tak apalah, JKR mendengar kita. Dia akan perbaikilah nanti [*Ketawa*]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Harap-harap dia dengar ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, harap-harap dia dengar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Faham-faham sahajalah. Saya ingin ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Mengenai Butiran 010000 - Bahagian Pengurusan, Butiran 010500 – Pentadbiran Negeri.

Mengikut butiran yang ada di sini, dia kata untuk perkhidmatan dan bekalan di mana kita mendapati anggaran asal ialah RM184 juta dan penambahan kali ini untuk 2016 yang telah digunakan adalah RM79 juta. Ini menunjukkan ada peningkatan sebanyak 43 peratus tambahan yang telah digunakan. Saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah RM79 juta ini telah digunakan. Jika ia digunakan untuk pembelian sebab ini adalah pengurusan pentadbiran negeri, jika ia digunakan untuk apa-apa belian aset dan sebagainya, saya menuntut penerangan daripada Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan bagaimana wang ini telah digunakan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban [*Ketawa*] Yang Berhormat Rasah.

6.07 ptg.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020200, dan juga Butiran 020300, yang melibatkan pendidikan rendah dan juga pendidikan menengah. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa ini melibatkan utiliti.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya beberapa hari yang lepas di mana pengelola-pengelola Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, mereka telah pun mengadakan satu mesyuarat tahunan di mana mereka ingin menyeru kepada pihak kerajaan sebab buat masa kini, pihak Kerajaan Pusat cuma memberi subsidi sebanyak kalau tak silap RM5,000 kepada setiap SMK(C) dan dalam hal ini, menurut apa yang disebut oleh mereka, sebenarnya kebanyakan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Cina, kebanyakan utiliti mereka iaitu bil elektrik, bil air, *phone bill* mereka mencecah lebih kurang RM20,000.

Jadi dalam perkara ini, saya ingin memohon pandangan dan juga kerjasama daripada pihak kementerian, adakah perkara ini boleh diselesaikan supaya memastikan sekolah-sekolah ini mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membayar utiliti ini. Seterusnya saya rasa saya telah pun beberapa kali saya pun membangkitkan kebimbangan saya terhadap peruntukan yang diturunkan daripada pihak kementerian sebab untuk pendidikan rendah dan juga pendidikan menengah, kedua-duanya pada kali ini ada meminta tambahan bajet sebanyak RM96 juta daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Saya ingin tanya kepada pihak Kementerian Pendidikan, oleh sebab tahun lepas, sesuatu yang tidak kita ingini telah pun berlaku terhadap peruntukan bagi penyelenggaraan sekolah-sekolah. Saya hendak tanya apakah mekanisme yang diamalkan oleh pihak kementerian untuk memastikan peruntukan yang telah pun diturunkan kepada kementerian ini dapat disalurkan kepada setiap sekolah ataupun macam mana pihak kementerian dapat memastikan peruntukan ini benar-benar turun kepada tujuan yang sebenar. Harap perkara ini atau masalah yang sama tidak akan berlaku seperti apa yang berlaku pada tahun lepas iaitu peruntukan penyelenggaraan untuk kebanyakan aliran sekolah termasuk SMJK, SJK(C) dan SJK(T) tidak akan berlaku lagi dan saya rasa itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1810

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru. Selepas itu Yang Berhormat Kepong.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan isu tentang 020000, 020200, 020300 tentang Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah. Kita ingin ada satu penjelasan yang lebih jelaslah kerana kita dengar daripada pelbagai pihak polemik yang berlaku. *That is not a political issue.* Kita mahu *close the case* iaitu peruntukan daripada 2016 di mana janji RM50 juta menjadi RM16,500,000 dan adakah tambahan ini RM33,500,000 itu datang daripada peruntukan ini untuk SJK(C) dan juga begitu juga dengan masalah SJK(T) yang di mana dia kurang juga daripada RM50 juta sehingga RM16,500,000. So adakah pertambahan kepada SJK(T)?

Kita tahu bahawa sekolah-sekolah ini ada dalam keadaan yang terdesak kerana keadaan kebersihan dalam *toilet*, dalam mana-mana tempat *maintenance* itu kekurangan. *We know school*, sudah banyak sekolah, ramai murid mereka menggunakan *toilet system* selalu rosak. Tiap-tiap tahun kena *repair*. Kalau kita tidak ada satu sistem untuk peruntukan yang *extra* ini kepada mereka, mereka tidak mampu dan *toilet* akan menjadi sangat-sangat teruk.

Jadi kita minta Yang Berhormat Menteri, kalau bolehlah kita *publish*-kan sekolah-sekolah yang dapat, berapa dapat, *so that it's transparent*. Di Pulau Pinang kita pun ada peruntukan khas seperti ini dan kerajaan negeri pun *publish*-lah. *You know in a transparent way*, sekolah ini dapat berapa, sekolah itu dapat berapa. *It's very clear. So that, that no misunderstanding, that no* sangka buruk dan sebagainya. So, kalau boleh saya minta Yang Berhormat Menteri supaya secara terbuka *publish*-kan tahun 2016 peruntukan khas ini setiap sekolah itu dapat berapa, sekolah apa, dapat berapa. *In a website or whatever. So that everyone knows*.

Begitu juga dengan pendidikan menengah. Tahun 2015, ada RM25 juta peruntukan khas. Tetapi baru-baru ini seperti Yang Berhormat Rasah cakap tadi belum dapat lagi dan mengikut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu Presiden MCA kata mereka tengah mengusahakan duit tambahan. Jadi saya hendak tanya di Parlimen, berapakah peruntukan tambahan untuk SMJK.

SMJK ini dia satu kategori yang selalunya terabai sebab dia bukan dalam sistem yang biasa. SJK(C) ini dia banyak, 1,200 sekolah. Akan tetapi SMJK ini dia hanya 60 buah saja di seluruh negara. *So often, very often overlook*. Akan tetapi dia mempunyai ramai pelajar. Saya sendiri juga keluar daripada SMJK. Jadi kita tahu bahawa keadaan SMJK ini sangat-sangat teruk. Kita punya *toilet*, kita punya bangunan, selalu bocor, hujan mesti bocor.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Bayan Baru, boleh sedikit. Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mencelah sedikit kerana terpanggil untuk memberi sedikit pandangan mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Cina. Sebenarnya buat masa kini, Sekolah Menengah Kebangsaan Cina, mereka masih belum menerima peruntukan penyelenggaraan yang sepatutnya diturunkan pada tahun 2016 dan pada masa yang sama ketika pengumuman pembentangan Bajet 2017, senarai ataupun nama Sekolah Menengah Kebangsaan Cina telah pun dikeluarkan ataupun dikecualikan di dalam senarai yang sepatutnya menerima peruntukan. Sebab kebiasaan SMJK(C) ini dia kebiasaannya akan menerima sebanyak RM25 juta setahun.

Jadi saya ingin mohon Yang Berhormat Bayan Baru, kalau boleh masukkan pertanyaan saya ke dalam ucapan Yang Berhormat

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Boleh, saya masukkan ucapan Yang Berhormat Rasah ke dalam ucapan saya. Saya ingin- jadi kita mintalah *transparent ya. There's nothing to hide. We just*, kerana ini adalah sekolah. Sekolah ini penting, institusi yang penting. Saya menyeru supaya kerajaan *just publish transparent way*.

Saya juga ingin tanya tentang 092900 – Biasiswa Kecil Persekutuan. Ini adalah pertambahan sebanyak 31 peratus. Saya hendak tanya siapakah yang mendapat Biasiswa Kecil Persekutuan. Setiap orang berapa? Ini adalah *target group* apa? Saya kurang mendapat maklumat tentang ini dan saya rasa biasiswa itu penting tetapi saya hendak tahu mekanisme bagaimana mereka diberikan *selection process* dan siapa yang *beneficiary* daripada Biasiswa Kecil Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kepong. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

6.16 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, 020000. Ini untuk kemudahan asas dan kita ada hampir 10,000 sekolah di negara ini dan hampir lima juta pelajar dan setiap tahun kita ada peruntukan bagi kemudahan asas. Akan tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, guru besar dan pengetua, kadangkala mereka tidak boleh menentukan apa yang boleh dibuat kerana ada kontraktor yang dilantik dahulu sudah dan kontraktor inilah yang menetapkan mana kita akan buat. Kalau dia perlukan pembaikan di dalam bilik sekolah, tapi dia boleh buat jalan dan sebagainya. Ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh mengkaji semua kontrak untuk kemudahan asas ini dan termasuk kontraktor. Kalau bolehlah dengan jawapan bertulis, bagi saya. Itu kontraktor-kontraktor di dalam peruntukan tambahan ini, bilangan kontraktor dan apakah kriteria yang digunakan untuk melantik kontraktor-kontraktor ini.

Yang pentingnya, pengetualah tahu apa yang dia perlu dan guru besarlah lebih tahu apakah yang diperlukan. Bukan kontraktor dan ini sistem pelantikan kontraktor mesti dikaji dengan kriteria-kriteria yang berkesan supaya semua kontraktor di semua sekolah termasuk di Sabah, hanya kontraktor yang mampu dilantik. Itu saja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

6.18 ptg.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Bayan Baru dan juga Yang Berhormat Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan yang menyentuh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, fokus penggulangan saya pada hari ini ialah lebih menjurus kepada penjelasan kepada isu-isu dasar yang telah pun dibangkitkan. Namun demikian isu-isu yang spesifik juga akan saya cuba ulas sebaik mungkin. Kalau ada kekurangan, saya akan dapatkan penjelasan itu mungkin dalam bentuk bertulis kemudian. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sama ada saya harus memberi respons kepada Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia kalau tidak masuk dalam butiran Yang Berhormat, tidak perlu ya.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak termasuk tetapi beliau juga telah menyahut beberapa ayat yang tidak sepatut digunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh buat tetapi budi bicara Yang Berhormat.

▪ 1820

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang berlaku di Kamar Khas sebentar tadi ialah satu subjek spesifik. Beliau membangkitkan isu Kamar Khas tentang kekurangan guru Matematik di Sarawak. Sebentar tadi dikatakan ada data daripada JPN secara keseluruhan yang mana data itu kurang tepat. Saya membetulkan maklumat dengan memberi penjelasan secara spesifik. Mungkin beliau kecewa kerana maklumat yang ada pada dia itu tidak tepat dan tidak dapat menerima hakikat bahawa maklumat itu tidak betul. Saya maafkan dia dan saya harap beliau dapat semak fakta-fakta yang betul sebelum menyatakan satu perkara yang tidak betul. Itulah harapan saya.

Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain kerana telah membangkitkan perkara-perkara yang memang relevan walaupun tidak bersangkut paut dalam isu perbekalan khas ini tetapi saya akan cuba sedaya upaya untuk cuba menjawab soalan-soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Pulai, sebentar lagi saya akan jawab walaupun Yang Berhormat Pulai yang kedua tetapi saya akan jawab apa maklumat yang ada pada saya buat masa ini.

Tuan Pengerusi, tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera tentang pembekalan *chromebook*. Yang Berhormat, walaupun dalam perbekalan tambahan ini tidak ada kena-mengena dengan bekalan *chromebook*, tidak ada kena-mengena sama sekali, okey. Saya boleh memilih untuk tidak menjawab tetapi saya harus memaklumkan sedikit fakta apa yang ada. Yang Berhormat, seperti yang diperjelaskan, perkhidmatan pembekalan merangkumi tujuh perkhidmatan yang lain yang tiada pertindihan dengan perkhidmatan 1BestariNet dan hanya berkaitan dengan program penggunaan *chromebook* sahaja. *Chromebook* yang dibekalkan juga digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran selain daripada pembelajaran ala maya ataupun *virtual learning environment* dan tempoh waranti juga dilanjutkan daripada satu tahun kepada tiga tahun.

Saya faham Yang Berhormat telah pun membangkitkan perkara ini dan kita dari semasa ke semasa akan sentiasa memantau penggunaan ini. Yang Berhormat, isu PISA ini tidak ada kena-mengena dalam bajet tambahan. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia menjamin perkara yang telah berlaku ini tidak akan berulang lagi. Ini jaminan Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat. Kita di sini, Ahli Parlimen Barisan Nasional pun telah menyuarakan hasrat dan kekecewaan mereka. Kita ambil maklum, kita memohon maaf dan kita memastikan perkara ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Akan tetapi Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak. Baiklah saya rasa tekad kementerian untuk memastikan tidak berlaku lagi adalah suatu yang baik. Cuma saya hendak minta penjelasan, kenapa boleh berlaku sebab jawapan yang di

mana kata berlaku teknikal dan sebagainya saya rasa tidak sepatutnya berbangkit pada ketika ini. Saya harap satu penjelasan yang lebih baik boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan yang terperinci boleh saya beri tetapi mungkin bukan dalam medan ini kerana ini topik jauh berbeza. Saya boleh berbincang dengan Yang Berhormat untuk memberi penjelasan terperinci. Harapan saya ialah apabila penjelasan terperinci itu diberi, diharap terima. Itu sahaja harapan saya. Biasanya kalau penjelasan terperinci diberi, diterima pada masa perbincangan itu dilakukan tetapi selepas perbincangan itu selesai, dibangkitkan lagi juga. Harap benda itu tidak berlaku. Terima kasih Yang Berhormat kerana memahami keadaan.

Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan isu peruntukan penerima biasiswa kecil dan Yang Berhormat Hulu Langat pun membangkitkan perkara yang sama sebentar tadi. Yang Berhormat, Biasiswa Kecil Persekutuan ini merupakan salah satu program yang mana Kementerian Pendidikan Malaysia telah mulakan bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan.

Seramai 155,255 pelajar menerima bantuan Biasiswa Kecil Persekutuan yang mana bantuan ini diberi kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 sebanyak RM70 sebulan untuk 12 bulan. Untuk pelajar-pelajar Tingkatan 5, RM70 sebulan untuk 11 bulan.

Untuk Tingkatan 6 Aliran Sains, Tingkatan 6 Rendah, kita bagi RM110 sebulan untuk tujuh bulan dan Tingkatan 6 Atas RM110 untuk 11 bulan. Yang Berhormat, kriteria kelayakan untuk penerimaan ini ialah:

- (i) murid-murid warganegara Malaysia,
- (ii) Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 yang bersekolah di sekolah kerajaan atau pun bantuan kerajaan,
- (iii) pendapatan ibu bapa/penjaga RM1,500 sebulan dan ke bawah,
- (iv) cemerlang dalam akademik dan kokurikulum; dan
- (v) tidak menerima sebarang biasiswa atau elaun insentif lain daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Itu sahaja syarat-syarat untuk mereka menerima bantuan ini Yang Berhormat.

Sebentar tadi Yang Berhormat Bayan Baru juga telah membangkitkan isu RM25 juta peruntukan khas...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi yang *handsome* lagi budiman hari ini. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya kenapa ada tambahan 31 peratus? Ini kerana, kalau kita bajetkan RM100 juta setahun, kenapa tiba-tiba tambah 30 peratus? *Is that because of economic hardship* atau bajet tidak cukup dan sebagainya? Minta penjelasan.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ada peningkatan dalam pemohon dan juga kita beri kepada lebih ramai pelajar tingkatan enam khususnya. Okey. Yang Berhormat Bayan Baru, tentang isu RM25 juta peruntukan khas, peruntukan tambahan SMJK 60 buah itu. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2017, peruntukan sebanyak RM500 juta disediakan untuk sekolah-sekolah kerajaan dan

sekolah-sekolah bantuan kerajaan bagi tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan dimasukkan sekali, okey. Yang Berhormat juga menyatakan tentang memberi *detail* siapa menerima, contoh peruntukan penyelenggaraan.

Untuk makluman Yang Berhormat, benda ini kita tidak pernah hendak mempolitikkan perkara ini, tidak pernah, tidak ingin pun. Walau bagaimanapun, beberapa hari lalu ramai orang bertanya bagaimana peruntukan ini diberi.

Untuk makluman Yang Berhormat, contoh untuk SJKT. Pada bulan Januari 2017, saya telah pun menyenaraikan secara terperinci negeri mana, sekolah mana dapat peruntukan mana di laman sesawang *Facebook* saya. Cerah, *very detail*, berapa sekolah- berapa puluh ribu, berapa sekolah- berapa puluh ribu. 251 buah sekolah telah menerima RM16.5 juta [*Tepuk*]

Tidak ada isu hendak kata tak nak bagi kerana maklumat itu terbuka, boleh dapat mana-mana pun. Bagaimana ia diselenggarakan? Soalan baik Yang Berhormat. Kita biasanya ada pasukan pemantau dari JPN, PPD. Kita beri peruntukan terus kepada LPS atau Lembaga Pengelola Sekolah. Apabila Lembaga Pengelola Sekolah mendapat peruntukan tersebut, mereka mempunyai kebebasan untuk menggunakan peruntukan itu keperluan sekolah. Akan tetapi kalau ada penyalahgunaan, kita boleh memantau dan boleh ambil tindakan terhadap mereka. Segala peruntukan yang diberi oleh Kementerian Kewangan melalui Kementerian Pendidikan disalurkan terus kepada penerima. Kita tidak simpan di Kementerian Pendidikan sama sekali. Itu cara kita memberi peruntukan ini Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah bangun.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cuma ada dua persoalan mengenai penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana kalau mengikut trend yang perhatikan, bajet untuk SJKT bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM50 juta. Tahun 2015 RM50 juta. Tahun 2016 tidak ada butiran, tidak ada pecahan dan tahun 2017 RM50 juta. Agaknya apa sebabnya pada tahun 2016 cuma RM16.5 juta diberikan kepada SJKT? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Tadi saya juga tanya Yang Berhormat Menteri tentang SMJK(C) - RM25 juta. Tahun 2015 - RM25 juta, tahun 2017 - RM25 juta tadi Yang Berhormat Menteri cakap. Akan tetapi tahun 2016, berapa juta telah diberikan kepada SMJK(C)? Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Maklumat tersebut akan saya beri kepada Yang Berhormat kerana tidak ada pada saya sekarang kerana tidak ada masuk dalam bekalan tambahan ini. Saya boleh beri maklumat ini kepada Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta maaf Tuan Pengerusi. Maksudnya tidak ada peruntukan?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak ada, bukan. Dengar Yang Berhormat, sabar.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Maksud saya, kita tidak minta tambahan untuk peruntukan tersebut. Bajet tambahan ini tidak ada kena-mengena dengan penyelenggaraan. Maka, maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat tidak ada pada saya. Saya akan beri maklumat ini kepada Yang Berhormat kemudian. Faham? Bagus. Terima kasih. Yang Berhormat Rasah, seperti mana saya katakan juga tadi Yang Berhormat, perkara ini tiada dalam bekalan tambahan. Saya beri penjelasan kepada maklumat yang ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, benar apa yang dikatakan Yang Berhormat. Pada tahun 2016, memang tidak ada perincian, Perdana Menteri mengumumkan RM500 juta tidak ada perincian.

■1830

Semasa itu kita telah menerima RM16.5 juta dan kita juga telah memohon untuk tambahan dan saya pasti Kementerian Kewangan sekiranya ada cukup peruntukan, mereka akan membekalkan tambahan tersebut. Kita hanya perlu bersabar. Dan tahun 2017, mereka telah pun membekalkan RM50 juta yang akan kita edarkan dalam masa yang terdekat. Kita akan melakukan apa yang terbaik kerana di sini saya ataupun Timbalan Menteri, Yang Berhormat Senator Datuk Chong, juga cuba sebaik upaya untuk memastikan sekolah-sekolah bantuan kerajaan SJK(C), SJK(T) mendapat bantuan yang diperlukan untuk penyelenggaraan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit lagi boleh tak?

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Boleh saya habiskan, Yang Berhormat?

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Mohon maaf, Yang Berhormat.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Sekurang-kurangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri berjaya menurunkan peruntukan ini pada Januari 2017. Akan tetapi, apa yang berlaku kepada SJK(C) itu teruk. Sampai hari ini saya rasa cuma lebih kurang 80 percent yang mendapat peruntukan tersebut. Yang *balance* masih belum dapat lagi. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memang ada kelayakan untuk jadi Timbalan Menteri di dalam...

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat, di sini kita semua layak, Yang Berhormat. Fasal kelayakan jangan kita cakap.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Saya tidak cakap siapa yang tidak layak jadi Timbalan Menteri.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Kita di sini, Barisan semua ini memang layak, mempunyai cukup kelayakan menduduki jawatan kita masing-masing tetapi saya ucapkan terima kasih. Sahabat saya Timbalan Menteri Senator Chong juga melaksanakan

tanggungjawab dengan sebaik boleh. Yang Berhormat, saya berbalik kepada topik yang lain Yang Berhormat ya.

Mekanisme KPM pastikan peruntukan- saya telah menjawab soalan tersebut.

Untuk Yang Berhormat Hulu Langat, apakah kontraktor di luar lantik untuk pembersihan sekolah-sekolah. Perolehan bagi pembersihan sekolah-sekolah dibuat secara tender terbuka di kalangan syarikat-syarikat yang berkelayakan. Pemantauan terhadap kontraktor yang dilantik dibuat secara berkala. Sekiranya didapati prestasi tidak memuaskan, denda atau penalti akan dikenakan terhadap mereka.

Yang Berhormat Rasah saya dah- ha, tentang utiliti. Okey. Yang Berhormat, penetapan kadar sebenar tidak melebihi RM5,000 ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, bukan Kementerian Pendidikan. Saya terima baik pendapat itu kerana banyak sekolah minta, tetapi yang ditetapkan RM5,000 siling ini ialah Kementerian Kewangan. Saya pasti Kementerian Kewangan pun sekiranya ada peruntukan yang cukup, mereka boleh menambah tetapi terpulang kepada peruntukan kewangan pada semasa tersebut.

Yang Berhormat Kapar yang membangkitkan perkara tadi. Yang bekalan tambahan ini dua perkara ya, KBK dan PKK. KBK ini maksudnya untuk kebersihan sekolah dan kawalan keselamatan. Untuk kebersihan sekolah sebanyak RM7.4 juta dan untuk kawalan keselamatan sebanyak RM72.3 juta kepada semua syarikat yang membekalkan perkhidmatan ini yang berkaitan. Itulah bagaimana kita akan menggunakan peruntukan yang kita mohon yang kita maklumkan dalam bajet tambahan ini.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya ingin mendapatkan perincian macam mana ataupun bagaimana RM72 juta itu digunakan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri terlalu terbuka. So, perincian itu perlu ada supaya saya memahami apa yang sedang berlaku dengan RM72 juta tersebut. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ini merupakan penambahan untuk pembayaran kerja-kerja keselamatan dan pembersihan. Perinciannya saya boleh beri kepada Yang Berhormat mungkin secara bertulis tetapi kita gunakannya spesifik kepada kerja-kerja sekuriti dan juga pembersihan sahaja. Perincian itu saya boleh beri kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Yang Berhormat Kulai tentang 42 orang pengawal keselamatan di sekolah di Batu Pahat. Untuk makluman Yang Berhormat, bekal AP58 ataupun bayaran bagi bulan November dan Disember 2016 telah pun dibayar pada 21 Mac 2017 baru-baru ini. *This is for November and December. We have paid.*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada satu laporan polis yang dibuat oleh pengawal keselamatan ini bahawa untuk tahun ini, kelewatan untuk membayar gaji mereka untuk Januari, Februari dan Mac berlaku lagi. Jadi ini menunjukkan bahawa tidak ada satu penyelesaian untuk jangka masa panjang yang telah dicari atau dicapai untuk mengatasi isu ini. Nampaknya- betul, selepas mesyuarat itu, gaji mereka lewat dibayar

tetapi sekarang masalah ini berulang lagi. Sebab itu hari ini 42 orang pengawal keselamatan ini pergi buat satu laporan polis dan menyatakan bahawa mereka enggan untuk pergi bekerja, lapor diri di sekolah kerana mereka rasa tidak dapat gaji mereka.

Jadi saya rasa ini perlu kita cari satu *mechanism* untuk memastikan bahawa semua kontraktor ini membayar pekerja-pekerja mereka mengikut jadual masa. Sekiranya mempunyai masalah seperti ini, adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa pekerja ini dapat gaji mereka serta-merta supaya mereka tidak cagak macam sekarang, enggan untuk pergi ke sekolah untuk melaporkan diri dan menjalankan tugas.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya mengambil maklum apa yang telah dimaklumkan. Kita cuba mencari penyelesaian juga.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi bulan Januari, pembayaran itu tidak dapat dibuat kerana lesen KD baru belum diperbaharui lagi. Kontraktor itu belum diperbaharui lagi. Jadi kita akan cuba membantu mereka untuk menyelesaikan. Kita dalam landasan yang sama. Bagi saya, pekerja-pekerja ini harus dibayar gaji kerana yang mengambil kontrak ini tanggungjawab dia. Kita juga ambil maklum bahawa sekiranya ada berlaku kelewatan pembayaran tidak membayar gaji, Kementerian Pendidikan Malaysia kita bersedia untuk menamatkan kontrak tersebut.

Yang penting ialah keselamatan anak-anak kita di sekolah, bukan kepentingan kontraktor ya. Kita pentingkan keselamatan anak-anak kita. Itu landasan kita dan kita dalam landasan yang sama, Yang Berhormat ya. Kita akan memastikan perkara ini tidak akan berulang tetapi kita juga harus membayar kepada perkhidmatan yang telah diberi. Kalau perkhidmatan tidak diberi, tidak boleh bayar. Jadi kita memantau semua ini dan kita akan mengambil tindakan. Saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat memaklumkan kepada saya dalam Dewan yang mulia ini dan kita di Kementerian Pendidikan Malaysia akan sekali lagi melakukan siasatan, akan mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit ya. Terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri janji bahawa akan beri maklumat tentang peruntukan SMJK(C) untuk tahun 2016. Saya minta Menteri juga beri jawapan dalam jawapan bertulis berapa jumlah yang diperuntukkan dan bila akan diedarkan kepada sekolah. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Okey Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas keprihatinan, perhatian, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM297,960,000 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM297,960,000 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.12 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.12 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk bahas. Ya, Yang Berhormat Jasin.

6.37 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja kerana saya lihat peruntukan ini adalah senang sahaja kerana adalah pemindahan. Ia adalah merupakan B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun sebanyak RM2.24 bilion. Jumlah ini sebenarnya adalah merupakan lebih daripada kutipan hasil disatukan yang kita pindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk apa-apa juga projek kepada kementerian-kementerian bagi membantu membiayai untuk tujuan pembangunan ataupun perbelanjaan pembangunan.

Jadi saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, sebenarnya kementerian atau projek yang manakah yang telah kita salurkan, dan kementerian yang manakah yang mendapat syer yang terbesar?

Keduanya, daripada hasil kita, hasil kita pertama daripada LHDN, Lembaga Hasil, yang kedua daripada GST dan hasil yang lain-lain.

■1840

Pertama, saya hendak tanya tentang LHDN ini yang telah dicorporatizekan. Setakat manakah sebenarnya keberkesanan LHDN telah dicorporatizekan dan adakah kutipan mereka ini melebihi sebelum dicorporatizekan.

Kedua, LHDN ini mendapat 1.5 peratus daripada jumlah kutipan. Adakah jumlah yang sebanyak 1.5 peratus ini mencukupi untuk membiayai *overhead* mereka. Kalau sekiranya tidak mencukupi, adakah kerajaan akan membiayainya dan membantu ataupun adakah kerajaan memikirkan untuk satu angka yang lain? Mungkin lebih daripada 1.5 peratus ini bagi

memastikan supaya LHDN tidak ada masalah dan dapat menjalankan kerja mereka dengan lebih berkesan lagi.

Ketiga, saya hendak dapat maklum daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah syarikat-syarikat ataupun setakat manakah orang-orang perseorangan yang gagal untuk melunaskan apa yang sepatutnya mereka bayar dan apakah tindakan yang telah dibuat? Keempat kepada pungutan GST. GST ini kita dapat tahu adalah satu kutipan ataupun hasil yang telah menyelamatkan negara kita. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, pada tahun lepas berapakah jumlah kutipan kita berbanding dengan unjuran kita sebenar dan adakah setakat ini syarikat-syarikat yang masih lagi gagal untuk membayar ataupun melunaskan apa-apa yang sepatutnya mereka bayar. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

6.41 ptg.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Pertama, untuk jawab soalan Yang Berhormat mengenai *transfer* duit kepada peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ini, ya memang benar ini adalah merupakan lebih daripada pendapatan yang telah dimasukkan dalam akaun yang disatukan. Kemudian selepas tolak perbelanjaan *operating expenditure, so balance* sebanyak RM2.2 bilion ini dimasukkan ke akaun Kumpulan Wang Terkanun. Tujuan dimasukkan ini adalah ini adalah kita punya normal prosedur. *Every time* bila kita ada lebih, kita masukkan dalam akaun Kumpulan Wang Terkanun iaitu wang pembangunan supaya kita mengurangkan pinjaman untuk melakukan *development expenditure* kita. Membelanjakan *development expenditure* kita.

Daripada RM41.9 bilion yang dibelanjakan pada tahun 2016 untuk pembangunan kepada semua kementerian, saya tidak mempunyai maklumat *detail* dari segi tiap-tiap kementerian. Akan tetapi, nanti saya akan bagi secara *writing* kepada Yang Berhormat berapa banyak kementerian mana yang dapat banyak sekali wang pembangunan ini.

Kedua, soalan Yang Berhormat sama ada 1.5 peratus fi yang dikutip oleh LHDN cukup untuk membiayai operasi LHDN, setakat ini 1.5 peratus ini mencukupi dari segi menampung perbelanjaan kos kakitangan-kakitangan LHDN dan juga operasi LHDN.

Ketiga, soalan dari segi adakah terdapat syarikat-syarikat yang tidak membayar GST. Memang ada Yang Berhormat, tetapi ini adalah merupakan maklumat-maklumat yang kita masih dalam proses buat kita punya penyiasatan. Sebahagian daripada mereka bila kita bagi notis, dia akan bayar dan sebahagian daripada syarikat yang tidak mampu untuk bayar GST ini kerana tidak ada *cash flow* dan kita akan berunding dengan mereka. Sebab sebahagian daripada mereka ini tidak menyedari bahawa mereka sepatutnya membayar GST apabila mereka mendaftar syarikat mereka dan telah melebihi *threshold* RM500,000.

Jadi yang lain itu saya ingat Yang Berhormat, saya rasa saya sudah jawab masa Dasar dan ini lebih kepada *specific transfer*. Jadi saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,248,437,560 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,248,437,560 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

[Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2016 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak sembilan ratus lapan puluh tujuh juta tujuh ratus enam puluh satu ribu satu ratus tujuh puluh empat ringgit (RM987,761,174) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan

2016 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2017 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak sembilan ratus lapan puluh tujuh juta tujuh ratus enam puluh satu ribu satu ratus tujuh puluh empat ringgit (RM987,761,174) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2016 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2017 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak sembilan ratus lapan puluh tujuh juta tujuh ratus enam puluh satu ribu satu ratus tujuh puluh empat ringgit (RM987,761,174) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2016 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2017 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.” hendaklah disahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 29 Mac 2017.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.49 petang]